

PARLIMEN KESEMBILAN

PENGGAL KELIMA

MESYUARAT PERTAMA

Jilid V

Bil. 9

Isnin

17 Mei 1999

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Ruangan)

USUL:

- Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh
- *Y.A.B Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad*

(Ruangan)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob,
P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T.,
P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi,
Tan Sri Datuk Kasitah bin Gaddam (Dilantik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum
(Dilantik)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Datuk Haji Ibrahim bin Ali, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)
- “ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)
- “ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)
- “ Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail, A.M.P. (Perlis)
- “ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)
- “ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K.,
B.K.M. (Kedah)
- “ Dato' Chet Singh s/o Karam Singh (Pulau Pinang)
- “ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)
- “ Tuan Chin Kon Tow @ Chin Kong Too, A.M.N., B.K.T.,
J.P. (Melaka)
- “ Datuk Christina Lorline Tibok @ Christine Vanhouten (Sabah)
- “ Puan Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)

- “ Dato’ Ghazi @ Hasbullah bin Haji Ramli, D.I.M.P. (Selangor)
- “ Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Dilantik)
- “ Datuk Haji Hashim bin Safin @ Shafin, D.M.S.M. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Hunaizah binti Mohd. Noor (Kelantan)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Janggu Anak Banyang, P.B.K. (Sarawak)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Puan Kamilia binti Ibrahim (Dilantik)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato’ P. Krishnan a/l Permual (Dilantik)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Tuan Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu a/l Nadeson, A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Dilantik)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin, D.S.A.P. (Dilantik)
- “ Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawawi, A.M.P., P.P.N., P.J.K. (Perak)
- “ Datuk Norjan binti Khan Bahadar (Dilantik)
- “ Tuan S. Parasuraman a/l Sanasamy @ Sinnasamy (Kedah)
- Yang Berhormat Puan Hajah Ramlah binti Abas (Melaka)
- “ Puan Hajah Ramlah binti Kassim (Pahang)

- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Datuk Haji Sairin bin Karno (Sabah)
- “ Tuan Haji Salleh @ Hassan bin Ali, P.J.K. (Terengganu)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Noor (Dilantik)
- “ Puan Tan Ah Eng (Johor)
- “ Tuan Tan Ek Huat (Perak)
- “ Dato’ V.K.K. Teagarajan, D.P.M.S., A.M.N. (Dilantik)
- “ Tuan Tee Thiong Hock, S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Selangor)
- “ Dato’ Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To’ Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Dato’ Dr. Yeow Seng Huat (Pahang)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara	:	Abdullah bin Abdul Wahab
Ketua Penolong Setiausaha	:	Zamani bin Haji Sulaiman Haji Mustakin bin Selamat
Penolong Setiausaha	:	Nor Hayatee binti Abdullah Haji Mustafa bin Abdul Rahman Ruhana binti Abdullah

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Hajah Supiah binti Dewak Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop Mohamed bin Osman Norishah binti Mohd. Thani Shamsina binti Janor Ramlah binti Mohd. Yusuff Nora'ini binti Hetam Miskiah binti Hassan Rosnani binti Ahmad
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar bin Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali Mejar (B) Zakaria bin Salleh Mejar (B) Kamarudin bin Abdullah A.M.N., Psc TUDM
-------------------	---	--

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Isnin, 17 Mei 1999****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. **Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah keluasan tanaman sentang, jati, balak, kayu getah dan sila nyatakan juga mengikut kajian terperinci kementerian apakah jenis tanaman yang paling menguntungkan.

Menteri Perusahaan Utama [Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini seluas 232,945.75 hektar ladang hutan telah dimajukan di seluruh negara iaitu 73,566 hektar di Semenanjung Malaysia, 10,000 hektar di Sarawak dan 145,379.72 hektar di Sabah dengan tanaman spesis cepat tumbuh seperti akasia mengium serta lain-lain spesis seperti jati, pine dan sentang. Daripada jumlah tersebut 90% adalah ditanam dengan spesis akasia mengium dan jumlah kawasan ladang yang ditanam dengan tanaman sentang ialah seluas 1,303 hektar, tanaman jati seluas 4,931 hektar dan balak jenis getah pula meliputi kawasan seluas 3,599 hektar. Hasil kajian terperinci yang dijalankan oleh kementerian untuk tanaman ladang hutan didapati bahawa tanaman spesis jati memberi pulangan serta pendapatan tahunan yang tinggi berbanding dengan spesis lain tetapi ini juga bergantung kepada pasaran jenis kayu itu.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah kerajaan sedar bahawa penanaman semula jenis tanaman seperti sentang dan

beberapa jenis spesis yang lain yang diluluskan oleh kerajaan-kerajaan negeri kadang-kadang tidak mendapat satu kajian terperinci. Sebagai contoh dari segi saintifiknya sentang mungkin sesuai di beberapa tempat, kerana kita tidak mahu kerajaan menanam secara percubaan (trier) sebagaimana telah gagal sebelum ini iaitu pokok-pokok exotic seperti piones carabia yang menjadi trier plantation, dengan izin, di Bentong. Jadi, semua ini adakah kerajaan sedar kadang-kadang kita terlampau mempromosikan pokok-pokok yang bukan tropika, maknanya exotic species, dengan izin, dengan tidak mengutamakan tanaman ataupun pokok-pokok hutan yang sedia ada dalam hutan tropika kita.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju kepada pandangan Yang Berhormat di mana kementerian menasihatkan kerajaan negeri atau sektor swasta bahawa sebelum mereka mulakan tanaman secara besar-besaran sila rujuk kepada Institusi Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) untuk memberi kajian tanah dan jenis pokok yang sesuai untuk ditanam di tempat-tempat mereka. Yang kedua, mereka patut mengkaji pasaran kepada jenis pokok atau kayu yang dikeluarkan dari jenis pokok yang ditanam oleh mereka di mana kita tidak mahu mereka menunggu 7 sehingga 15, 20 tahun dan selepas itu bila pokok itu ditebang dan hasil yang dikeluarkan tidak ada pasaran yang mana harga yang sangat rendah yang mereka tidak boleh mengambil balik apa yang mereka telah melabur di tanah mereka.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin menambah soalan daripada soalan asal saya tadi. Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan kerana saya terperanjat menengokkan bahawa tanaman akasia mengium merupakan 90% daripada tanaman yang dibuat oleh kerajaan-kerajaan negeri, kerana saya ingin tahu daripada pihak kerajaan adakah tanaman akasia mengium mendatangkan pulangan kerana kita didapati banyak masalah. Sekarang ini saya difahamkan tanaman akasia mengium ini telah pun matang tetapi dari segi kegunaan kerana tanaman ini banyak penyakit, saya dengar cerita ada (rot) di tengah-tengah pokok dan sebagainya, jadi ini merupakan satu kerugian besar kepada kerajaan-kerajaan negeri yang berhutang dengan Asia Development Bank. Jadi, adakah pihak

kerajaan ingin menghapuskan tanaman akasia mengium dan ditanam dengan balak getah di mana jenis ini hanya mempunyai keluasan 3,599 memandangkan kayu getah merupakan balak yang baik, dan adakah juga pihak kerajaan bersetuju supaya pekebun-pekebun kecil di mana mereka kini terpaksa diberi subsidi, menebang pokok-pokok getah yang sedia ada sekarang ini dan diganti dengan pokok getah balak yang mendatangkan hasil yang baik.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, ladang hutang yang ditanam dengan akasia mengium dengan pinjaman dari Asia Development Bank (ADB) telah dijalankan 22 tahun yang lalu yang masa sekarang pokok pun sudah matang. Tetapi apa yang saya jawab tadi tidak ada kajian atas tanah yang sesuai untuk ditanam dengan jenis pokok itu atau pasaran yang dihadapi oleh kayu-kayu yang dikeluarkan di hutang akasia mengium sekarang. Sekarang kita menghadapi masalah yang mana kerajaan-kerajaan negeri yang telah menanamkan beberapa hektar dengan spesis akasia mengium menghadapi masalah sakit hati (heart rot) yang mana di tengah-tengah pokok ini sudah sakit. Ini direct translation dengan izin, heart rot ialah 'sakit hati'. *[Ketawa]*

Hasil dari penjualan akasia mengium yang telah ditanamkan tidak boleh mendapat pendapatan yang mencukupi untuk membayar balik apa yang dipinjamkan oleh ADB. Saya pun sudah berbincang dengan pihak kerajaan negeri berkenaan untuk memberitahu supaya hutan ini untuk ditebang oleh sektor swasta dengan syarat mereka akan menanam semula dengan pokok-pokok yang ada pasaran seperti pokok getah. Kita ada klon-klon pokok getah baru latex timber clone (LTC) yang cepat tumbuh dan pokoknya baik, tumbuh dalam masa 12 sehingga 15 tahun.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap tahniah kepada Menteri yang menjalankan tugas dengan cukup berkesan dan begitu prihatin. Soalan saya, saya tidak pasti sama ada kementerian sedar bahawa Kerajaan Negeri Perlis khasnya telah menjalankan penanaman pokok-pokok di sepanjang jalan, walaupun negeri kami kecil tetapi kita guna sepenuh tempat-tempat ini dengan memberi jabatan-jabatan tertentu untuk menjadi bapa angkat. Yang saya hendak tanya

sama ada pihak kementerian bercadang untuk memberi galakan kepada petani-petani dan peladang-peladang yang mempunyai kawasan yang agak terbiar supaya mereka ini juga menggunakan tanah itu dengan menanam pokok-pokok balak ini. Kita didapati ada agensi yang terlibat seperti RISDA masih diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan pernah timbul masalah dari segi pelaksanaan. Sama ada kerajaan bercadang untuk meletakkan agensi-agensi yang terlibat ini di bawah Kementerian Perusahaan Utama supaya segala tindakan kerja-kerja hendak bantu ini akan menjadi lebih berkesan dan ia tidak overlapping.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di mana Kerajaan Negeri Perlis telah menanam pokok jati di sebelah jalan. Saya pun tidak tahulah tanaman itu sama ada untuk mencantikkan jalan atau untuk mendapatkan hasil selepas ia matang dan macam mana mereka akan menebang pokok itu apabila banyak kereta di jalan raya itu. Itu masalah yang pertama.

Yang kedua, kita memang menggalakkan pekebun-pekebun kecil yang ada tanah terbiar atau kebun terbiar untuk menanam dengan pokok getah dengan jenis latex timber clone (LTC) baru dengan mencampur tanaman lain. Dasar Pertanian Kebangsaan Ketiga ialah agroforestry yang mana kita menggalakkan mereka untuk menanam pokok secara ladang tetapi dicampur dengan tanaman yang lain yang mana bila menunggukan kematangan pokok itu mereka boleh dapat hasil atau pendapatan dari tanaman yang cepat tumbuh yang boleh dapat hasil pada tahun-tahun yang mereka menunggu kematangan pokok yang mereka tanam secara hutan.

2. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar jumlah pesakit di hospital-hospital kerajaan telah meningkat akhir-akhir ini dan ini bukan disebabkan oleh tahap kesihatan yang merosot tetapi kegawatan ekonomi dan jika ya, adakah kaunter-kaunter pesakit luar dan katil-katil akan ditambah untuk menampung kebanjiran bilangan pesakit yang dahulunya dirawat di klinik swasta atas biayaan syarikat mereka.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]:

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini sedar dan telah memanjangkan peningkatan jumlah kedatangan pesakit luar dan kemasukan pesakit ke hospital-hospital kerajaan berikutan masalah kegawatan ekonomi yang sedang melanda negara. Statistik kedatangan pesakit luar dan kemasukan pesakit pada tahun ini berbanding dengan tahun lepas menunjukkan adanya peningkatan.

Satu kajian perbandingan beban kerja bagi tiga bulan pertama tahun 1997 dan tahun 1998 menunjukkan bahawa jumlah kedatangan pesakit luar telah meningkat sebanyak 9.7% secara purata bagi keseluruhan negara. Peningkatan ini adalah tinggi bagi sesetengah negeri seperti Melaka - 16.6%, Perlis - 13.8%, Sarawak - 12.3% dan Sabah - 10.2%.

Kemasukan pesakit ke wad juga meningkat sebanyak 1.78% secara keseluruhan di mana Melaka mencatatkan peningkatan sebanyak 10.24%, Terengganu 9.35% dan Pahang 7.88%.

Bagi memastikan perkhidmatan rawatan pesakit tidak terjejas, langkah-langkah berikut telah dan sedang dilakukan.

- (i) Membuat pengagihan pegawai dan anggota perubatan berdasarkan beban kerja yang terlibat.
- (ii) Melanjutkan waktu perkhidmatan di klinik pesakit luar, extended clinic hours, dengan izin. Amalan ini telah dilaksanakan di beberapa buah hospital.
- (iii) Mengadakan perkhidmatan penjagaan ambulatory di mana rawatan/pembedahan dijalankan secara day care/day surgery dengan izin, dan hanya pesakit yang memerlukan rawatan sebagai pesakit dalam dimasukkan ke wad.

Statistik kadar penggunaan katil di hospital-hospital kerajaan memberi gambaran secara keseluruhan, jumlah katil adalah mencukupi untuk menampung peningkatan kemasukan pesakit. Kementerian Kesihatan mempunyai jumlah katil

sebanyak 33,918 buah katil dan kadar penggunaan katil adalah sebanyak 62.1% pada tahun 1997 secara keseluruhan.

Walau bagaimanapun, Kementerian tidak menafikan kesesakan pada masa tertentu terutama bagi hospital-hospital yang mempunyai perkhidmatan kepakaran 'tertiary' dengan izin, seperti Hospital Kuala Lumpur. Masalah ini akan dapat diatasi apabila Hospital Selayang mula beroperasi pada hujung tahun ini. Pembukaan Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia, Cheras pada bulan September tahun 1997 telah membantu mengurangkan kesesakan di Hospital Kuala Lumpur.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Pihak Kementerian Kesihatan sedar atau tidak bahawa taraf kementerian dan juga taraf layanan diberi kepada pesakit-pesakit untuk pergi ke hospital sekarang ini amat menurun. Apa yang dibentangkan tadi amat molek didengar, tetapi apa yang sebenarnya berlaku di hospital-hospital sekarang ini layanannya sangat menurun. Adalah amat penting sekali bahawa kesihatan rakyat amat penting sebab kalau rakyat sihat perbelanjaan Kementerian Kesihatan akan dapat diturunkan dan juga tenaga buruh manusia akan dapat dipertingkatkan. Jadi penting sangat Kementerian Kesihatan ini. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Soalan tambahan. Mengapa layanan tidak begitu baik diberi, contoh, Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lipis baru-baru ini, seorang daripada ejen saya, ejen pilihan raya saya telah pun meninggal dunia. Dia pergi ke hospital Kuala Lipis, doktor kata "awak tidak ada apa sakit, awak boleh balik" dia kata. Kaki dia bengkak, dia muntah-muntah, sikit, empat hari sahabat baik itu meninggal dunia. Baru-baru ini saya balik ke Raub, perwakilan UMNO cukup marah dengan saudara-saudara dia. Jadi, inilah satu layanan yang tidak baik sebab doktor tengok tidak ada masalah, balik. Orang kampung apa tahu, balik. Jadi, layanan ini amat tidak baik, hospital swasta baik sekarang ini, tetapi orang miskin mana boleh pergi hospital swasta, Tuan Yang di-Pertua. Itu soalan tambahan saya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, soalan yang panjang tetapi spesifik. Saya minta notis dari Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, di hospital seluruh Malaysia termasuk dengan hospital-hospital ataupun klinik-klinik kesihatan, memang ada 23 juta orang datang satu tahun sekali. Oleh itu memang ada masalah satu, dua tetapi kalau satu-satu kes, ada individu kalau sampaikan kepada kementerian, saya boleh ambil tindakan dengan mereka.

Dr. Yeow Seng Huat: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya iaitu berapakah kos sebenar kerajaan belanja ke atas setiap seorang pesakit yang menerima pesakit luar dan berapakah kos setiap seorang pesakit yang tinggal di wad pada satu hari?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, itu yang kita tengok berdasarkan kes individu, ada perbezaan. Oleh itu saya minta spesifik kos mana yang dikehendaki.

Dr. Yeow Seng Huat: Minta maaf, saya ingin hendak tahu purata, purata seorang pesakit?

Dato' M. Mahalingam: Saya minta notis dari Yang Berhormat berkenaan.

Puan Hajah Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah pihak kerajaan pernah membuat penyelidikan awal kepada perasaan ataupun cita rasa doktor-doktor kerajaan di atas sebab-sebab terlalu kekurangan tenaga doktor dengan kerja mereka amat berlebihan dan mungkin mereka telah jemu dengan profesion mereka sendiri. Terima kasih.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, contohnya kalau kita tengok sebuah hospital kalau ada dengan 100 katil dan 100 katil kita beri memang 10 orang doktor umpamanya kalau kita beri. Kalau bed commonsurate kalau kita minta lebih kurang 60%, kita beri 6 orang doktor iaitu 60%. Bila beban kerja naik, masa itu kita tambah lebih lagi doktor, itu yang kita jalankan, kalau kita beri dengan satu tempat dengan 100 katil dan beri dengan 10 orang doktor, yang 10 orang doktor semuanya tiada bekerja sebab itulah kita jalankan di seluruh negara.

3. **Puan Hajah Ramlah binti Kassim** minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan, adakah Kementerian akan membuat beberapa pindaan positif kepada Akta Pengambilan Semula Tanah 1976 supaya usaha-usaha mengambil tanah untuk projek-projek Kerajaan seperti di jalan raya dan lebuhraya dan pemberian pampasan bagi gantirugi kepada tuan punya tanah tidak tergendala begitu lama.

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dr. Goh Cheng Teik]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tidak bercadang untuk membuat pindaan kepada Akta Pengambilan Tanah 1960. Sebenarnya pindaan besar akta ini telah pun dibuat melalui Akta A(999) bertarikh 31 Julai 1997 dan telah berkuatkuasa pada 1 Mac 1998.

Tuan Yang di-Pertua, pengambilan tanah untuk maksud awam bagi projek-projek kerajaan seperti jalan raya dan lebuhraya tidak menjadi masalah kerana peruntukan telah disediakan oleh pihak kerajaan apabila permohonan pengambilan tanah dibuat. Jika berlaku kelewatan bayaran, bayaran denda lewat 8% setahun perlu dibayar. Lagi pula, Tuan Yang di-Pertua, prosedur pengambilan tanah untuk projek-projek berbentuk komersial pula telah diperketatkan dengan pengenaan bayaran deposit sebanyak 125% dari nilai tanah terlebih dahulu.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Sebagaimana yang kita maklum, kadang-kadang berlaku keriuhan lantaran tidak puas hati daripada orang-orang atau individu di mana tanah mereka diambil oleh kerajaan. Saya ingin tahu berapa banyakkah kes-kes tidak puas hati ini telah di bawa ke mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua: Memberi notis?

Dr. Goh Cheng Teik: Ya, saya perlu.

4. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan harga di pasaran dunia bagi komoditi-komoditi utama negara ini seperti getah, kelapa sawit, kayu balak dan koko. Apakah prospek bagi industri-industri ini pada masa akan datang, jika harga di pasaran dunia tidak menentu bagi komoditi-komoditi ini.

Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Marimuthu yang mewakili Dewan Negara atas minat dan perhatian

kepada komoditi-komoditi di bawah kementerian saya. Bidangnyanya adalah luas dan saya minta izin kalau saya memakan masa yang panjang sedikit untuk menjelaskan keadaan ini dan diharap Yang Berhormat-Yang Berhormat boleh bersabar sedikit ya. Terima kasih.

Harga bagi komoditi-komoditi seperti getah, minyak sawit, kayu balak atau kayu kayan dan koko di pasaran dunia banyak bergantung kepada kedudukan pengeluaran dan permintaan dunia ke atas komoditi-komoditi berkenaan. Biasanya apabila penawaran atau dengan izin, supply, melebihi permintaan, harga akan jatuh dan begitu juga sebaliknya jika penawaran adalah kurang berbanding dengan permintaan, harga akan naik. Ini akan menyebabkan harga komoditi sentiasa turun dan naik dari masa ke semasa.

Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu meningkatkan dan menstabilkan harga di pasaran dunia bagi komoditi-komoditi utama negara ini adalah menerusi keanggotaannya di dalam pertubuhan pengeluar dan pertubuhan pengeluar pengguna. Ini adalah seperti Persatuan Negara-negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) bagi getah dan Perikatan Negara-negara Pengeluar Koko (CPA). Bagi pertubuhan pengeluar pengguna pula, ini adalah seperti Pertubuhan Kayu Tropika Antarabangsa bagi kayu balak dan Pertubuhan Koko Antarabangsa (ICCO) bagi koko, walaupun kita adalah ahli di dalam Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) dahulu, sekarang kita telah memberi notis untuk keluar dari INRO. Menerusi pertubuhan-pertubuhan tersebut beberapa program kerjasama akan terus diadakan seperti pengumpulan maklumat mengenai perkara-perkara penting seperti pengeluaran stok, permintaan dan harga, R&D hulu dan hiliran dan strategi-strategi pengeluaran serta pemasaran.

Di samping itu, di bawah program setengah-setengah pertubuhan seperti Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) terdapat satu program stok penimbun untuk menstabilkan harga getah di paras yang kita harap lumayan ataupun remunerative, dengan izin, sejak 20 tahun harga ada stabil tetapi tidak pada paras yang rendah tidak lumayan. Oleh sebab itu kita keluar dari INRO.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai prospek bagi industri-industri tersebut pula ia adalah cerah memandangkan bahawa bagi kebanyakan komoditi berkenaan negara masih mampu bersaing di pasaran dunia khususnya bagi kelapa sawit, kayu balak dan koko serta produk-produk berkaitan dengannya.

Di samping itu juga, permintaan bagi komoditi daripada produk-produk yang berasaskannya adalah masih meningkat terutama dari negara-negara menjadi pembeli utama barangan yang dikeluarkan oleh Malaysia seperti Amerika Syarikat dan negara-negara Kesatuan Eropah. Di samping kedudukan ekonomi negara pengimport utama tersebut yang tidak terjejas dengan kegawatan ekonomi penduduk dunia juga dijangka meningkat daripada 5.7 bilion pada masa ini kepada 6.5 bilion pada tahun 2000 dan 7 bilion pada tahun 2010 dengan jangkauan peningkatan penduduk dunia pertumbuhan dalam penggunaan per kapita dan peningkatan ekonomi yang akan menyebabkan permintaan terus meningkat bagi komoditi utama negara seperti kelapa sawit, koko, kayu kayan dan juga getah asli.

Justeru itu, masa depan industri komoditi tersebut adalah baik dan menggalakkan.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, kita ucapkan terima kasih kepada Menteri dan Kementerian Perusahaan Utama kerana membantu terutamanya orang-orang kampung yang menoreh getah dengan harga getah skrap dengan harga yang berpatutan, harga getah basah 70 sen dan getah kering RM1.40 sekilo. Akan tetapi saya lihat tidak ada rancangan tentang getah cair yang mana separuh daripada penoreh-penoreh di kampung ini juga menjual getah cair. Kerana getah skrap ini memang demannya ada kerana yang saya buat survey di MARDEC sendiri keperluan getah skrap ini amat tinggi. Sehingga di satu masa, mereka ada ura-ura hendak import daripada Indonesia dan Burma akan tetapi nasib getah cair ini belum dapat penerangan jelas daripada Yang Berhormat Menteri, itu soalan pertama.

Soalan kedua, saya minta izin daripada Tuan Yang di-Pertua, iaitu nasib-nasib kilang-kilang kayu terutama di daerah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

sendiri, bahawa enam buah kilang plywood telah ditutup dan juga lebih 20 buah kilang papan juga menerima nasib yang sama – sudah pun ditutup dan apakah langkah-langkah kementerian untuk mengatasi masalah ini. Untuk membolehkan kilang plywood ataupun papan lapis ini berfungsi semula sama ada kita import kayu daripada luar ataupun dalaman. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik: Tuan Yang di-Pertua, dalam skim khas untuk membeli getah dari pekebun-pekebun kecil, kita masih dan hanya membeli getah skrap sahaja yang mana getah cecair adalah mencukupi dan pemintaannya adalah mencukupi di mana kita sekarang dengan kekurangan pengeluaran getah cair sendiri kita kena beli lebih dari 350 ribu tan setahun dari negara-negara jiran. Dan untuk menentukan getah cair kita dapat pembelian di pasaran negara, kita akan merasionalisasikan pengimportan getah cair dari negara-negara jiran yang mana hanya kilang-kilang yang membuat barangan getah dengan menggunakan getah cair hanya mereka diberi kebenaran untuk mengimport getah cair jika mereka tidak dapat bekalan itu di pasaran tempatan, hanya mereka boleh, orang lain kita akan memberhentikan stok, tidak ada import getah cair lagi sebab kita tidak mahu mereka menjadikan satu keadaan yang mana bekalan lebih daripada permintaan di negara dan pengeluaran getah cair kita sendiri tidak dapat pasaran di pasaran tempatan.

Dengan itu kita hanya membeli getah skrap pada masa sekarang tetapi jika dalam kajian kita dan dengan monitor kita dan kita tahu pengeluaran getah cair tidak ada di pasaran atau tiada pembelian dalam pasaran tempatan, kita akan masuk untuk membeli getah cair. Tetapi getah skrap pada bulan kebelakangan ini kita dapat kajian dan diberitahu di mana walau harga berada di paras yang rendah tidak ada pembelian dari peniaga-peniaga getah, mereka dalam masa setahun atau setahun setengah iaitu pembeli-pembeli seperti peniaga getah mereka ingat, harga sudah rendah dan mereka terus membeli dan mengadakan stok yang mencukupi yang mana dalam beberapa kawasan yang tertentu, kita diberitahu walaupun pekebun-pekebun kecil ada getah skrap untuk dijual tetapi tidak ada pembeli, dan ini sangat merbahaya di mana mereka

langsung, bukan sahaja pendapatan yang rendah tetapi langsung tidak mendapat pendapatan.

So dengan itulah, kerajaan kena masuk dalam pasaran untuk membeli getah skrap dan ini telah memberi semangat kepada pasaran di mana pembeli-pembeli atau peniaga-peniaga getah terpaksa bersaing dengan pembeli yang mewakili kerajaan untuk bersaing membeli getah skrap dari pekebun-pekebun kecil. Dari apa yang kita tahu sebelum memulakan skim itu, mereka hanya dapat harga lebih kurang 50 sen sekilogram skrap getah basah. Bila kerajaan masuk harganya telah naik 70 sen. Ini bermakna harga kepada pekebun-pekebun kecil sudah naik 40%. Mengapa kita tidak sama dengan negara-negara lain untuk membeli getah yang telah diproses seperti RSS, SMR dan sebagainya.

Ini akan memberi faedah kepada peniaga getah dengan itu kita lebih suka jika kita terus masuk pergi ke kebun untuk membeli terus dari pekebun-pekebun kecil yang mana apa-apa faedah dan manfaat dengan pembelian itu kita boleh terus kepada pekebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua berkenaan dengan penutupan kilang papan atau papan lapis. Seperti Yang Berhormat tahu, kilang-kilang ini telah didirikan 20-30 tahun lalu, yang mana pada masa itu kita ada membuka banyak rancangan *FELDA*, rancangan tanah, tentulah pada masa itu bekalan kayu balak kepada kilang-kilang adalah mencukupi. Tetapi dalam lima tahun kebelakangan ini, kerajaan atau sektor swasta tidak dibenarkan untuk menukarkan tanah hutan kepada menjadi ladang lagi. Dengan dasar itu, bekalan balak kepada mereka tentulah berkurangan apatah lagi kita sekarang menjalankan pengurusan hutan secara mapan atau secara berkekalan dan dengan dasar untuk menguruskan ladang khas, ladang simpanan kekal yang kita ada dengan secara pengurusan mapan tentulah pengeluaran balak dari hutan itu adalah terhad. So, dengan keadaan ini atau situasi ini sesetengah mereka yang tidak boleh bersaing lagi terpaksa kena tutup.

Kalau kita mahu membekalkan balak kepada mereka, kita kena tebang lebih pokok, nanti satu hari semua hutan habis. So, dengan itu berlebihan kilang-kilang

papan lapis yang tidak ada value added, mereka terpaksa masuk dalam aktiviti hiran untuk mengadakan nilai tambah atau value added. Kalau tidak ada, mereka 'no place in the business anymore', tidak ada kedudukan dalam perniagaan itu.

Yang ketiga, kita boleh membenarkan mereka mengimport balak dari negara-negara jiran seperti Indonesia, jika mereka berkemampuan untuk mengimport balak itu untuk dibekalkan kepada kilang-kilang mereka. Selain daripada itu, tidak ada cara lain. Sekian, terima kasih.

5. **Tuan S. Parasuraman** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk menangani masalah yang baru-baru ini mengenai kehidupan laut seperti dugong dan ikan lumba-lumba telah terancam.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian mempunyai kuasa yang mencukupi di bawah Seksyen 27, Akta Perikanan 1985 untuk melindungi hidupan laut seperti dugong dan ikan lumba-lumba. Walau bagaimanapun, ia memperkemas lagi langkah-langkah perlindungan.

Kementerian Pertanian sedang mengambil tindakan untukewartakan satu peraturan baru yang dipanggil Peraturan-peraturan Perikanan (Perlindungan Spesis Yang Terancam) di bawah Akta Perikanan 1985. Peraturan ini akan menyenaraikan spesis ikan dan mamalia akuatik dengan lebih terperinci yang perlu dilindungi sepenuhnya. Suatu kumpulan kerja yang terdiri daripada pakar-pakar pelbagai institusi yang bertanggungjawab meneliti semua aspek penyelidikan dugong dan mamalia marin di seluruh Malaysia telah ditubuhkan. Kajian-kajian yang dikenal pasti oleh kumpulan kerja ini merangkumi aspek biologi dan ekologi, impak dan ancaman terhadap persekitaran dan sumber mamalia marin sosio-ekonomi, pendidikan dan kesedaran awam pengurusan dan pemuliharaan.

Adalah diharapkan dengan penyelidikan ini kerajaan akan dapat menangani semua masalah yang berkaitan dengan hidupan mamalia laut.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Daripada peristiwa yang berlaku baru-baru ini di negara kita yang melibatkan dugong, kita dapat melihat betapa kurangnya perhatian dan berapa kurangnya maklumat-maklumat dan juga perlindungan-perlindungan hidupan laut yang ada di negara kita kerana apabila peristiwa Si Tenang timbul, banyak pihak menyatakan terjumpanya Si Tenang itu seolah-olah suatu yang agak luar biasa. Pada hal kemudiannya, apabila banyak dugong yang mati, barulah kita menyedari bahawa dugong banyak ada di persekitaran laut kita.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan saya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, berapa pakar perlindungan hidupan laut yang ada di negara kita dan apakah kepakaran-kepakaran yang ada sekarang ini mencukupi untuk kita menjalankan perlindungan hidupan laut di negara kita? Terima kasih.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mastika Junaidah yang telah mengambil berat tentang hidupan laut khususnya mamalia ini. Memang Kementerian Pertanian mengakui kita tidak mempunyai kelengkapan yang cukup untuk menangani masalah tersebut. Tetapi walau bagaimanapun, dari semenjak tahun 1924 sampai kini kita dapati tidak banyak benar spesies-spesies yang telah kita sebutkan itu. Tetapi walau bagaimanapun, tindakan telah kita ambil apabila kita mendapati masalah-masalah yang ditimbulkan dengan menubuhkan apa yang saya katakan tadi kumpulan kerja bagi menangani masalah-masalah yang akan datang. Insya-Allah, kita akan meneruskan supaya kehidupan laut yang amat berharga ini akan dapat kita sama-sama jaga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, mengikut kajian yang dibuat oleh pihak pakar-pakar dalam bidang ini, apakah sebab-sebab ikan dugong dan ikan lumba-lumba ini suka datang ke perairan kita dan apakah hasil yang kita boleh dapat daripada kebanjiran ikan dugong dan lumba-lumba ini ke negara kita.

Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar. Sehingga ini, kita sedang mencari-cari lagi, kita belum ada satu sebab mengapa ikan lumba-lumba atau dugong ini agak tertarik dalam kawasan-kawasan ini.

Yang pertama, ada kemungkinan kerana di situ terdapat makanan-makanan rumput-rumpai laut yang agak sesuai.

Yang kedua, mungkin keadaan lautnya yang tidak terlalu dalam dan menyebabkan menjadi tumpuan atau tarikan kepada ikan-ikan yang berkenaan. Kita ada dapat faedah terutamanya selain daripada saintifik yang kita akan dapat meningkatkan R&D, kita juga akan dapat menarik para pelancong kalau kita dapati di mana habitat yang berkenaan itu didapati di kawasan-kawasan yang berkenaan.

6. **Tuan Abdillah bin Abdul Rahim** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membaik pulih imej Polis Diraja Malaysia yang mana sebelum ini mempunyai imej antara yang terbaik di dunia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah pun merancang dan menjalankan beberapa program ke arah membaik pulih imej PDRM. Antara program-program atau langkah-langkah yang diatur adalah melancarkan motto 'Mesra, Cepat dan Betul', membudayakan khidmat mesra di kalangan anggota-anggota polis, mengadakan forum dan kursus ke arah peningkatan etika PDRM. Melaksanakan aktiviti kemasyarakatan dan menyusun semula cadangan tata tertib PDRM.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya inginkan penjelasan, bila dikatakan baik pulih ini maknanya telah rosak. Pada saya imej polis kita daripada dahulu sampai sekarang adalah baik dan cemerlang. Siapakah yang memberi penilaian bahawa imej polis kita telah rosak, bila masanya ia rosak dan bagaimana ia boleh rosak? Saya ingin tahu, kalaulah peristiwa memukul tahanan baru-baru ini dianggap sebagai merosakkan imej polis, itu tidak begitu tepat

kerana perkara ini masih lagi di dalam perbicaraan, dalam siasatan. Motifnya kita belum tahu, jadi saya ingin penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri.

Dato' Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat memang betul dari satu segi kalau kita pandang kepada perkhidmatan polis yang pada jangkaannya ataupun aspektasi terhadap polis, kita mahu 'zero defect'. Kalau kita hendak 'zero defect', 100% tidak ada kesilapan, maka sedikit kesilapan itu kita anggap sudah ada kerosakan. Saya rasa rakyat kita kebanyakannya, mereka harapkan sangat polis supaya jangan ada kesilapan. Itu sebabnya, perkataan 'baik pulih' ini telah digunakan dalam soalan. Saya jawab bukan kerana saya setuju dengan 'sudah rosak' tetapi soalan sudah sentuh kepada 'baik pulih'.

Selama ini polis memang cuba sedaya-upaya termasuk kerajaan untuk memastikan dalam PDRM ini tidak ada 'black sheep', dengan izin, oleh sebab itu tindakan tatatertib begitu tegas sekali. Walaupun sebelum hebahan kata polis sudah ada masalah, itu satu anggapan ataupun tanggapan. Sebelum itu pun, tindakan tatatertib sangat tegas. Sebagai contoh, tahun lepas sepanjang tahun 1998, pihak polis sendiri di Bukit Aman telah mengambil tindakan terhadap mereka yang melanggar tatatertib.

Seramai 1,938 orang telah kena tindakan tatatertib tanpa orang awam cuba mengkritik ataupun membawa kepada perhatian polis tetapi polis sendiri telah tahan kerja 280 orang pegawai, buang kerja 221. Ini sebagai satu usaha inisiatif pada pihak polis, akan tetapi oleh kerana peristiwa kebelakangan ini kita kenalah jawab pada reaksi-reaksi rakyat dan saya setuju benar kalau kita kata imej polis telah rosak, itu tidak benar, tetapi apa yang kerajaan cuba hendak buat ialah hendak baikkkan lagi sehingga kalau boleh zero defect walaupun satu kerja yang tidak senang, yang susah untuk dicapai.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, memang kita ingin mengucapkan tahniah kepada pihak polis atas khidmat cemerlang mereka tetapi di samping itu kita harus juga melihat bahawa ada kadang-kadang kakitangan atau pasukan polis yang tidak begitu peka dengan seruan

kerajaan ini. Sebagai contoh, umpamanya kalau seorang pesalah, kadang-kadang dia beritahu, “you pilih apa, saya nak tulis atau you kena bayar begini”. Ini bukan rahsia.

Jadi, adakah kerajaan senantiasia memberi kursus motivasi, umpamanya, Kursus Bersih Cekap dan Amanah sebagai contoh untuk membolehkan perkara rasuah secara tidak disedari ini berlaku dan boleh kita atasi dengan kursus pelbagai yang akan diadakan oleh kerajaan.

Dato’ Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang antara langkah-langkah yang saya sebut tadi, salah satu program atau langkah sedang kita jalankan ialah mengadakan Kursus Peningkatan Etika PDRM di mana pegawai-pegawai ataupun kakitangan polis diperlukan untuk menjalani kursus selama 8 hari ini bertujuan untuk membetulkan sikap. Kalau sekiranya sikap mereka ada apa yang tidak betul terhadap tugas dan juga di samping menekankan tentang aspek mesra dalam melaksanakan tugas dan sasaran kita ialah 100,000 pegawai dan juga semua anggota pangkat rendah dari pangkat konstabel kepada assistant superintendent sepanjang tahun ini, 1999. Ini dari segi etika.

Di samping itu, Jawatankuasa Keutuhan telah pun ditubuh di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri telah menyuruh semua kementerian menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan ini untuk memastikan tidak ada kegiatan rasuah ataupun penyalahgunaan kuasa. Ini merupakan antara langkah-langkah yang dijalankan.

7. **Puan Kamalia binti Ibrahim [Di bawah S.O. 23(2)]** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan kedudukan Dana IKS sehingga kini. Berapakah jumlah yang telah dikeluarkan dan bakinya. Berapakah jumlah peminjam dan jenis usaha dan industrinya. Apakah masalah sebenarnya dana ini dari segi penggunaannya. Apakah langkah konkrit dan hasrat untuk membangunkan usahawan bumiputera ini dapat dicapai.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Dato’ Idris bin Jusoh]: Tuan Yang di-Pertua, Tabung Industri Kecil dan Sederhana (TIKS) mempunyai peruntukan sebanyak RM1.5 bilion. Setakat 16 April 1999, sebanyak 1,493 permohonan yang bernilai RM1.301 bilion telah diluluskan di bawah skim tersebut.

Jumlah pinjaman bagi skim TIKS setakat 16 April 1999 mengikut sektor ialah seperti berikut. Untuk sektor pembuatan sebanyak RM834 juta telah diluluskan, perkhidmatan - RM300 juta, industri berasaskan pertanian RM167 juta, membuat jumlahnya RM1.301 bilion.

Di antara masalah yang dihadapi oleh pengusaha-pengusaha IKS dalam mendapatkan pembiayaan ialah untuk menyediakan cagaran yang diperlukan. Bagi mengatasi masalah ini sejak 1 Mac 1999, Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd. (CGC), telah melancarkan satu skim baru iaitu Skim Jaminan Anjal bagi membantu pengusaha-pengusaha IKS yang mendapati masalah cagaran untuk mendapatkan pembiayaan. Selain daripada masalah cagaran, isu-isu utama dana IKS ialah jumlah pengeluaran pinjaman yang rendah berbanding dengan pinjaman yang telah diluluskan. Hasil siasatan Bank Negara Malaysia menunjukkan bahawa sebahagian daripada kelewatan tersebut adalah berpunca daripada pinjaman-pinjaman sendiri seperti berikut; masalah menunggu Certificate of Fitness, masalah berpindah tapak projek, masalah dokumen undang-undang yang belum selesai, penukaran senarai mesin dan sebagainya.

Oleh yang demikian, bagi mengatasi masalah ini pihak peminjam adalah diminta untuk menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan segera supaya pengeluaran pinjaman dapat dibuat secepat mungkin. Bagi mengatasi proses pengeluaran pinjaman dapat dipercepatkan Bank Negara Malaysia telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:

- (i) menubuhkan sebuah unit khas yang ditugaskan untuk memantau pengeluaran pinjaman oleh institusi-institusi kewangan; dan
- (ii) mengarahkan institusi-institusi kewangan menghantar laporan bulanan kepada Bank Negara Malaysia berhubung dengan pinjaman yang belum dikeluarkan walaupun telah diluluskan selepas tempoh 3 bulan.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berapakah jumlah pinjaman dari dana IKS yang telah dikeluarkan di negeri Sarawak dan juga Sabah dan berapa orangkah yang telah

mendapat pinjaman ini dan dari bilangan mereka yang mendapat pinjaman ini, berapakah jumlah bumiputera?

Dato' Idris bin Jusoh: Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan ini terlalu spesifik. Walau bagaimanapun kita lihat keseluruhannya ada beberapa pinjaman yang telah dikeluarkan di Sabah dan Sarawak tetapi saya tidak mempunyai angka pada masa ini, saya akan berikan kepada Yang Berhormat selepas daripada ini.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Kita tadi telah mendengar bahawa jumlah pemberian peruntukan yang telah diberi kepada pihak-pihak yang terlibat dalam IKS ini adalah begitu besar tetapi baru-baru ini semasa kita menghadapi kegawatan ekonomi daripada akhbar-akhbar, kita dapati sebahagian daripada mereka yang terlibat dalam IKS sekarang ini menghadapi masalah. Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian memantau keadaan ini, berapakah bilangan usahawan-usahawan bumiputera yang telah pun mendapat dana IKS yang sedang menghadapi masalah yang tenat dan apakah tindakan-tindakan kementerian untuk menyelamatkan mereka.

Dato' Idris bin Jusoh: Seperti mana yang telah saya katakan tadi memang kementerian memantau keadaan ini dan begitu juga dengan Bank Negara Malaysia yang telah menubuhkan satu unit khas untuk memastikan yang laporan diterima daripada bank-bank setiap bulan dan juga untuk memastikan agar pembiayaan ini dikeluarkan secepat mungkin.

Pada masa kini kita lihat penyertaan bumiputera dalam skim ini ialah sebanyak 31% berbanding dengan 69% oleh bukan bumiputera. Bagi syarikat-syarikat bumiputera yang masih lagi bermasalah kita mengadakan perjumpaan dengan mereka dari masa ke semasa agar masalah-masalah yang mereka hadapi itu akan sentiasa dapat diselesaikan dengan baik.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Tuan Yang di-Pertua, kita merakamkan ucapan terima kasih kepada kerajaan terutama sekali Kementerian Pembangunan Usahawan dan Bank Negara yang telah menambah jumlah dana ini. Kita hendak tanya

kementerian sebagai soalan tambahan saya, apakah benar dakwaan walaupun usaha-usaha kerajaan begitu murni untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh usahawan kecil dan sederhana itu terutama sekali usahawan IKS melalui dua program iaitu program Tabung Pemulihan IKS dan juga melalui tabung IKS sendiri. Yang menjadi batu penghalang ialah di peringkat bank-bank komersial kerana di peringkat pemprosesan dan pengeluaran kerajaan mengamanahkan kepada bank-bank komersial.

Jadi, seolah-olah kegagalan ataupun masalah besar yang dihadapi oleh peminjam ataupun usahawan-usahawan kita bukan lagi kerana masalah pemantauan di Bank Negara dan kementerian tetapi masalah yang tidak dapat dilaksanakan di peringkat akar umbi, cawangan bank-bank komersial cawangan-cawangan. Kalau ianya benar, apakah sebenarnya mekanisme baru yang harus dilakukan oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh usahawan kita ini.

Dato' Idris bin Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya penggunaan skim ini telah sampai ke peringkat akhir atau maksimum. Peruntukan yang telah disediakan oleh kerajaan sebanyak RM1.5 bilion itu telah hampir digunakan dengan sepenuhnya.

Jadi, tidak timbul bahawa skim ini tidak berjaya dan tidak digunakan dengan sepenuhnya, cuma mungkin ada sedikit masalah semasa kegawatan ekonomi kerana semasa gawat semua gawat, Tuan Yang di-Pertua, bank pun ada masalah. Apabila kita melihat masalah-masalah yang berlaku ini kementerian peka tentang masalah ini dan kita cuba mengubah syarat-syarat yang telah dikenakan kepada peminjam-peminjam. Oleh kerana syarat-syarat yang telah diubah ini dan juga cagaran yang telah dibekalkan oleh CGC, permintaannya bertambah sehingga RM1.5 bilion yang telah dibekalkan oleh kerajaan itu hampir digunakan sepenuhnya.

Walau bagaimanapun, kerajaan juga melihat dari semasa ke semasa agar saluran-saluran yang lain dapat dibukakan agar ada saluran-saluran yang lain daripada bank-bank digunakan. Dengan pendekatan ini juga akan dapat membuka peluang-peluang yang lebih kepada pengusaha-pengusaha.

8. Tuan Haji Hamzah bin Mohd. Zain minta Perdana Menteri menyatakan Kemajuan Amanah Ikhtiar Malaysia, jumlah dana yang telah digunakan serta jumlah penerima manfaat dari aktiviti mikrokredit yang telah terlaksana.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 28 Februari 1999, Amanah Ikhtiar Malaysia telah beroperasi di sebelas buah negeri dengan membuka sebanyak 47 buah cawangan dan meliputi 2,821 buah kampung. Bilangan orang yang mendapat faedah daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh AIM adalah seramai 55,071 orang. Aktiviti mikrokredit yang dijalankan oleh AIM ialah pembiayaan ekonomi dan sosial. Perkembangan pembiayaan ekonomi yang dijalankan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia adalah meliputi pengendalian lima jenis skim pembiayaan ekonomi iaitu Skim Pembiayaan Ikhtiar (SPI 1 hingga SPI 3), Skim Pembiayaan Ikhtiar Nelayan (SPIN) dan Skim Khas Ibu Tunggal (Skim IT).

Sehingga 28 Februari 1999, sebanyak RM283,000,776 telah dikeluarkan kepada sahabat ataupun peminjam untuk kegunaan sebagai modal projek perekonomian. Perkembangan pembiayaan sosial, Amanah Ikhtiar Malaysia mengendalikan dua jenis skim pembiayaan iaitu Skim Pinjaman Pendidikan (SPP) dan Skim Pinjaman Perumahan (SPR). Sehingga 28 Februari 1999, sebanyak RM57,000,492 telah dikeluarkan kepada 32,086 peminjam ataupun sahabat sebagai modal untuk kegunaan bagi tujuan pendidikan dan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah pun selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi pertanyaan No. 9 hingga 41 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan ekonomi dan pencapaian matlamat sosioekonomi secara keseluruhan adalah membanggakan dalam tempoh tiga tahun pertama pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh walaupun prestasi ekonomi kurang memuaskan pada tahun 1998 berikutan krisis kewangan serantau;

mengambil maklum dan merestui usaha Kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional bagi mencapai pembangunan seimbang berasaskan pertumbuhan dengan pengagihan yang saksama, selaras dengan matlamat yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua;

melulus dan mengesahkan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang bertujuan untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi mencapai hasrat dan matlamat Dasar Pembangunan Nasional seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. 8 Tahun 1999;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal ini, Dewan yang mulia ini menyeru semua rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020. *[13 Mei 1999]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak menyambungkan ucapan.

11.07 pagi.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin untuk menyambung ucapan saya yang telah tamat pada hari Khamis lepas. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk membangkitkan isu yang bersabit dengan pekerja ladang. Meskipun terdapat Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, pernah menyuarakan tentang isu-isu berkaitan dengan nasib para pekerja ladang yang

memerlukan pembelaan dan keadilan, saya merasa terpacu untuk membangkitkan sekali lagi di dalam Dewan yang mulia ini berkenaan dengan isu gaji bulanan dan isu perumahan yang masih belum terlerai, permintaan dan desakan kumpulan kaum pekerja ladang yang sering tersisih dari arus pembangunan yang pesat ditambah dengan bebanan kegawatan ekonomi yang tidak kita undang. Adalah penting bagi kerajaan dan pihak yang berwajib untuk memberi perhatian serius dalam isu gaji dan perumahan khususnya bagi para pekerja ladang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum semasa zaman penjajahan, mereka yang bekerja di ladang-ladang besar yang dimiliki oleh orang asing, langsung tidak mempedulikan kebajikan sosial kumpulan para pekerja ladang. Motif utama pemilik-pemilik ladang atau majikan hanya tertumpu kepada keuntungan besar dan cepat untuk membawa pulang sebanyak mungkin ke negara asal mereka. Tindakan pemilik ladang ini di zaman sebelum merdeka ternyata begitu keji, tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan. Kini setelah negara mencapai kemerdekaan selama lebih 40 tahun, para pemilik ladang-ladang besar telah bertukar tangan kepada syarikat-syarikat gergasi milik anak tempatan.

Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan telah membuahkan hasil di kalangan rakyat Malaysia yang menjadikan mereka kaya-raya sebagai ahli korporat yang baru. Warga korporat seharusnya tidak melupakan penat lelah dan jasa serta pengorbanan para pekerja mereka.

Sumbangan kaum pekerja ladang dalam pembangunan negara hendaklah dihargai dengan menawarkan sedikit jaminan hidup yang selesa melalui pembayaran gaji bulanan dan rumah tempat tinggal yang berpatutan untuk mendidik dan membesarkan anak-anak dan ahli keluarga mereka. Masyarakat pekerja ladang, Tuan Yang di-Pertua, mestilah tidak harus tinggal dalam kemiskinan, terbiar serta terdedah kepada gejala sosial.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan.

Tuan N. Marimuthu: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak sebab hari ini menyuarakan nasib pekerja-pekerja ladang. Adakah Yang Berhormat sedar pada tahun 1975, Allahyarham Tun Abdul Razak telah memperkenalkan satu langkah di mana nasib golongan yang malang ini dibela. Seterusnya projek perumahan pekerja ladang telah dibenarkan tetapi setelah ketiadaan beliau, rancangan tersebut lenyap bersama-sama dan tiada lagi. Oleh itu, rancangan ini tidak dapat dijayakan, apakah pandangan Yang Berhormat?

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu. Kementerian Sumber Manusia telah memperkenalkan satu pindaan dalam Akta Buruh, di mana tuan-tuan punya ladang dimestikan terutamanya mendirikan rumah untuk pekerja ladang dan memperbaiki perumahan mereka. Tetapi malangnya tidak ada ramai tuan-tuan punya ladang mengambil tindakan yang positif untuk memastikan peruntukan dalam Akta Buruh tersebut dilaksanakan oleh tuan-tuan punya ladang kerana tidak ada kerjasama dari mereka. Itulah sebabnya rate of ratification, dengan izin, pelaksanaan mendirikan rumah-rumah untuk pekerja ladang tidak begitu menggalakkan.

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya ramai Ahli Yang Berhormat dan kita semua di dalam Dewan yang mulia ini mendesak, besar kemungkinan pelaksanaannya akan dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan saya bersetuju sama sekali apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi sewaktu Allahyarham Tun Abdul Razak membuat dasar yang sedemikian. Kita teruskan dasar yang baik ini untuk kebaikan rakyat terutama sekali pekerja ladang di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk membangkitkan perkara satu ketika dulu Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik pernah menyuarakan supaya pengusaha-pengusaha ladang menukar sistem pembayaran gaji hari kepada gaji bulan dan beliau mencadangkan bayaran di antara RM1500 dan RM2000 sebulan. Cadangan ini dibuat waktu kegawatan ekonomi melanda negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan suasana ekonomi negara yang kita anggap telah beransur pulih, saya berpendapat para pemilik ladang kita mampu menimbangkan secara serius membayar gaji bulanan di antara RM1000 sehingga RM1500. Tidak usah kita cagak mengikuti apa yang dicadangkan oleh Dato' Lim Keng Yaik di antara RM1500 dan RM2000 tetapi kalau boleh tuan punya ladang bayar gaji bulanan di antara RM1000 – RM1500, besar kemungkinan banyak pekerja dari sektor pembuatan yang telah berhijrah ke bandar kembali semula ke ladang-ladang atau ke kampung untuk bekerja di kampung kerana kos penghidupan lebih murah berbanding di dalam bandar. Sebagaimana apa yang kita lihat Tuan Yang di-Pertua, apabila ekonomi kita berupaya melonjak ke tahap lebih selesa dan pasti cadangan Yang Berhormat Dato' Lim Keng Yaik ini yang baik dan dari itu barulah boleh dipertimbangkan oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan di sini mengucapkan terima kasih kepada National Land of Finance Corporative (NLFC) dan juga dengan izin Rubber Research Institute (RRI) yang telah memberi gaji bulan hampir lima tahun yang lepas dan saya tidak nampak mengapa syarikat-syarikat ladang lain tidak boleh buat demikian.

Tuan N. Marimuthu: Saya minta Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. National Land Finance Society dengan izin telah pun setuju, telah pun bayar gaji 13 estate tuan punya. Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, bila mana kita memperkatakan gaji bulan, saya teringat keluhan pengusaha-pengusaha ladang kononnya anak-anak tempatan negara kita tidak berminat untuk bekerja di ladang-ladang hingga mengesyorkan import tenaga pekerja asing luar dari negara kita. Tenaga pekerja tempatan dikatakan terlalu memilih kerja too choosy dengan izin, sebenarnya Tuan Yang di-Pertua perkara memilih kerja tidak akan timbul sekiranya pemilik-pemilik ladang lebih prihatin dan bertanggungjawab dengan menawarkan gaji bulanan yang berpatutan dan menyediakan tempat tinggal yang selesa serta dilengkapi dengan prasarana yang sesuai.

Dalam masa kegawatan ini Tuan Yang di-Pertua, harga minyak kelapa sawit eksport kita telah meningkat naik kerana pertukaran wang asing, pembelian dibuat dalam duit Amerika. Mengapa tidak tuan-tuan punya ladang ini mengambil kira memberi bonus lebih sedikit, tawarkan lebih sedikit hasil dari keuntungan tersebut. Saya pernah ditanya oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dalam satu perjumpaan, kata beliau bagaimana kalau saya mencadangkan pembayaran gaji dan bila harga getah, harga kelapa sawit menurun dan pekerja hendak bersetuju mengurangkan gaji tersebut. Saya cakap kalau sudah gaji naik semestinya tidak turun. Saya pula mencadangkan kenapa tidak naik gaji sedikit tetapi gaji bulan dan selebihnya kerana harga keuntungan yang begitu besar diproleh oleh tuan punya ladang hasil daripada penjualan minyak kelapa sawit dengan duit Amerika untung berlebihan, mengapa tidak dibayar bonus lebih kepada pekerja-pekerja ladang dalam negara ini. Tetapi malangnya ini tidak mendapat sambutan dari kalangan sektor-sektor perladangan dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari penyediaan asas yang disebutkan itu, para majikan perlu menitikberatkan soal kebajikan, sosial dan pendidikan serta latihan yang berterusan kepada para pekerja ladang. Selari dengan tamadun dunia dan perkembangan kemajuan teknologi, saya difahamkan bahawa Institut Penyelidikan Getah (RRI) dengan izin dan lain institusi berkaitan telah berupaya mencipta peralatan dan jentera yang canggih bagi menghasilkan mutu keluaran yang lebih tinggi, cekap, selamat dan menguntungkan. Contohnya Tuan Yang di-Pertua, mesin penoreh getah yang mampu digunakan dengan lebih baik tepat dan tidak merosakkan pokok-pokok getah sambil mengalirkan susu getah yang banyak dan berkualiti. Demikian juga dengan alat-alat jentera yang bagi kegunaan dan kutipan hasil dari pokok-pokok kelapa sawit.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, adalah penting tenaga pekerja berkenaan dilatih semula dan didedahkan kepada teknologi ini yang berupaya mengeluarkan kemahiran dan kecekapan yang pada akhirnya menguntungkan para pengusaha khususnya dan industri peladangan pada keseluruhannya. Dan kita ingin

mengembalikan semula imej negara kita Tuan Yang di-Pertua menjadi pengeluar getah utama dalam dunia ini. Inilah hasrat kita dan saya tidak tahu berapa banyakkah syarikat-syarikat tuan punya ladang mengambil tindakan ini untuk melatih pekerja-pekerja mereka dalam teknologi baru yang diperkenalkan oleh Institut Penyelidikan Getah (Rubber Research Institute) yang dilakukan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan soal kedua iaitu soal penswastaaan. Isu penswastaaan selalu terbayang dan menghantui pemikiran kami di kalangan pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja. Kami sedar akan keperluan penswastaaan dalam industri-industri dan perkhidmatan yang tertentu. Akan tetapi kami tidak dapat lari dari rasa gelisah, bimbang dan curiga terhadap cara dan sistem ianya diagihkan. Kerajaan mungkin mempunyai alasan-alasan tertentu dari segi ekonomi, sosial dan kebajikan dalam menggalakkan penswastaaan. Mungkin benar penswastaaan melepaskan bebanan yang berat terhadap tanggungjawab kerajaan ke atas pembayaran infrastruktur, perkhidmatan, penyelarasan dari segi kos-kos projek dan over head cost dengan izin, serta pengajian. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata termasuk kaum pekerja yang menjadi pengundi dan layak membuat pilihan telah mempertaruhkan harapan serta menyerahkan amanah supaya mereka dapat hidup selesa aman, harmonis di dalam negara yang adil, berdaulat lagi merdeka ini. Tentu sekali rakyat mengharapkan untung nasib mereka dibela dan diberi perhatian sewajarnya dan tidak dibebankan dengan tambahan kos yang berlaku hasil dari penswastaaan yang hanya memperkayakan golongan korporat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya tidak pasti berapa banyak lagi projek penswastaaan baru yang akan dilakukan oleh kerajaan. Yang akhirnya bila berlaku kesukaran atau kerugian akan mengharapkan sokongan atau bantuan daripada kerajaan yang sudah tentu pada analisis terakhir turut melibatkan tambahan kesengsaraan kepada rakyat dengan peningkatan cukai dan barangan keperluan melambung naik. Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon agar kerajaan tidak lagi ghairah dengan penswastaaan, dan sewajarnya meneliti secara mendalam supaya menghentikan terutama sekali penswastaaan hospital dan juga pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat jelata termasuk kaum pekerja yang terdiri dari kalangan berpendapatan rendah mudah terdedah kepada penyakit, lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di kawasan setinggan, kawasan-kawasan yang padat dengan penduduk dan di bahagian pedalaman yang masih belum dibekalkan air bersih dan lain-lain kemudahan asas. Pencemaran-pencemaran yang berlaku pada sumber-sumber air termasuk sungai-sungai, udara yang sering diserang jerebu, kawasan ternakan yang mudah merebak penyakit, seperti berlaku sekarang ini JE, sistem pengaliran dan perparitan yang tidak sempurna adalah merupakan antara punca utama serangan dan gangguan yang menjejaskan kesihatan orang ramai. Dari itu kemudahan klinik-klinik dan hospital-hospital kerajaan menjadi begitu penting kepada golongan miskin dan kurang upaya. Oleh yang demikian, projek penswastan hospital-hospital kerajaan dan perkhidmatan berkaitan hendaklah dihentikan agar ianya dapat dinikmati oleh orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, kita semuanya sedia maklum, hospital-hospital dan pusat-pusat rawatan swasta tidak dapat lari dari tujuan mencari keuntungan yang besar. Ianya menampung keperluan golongan yang berada dan para pegawai-pegawai tinggi dan atasan dan syarikat-syarikat yang besar yang mampu membayar kos begitu tinggi. Kadar charge yang dikenakan sememangnya tidak termampu oleh kaum pekerja dan rakyat biasa. Apatah lagi kos perubatan dan pembayaran perkhidmatannya terus menerus meningkat dari masa ke semasa. Kini perkhidmatan ambulan pula, saya diberitahu akan diswastakan sambil dilengkapi dengan peralatan canggih, selesa, cekap dan mahal.

Tuan Yang di-Pertua, saya begitu cemas memikirkan untung nasib golongan miskin yang ditimpa kemalangan, diserang penyakit merbahaya atau kaum wanita yang memerlukan rawatan segera untuk melahirkan anak terpaksa mendapatkan khidmat segera dari ambulan-ambulan swasta yang ada. Dalam suasana kecemasan para pesakit yang tidak mampu ini mungkin dikehendaki membuat pembayaran, pendahuluan tunai ataupun menunjukkan kredit kad, berapa ramai yang ada kredit kad, sebelum mendapat bantuan. Mereka boleh terkejut dan membawa ajal bukan kerana

kesakitan yang dialami oleh mereka tetapi desakan untuk membuat pembayaran di dalam kecemasan oleh pihak ambulan yang diswastakan. Betapa malangnya nasib simiskin bukan sahaja sudah jatuh ditimpa tangga tetapi sudah sakit ambulan minta duit dahulu.

Saya terbaca dahulu suatu ketika, Tuan Yang di-Pertua, dalam satu kartun *Utusan Malaysia* bila mana saya membangkit membantah isu penswastaan ambulan, kartun tersebut berbunyi, 'bila berlaku kemalangan ambulan sampai, bila timpa kemalangan telah jatuh, kakinya patah, atendan dan drebar ambulan bertanya, siapa mahu bayar?' Ini akan berlaku di dalam negara kita, jika sekiranya kita tidak mengatasi perkara ini, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, inilah perkara yang selalu terbayang di fikiran kita semua. Apakah kita mahu melihat keadaan sedemikian berlaku di dalam negara ini.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, sudah jelas pada kita semua iaitu tentang penswastaan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Sepertimana yang kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua, LKIM mempunyai objektif yang tertentu:

- (i) memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pendapatan;
- (ii) memperkembang dan memajukan perusahaan perikanan negara kita.

Inilah objektif mengapa LKIM ditubuhkan, dan sasarannya Tuan Yang di-Pertua, ialah LKIM merupakan sebuah agensi utama yang memberikan perkhidmatan kepada lebih daripada 85,000 para nelayan di seluruh negara. LKIM juga memberi bantuan dan khidmat nasihat kepada 83 buah Persatuan Nelayan dan Syarikat Kerjasama Nelayan dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat merasa sedih jika sekiranya kita lihat objektif sebenar LKIM ini, kemudian LKIM pula hendak diswastakan kerana sasarannya begitu baik, begitu bagus untuk menolong para nelayan, sedangkan saya dan MTUC sendiri berusaha memastikan in 'palmer sektor' ini termasuk nelayan, mereka ini diletakkan di bawah PERKESO, bila mana berlaku kemalangan mereka dapat bantuan dan tidak

ada tinggal ibu tunggal yang tinggal di rumah tanpa dapat pembelaan, tanpa dilihat penderitaan mereka.

Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan supaya membatalkan usaha penswastaaan LKIM ini bagi menolong rakyat nelayan khususnya, oleh kerana kita tidak mahu melihat untuk menghidupkan segelintir sektor korporat sahaja tetapi melihat 85,000 tenaga nelayan yang memerlukan bantuan daripada LKIM.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi bidang penswastaaan yang begitu rancak dijalankan pada masa ini ialah pendidikan di bawah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato' Seri Najib Tun Razak. Tidak dapat dinafikan kemajuan kesejahteraan, dan pembangunan rakyat sangat bergantung kepada soal pembelajaran dan pendidikan. Saya sedar pendidikan adalah asas aswad ilmu yang perlu diserap kepada generasi muda ke arah pembangunan insan yang berkualiti. Cabaran ini menjadi lebih nyata dengan kecanggihan teknologi maklumat dan dunia menjadi rapat, dunia tanpa sempadan.

Tamadun dunia banyak membawa kebaikan tetapi turut membawa juga keburukan dan gejala sosial. Sememangnya, Tuan Yang di-Pertua, penting kerajaan menumpukan perhatian dalam bidang pendidikan. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Najib usaha-usahanya yang telah dijalankan oleh beliau bagi mempertinggi dan mempertingkatkan mutu pelajaran dalam negara kita, dan segala usaha itu sangat disanjung tinggi oleh kita semua. Ianya merupakan penanaman modal dengan adanya dasar pelajaran yang begitu canggih dan tepat merupakan penanaman modal jangka masa panjang yang terbaik dalam menjamin pembinaan negara, bermaruah dan bertamadun yang harmonis. Pendidikan yang seimbang dari segi fizikal dan kerohanian mampu mencetuskan generasi penyayang, rasional dan bertanggungjawab serta mampu berfikir tidak bertindak melulu hanya untuk menjadi 'Pak Turut' kuasa-kuasa luar.

Tuan Yang di-Pertua, penswastaaan pendidikan khususnya Institusi Pengajian Tinggi (IPT) hendaklah dilaksanakan secara berhati-hati dan melalui kajian mendalam demi masa depan generasi akan datang. Meskipun saya bersetuju dengan usaha-usaha

untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat pendidikan cemerlang di rantau ini, adalah sangat penting kerajaan mengurus dan meneliti serta memantau aktiviti-aktiviti serta mutu pelajaran diberikan serta latar belakang tenaga pengajar luar yang berlainan budaya, agama dan amalan serta prinsip-prinsip ideologi yang akan diserapkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk memetik dalam satu keluaran *Asiaweek* pada tahun ini yang menyenaraikan The Best University 1999, dengan izin. Saya tidak tahu sama ada *Asiaweek* ini mempunyai motif yang sengaja hendak dilakukan terhadap kita, memburukkan nama negara. Dalam *Asiaweek*, Tuan Yang di-Pertua, saya bacakan Universiti Malaya (UM) diletakkan di nombor 27, Universiti Sains Malaysia (USM) nombor 42, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di nombor 56, Universiti Putra Malaysia (UPM) nombor 69.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira barangkali kita harus memastikan kalau kita hendak menjadikan Malaysia sebagai pusat pengajian yang tertinggi dan diiktiraf sama ada betul atau tidak betul kenyataan ini, ini perlu dibuatkan siasatan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan Yang Berhormat Tuan Zainal akan memberi penjelasan atau penerangan kemudian, saya hendak tahu apa pengukurannya 'what is the yardstick use' untuk membeza-bezakan pengiktirafan universiti-universiti ini, sebab kalau dibandingkan Universiti Malaya tadi nombor 27 dan Universiti Putra Malaysia nombor 69, cukup jauh perbezaan ini. Adakah pengukuran ini betul, kalau betul bermaknanya with due respect, dengan izin, there is something wrong with the university concerned, number 69 so far down the line, dengan izin.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih Datuk. Saya tidak dapat memberikan penjelasan apakah yardstick, kayu ukuran yang digunakan, ada dua perkara Dato', saya pun tidak tahu sama ada *Asiaweek* mempunyai objektif, satu acara yang tertentu untuk meletakkan universiti kita jauh ke belakang. Itu dari satu aspek.

Yang kedua, kalau betul saya bersetuju dengan Dato', kita perlu kaji apakah yardstick, apakah kayu ukuran yang digunakan untuk meletakkan universiti, sedangkan universiti kita diiktiraf di banyak tempat, sepanjang yang saya ketahui terutama sekali

Universiti Malaya, Islamic University dari kelulusan undang-undang dan sebagainya diiktiraf oleh mana-mana tempat, mana-mana negara, jadi saya tidak nampak mengapa kita jauh diletakkan kebelakang dan Kementerian Pendidikan harus mengadakan penyiasaan.

Saya terbaca dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Vice Chancellor, Universiti Malaya ataupun Universiti Sains Malaysia baru-baru ini menyatakan bahawa beliau tidak dapat memberikan butir-butir yang lengkap oleh kerana masa yang diberikan terlalu sangat suntuk atas kajian tersebut, besar kemungkinan, saya tidak nafikan.

Jadi, saya berharap ini akan dapat dibetulkan semula dan kalau boleh universiti-universiti kita ini dinaikkan, impossible, dengan izin, should be number one, number two, number three, kalau dibandingkan dengan Tohoko University Japan, bahasa Jepun digunakan. Kyoto University bahasa Jepun digunakan dan kita menggunakan kebanyakan bahasa Inggeris dan juga mutu pelajaran tinggi, mengapa sebab berlaku demikian. Dan ini satu tindakan yang harus diambil oleh Kementerian Pendidikan bagi memastikan jika sekiranya ada questionnaire datang daripada statistik yang dibuat oleh mana-mana majalah, kita hendaklah bertindak dengan secepat mungkin, memberikan maklumat yang terperinci, yang mutakhir supaya dapat dimuatkan dalam majalah mereka, universiti kita adalah best university di rantau Asia Tenggara. Terima kasih.

Para pelabur dalam bidang ini juga mementingkan keutamaan dari segi ...

Tuan N. Marimuthu: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang minta laluan lagi.

Tuan Zainal Rampak: Ya.

Tuan N. Marimuhtu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya minta laluan. Apakah harapan sekolah bantuan modal negara ini, apakah pandangan Yang Berhormat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalnya?

Tuan N. Marimuthu: Soalan, sekolah bantuan modal negara ini!

Tuan Yang di-Pertua: Bantuan modal.

Tuan N. Marimuthu: Bukan bantuan kerajaan, sebahagian sahaja.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu, saya ingat barangkali apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat ialah soal sekolah-sekolah yang partially mendapat bantuan ...

Tuan N. Marimuthu: Bantuan modal bermaksud tidak mendapat infrastruktur yang mencukupi, tidak ada bekalan air, tidak ada bekalan elektrik dan lain-lain.

Tuan Zainal bin Rampak: Saya memang bersetuju sama sekali, kanak-kanak kita tidak harus didedahkan dalam keadaan yang sedemikian. Mereka adalah merupakan generasi muda, harapan bangsa di masa akan datang dan mereka perlu mendapat apa juga kemudahan asas yang diperolehi oleh murid-murid lain, sekolah-sekolah lain, tidak harus adanya perbezaan di antara satu sekolah dengan satu sekolah yang lain. Saya bersetuju supaya keadaan ini diperbetulkan, supaya mereka ini diberikan juga bantuan oleh kerana mereka semua adalah rakyat Malaysia, dengan lain perkataan next generation, next leaders of tomorrow, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Minta maaf Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, minta ambil tempat saya sekejap.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya jemput Yang Berhormat Tuan Zainal untuk menyambung semula ucapan.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Sebelum itu saya hendak bertanya, berapa orang yang hendak berucap selepas ini?

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Alhamdulillah, tujuh orang, maknanya masa akan digunakan, saya takut tidak ada nanti, saya hendak pergi ke bawah hendak bercakap. Sila teruskan.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kerana duduk di kerusi Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah mudah-mudahan satu hari kelak, Dato' akan kekal di sana. [*Tepuk*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih. Ini sementara sahaja. [*Ketawa*]

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, para pelabur dalam bidang ini juga mementingkan keutamaan dari segi pulangan pelaburan hingga boleh melalaikan mereka terhadap tanggungjawab sosial. Tidak kurang penting ruang dan peluang untuk melanjutkan pelajaran ke IPT kepada anak-anak kita khususnya mereka yang berpendapatan rendah dan miskin mestilah dijamin. Kerajaan mestilah terus menyediakan pembiayaan biasiswa yang secukupnya kepada rakyat tempatan untuk meneruskan pembelajaran ke peringkat tinggi, kerajaan hendaklah memastikan Kementerian Pendidikan memberi penumpuan dan memainkan peranan utama dalam menentukan kejayaan berasaskan Dasar Pendidikan Negara bagi menghasilkan generasi berilmu dan cintakan negara kita. Setiap rakyat dari semua lapisan khususnya golongan miskin hendaklah tidak dinafikan hak untuk mendapatkan pendidikan sebaik mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya kita dapat melakukan muhasabah diri agar tidak lagi lalai dan leka semasa berada dalam suasana perekonomian yang kemuncak, janganlah kita terlalu taksu dengan keuntungan kewangan dan pujian dari luar kerana projek-projek kita yang diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin untuk bercakap atas Sistem Saraan Baru (SSB) dan kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu ini dalam sidang yang sedang berjalan ini iaitu untuk perkhidmatan awam dan mempersoalkan adakah SSB yang ada sekarang ini yakin dan meninggikan produktiviti kakitangan awam, persoalan yang timbul. Yang banyak diperkatakan ialah SSB lebih merupakan skim yang menghalang peningkatan produktiviti, malahan ianya lebih banyak melunturkan semangat dan menimbulkan kegelisahan di kalangan pekerja

kerana kuasa yang begitu besar diberikan kepada ketua jabatan dalam memberikan keputusan markah kepada kakitangan yang boleh menikmati skim melintang ataupun menegak.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ingin mengulas secara mendalam tentang skim ini tetapi memadai dinyatakan skim ini tidak dapat diterima oleh kaum pekerja dan kesatuan sekerja kerana ianya cenderung ke arah kewujudan amalan pilihan kasih daripada sistem yang membawa keadilan sama rata. Pihak kerajaan sukar mengawal hawa nafsu ketua-ketua jabatan dan memberikan keputusan yang adil tanpa mengira kepentingan peribadi dan individu serta pertalian persaudaraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon

Datuk Haji Sairin bin Karno: [*Bangun*]

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ada yang minta laluan. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Haji Sairin bin Karno: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin respond apabila Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak mengatakan mengenai dengan SSB di mana memang berlaku apa yang selalu orang perkatakan 'Sayang Sayang Bos' (SSB). Bila istilah 'Sayang Sayang Bos' ini berlaku, yang rapat dengan bos dapat kenaikan, kadang-kadang yang tidak begitu rapat walaupun dia kerja cemerlang tetapi terpaksa dikebelakangkan dan ini bukan rahsia memang berlaku di mana-mana. Apakah Yang Berhormat ingin mencadangkan kepada kerajaan, sebab sehingga hari ini belum ada saya terdengar atau saya terbaca cadangan yang bernas yang boleh menggantikan SSB ini supaya ia di landasan yang betul.

Barangkali kalau tidak pun dihapuskan tetapi diperbetulkan di mana-mana yang tidak betul. Sebagai contoh di tempat saya di Sabah, satu daerah seorang guru telah bertugas selama 15 tahun, DG5 sepatutnya dia berpeluang untuk menjawat jawatan kenaikan pangkat ke DG4.

Malangnya orang lebih junior daripada dia di bawahnya, di bawah jagaan DG5 ini yang sama taraf guru besar, kakitangan guru besar, dia pula yang boleh dapat

kenaikan DG4 walhal dari segi seniority, dari segi tugas dan lain-lain orang yang lebih senior ini boleh dikatakan lebih baik daripada penyandang DG5.

Jadi, apakah Yang Berhormat berhasrat untuk membantu kerajaan memberi sumbangan kepada kerajaan satu garis panduan yang dibuat oleh Yang Berhormat sendiri ataupun mana-mana institusi yang ingin membantu kerajaan agar gejala ini tidak berlanjutan yang akhirnya menjadikan kebanyakan kakitangan kerajaan ini, mereka kadang-kadang fed up, dengan izin, dia kata: “Kita kerja macam ini pun, ini juga kita terima, kita tidak kerja pun, yang si folan ini juga terima.” Terima kasih.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dalam ucapan saya selanjutnya, saya ada perjelaskan perkara ini dan mencadangkan apa yang patut kita lakukan untuk memperbaiki dari apa yang telah berjalan sekarang ini supaya sistem tersebut dapat diperbetulkan dan dengan ini akan dapat meyakinkan perkhidmatan awam bekerja lebih kuat, bersungguh- sungguh bekerja demi untuk kepentingan negara yang mana mereka mencari nafkah. Itu saya akan cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya satu perkara lagi, kawan sejawat saya dari CUEPACS ini mencadangkan supaya sistem matrik ini diubah, sistem matrik ini sebagaimana kata Yang Berhormat tadi, ketua jabatan memberikan point kepada kakitangan, sebab dahulu saya katakan kadangkala kalau dia suka orang itu, dia beri, wujud pula kuota sesuatu jabatan, kalau kuota satu jabatan hanya 10, yang dapat cemerlang ada 30 orang, cuma sepuluh orang sahaja yang dapat, yang lain tidak dapat.

Kalau dua tahun berturut-turut orang tersebut bekerja dengan kuat, dia tidak dapat juga naik melintang dan sebagainya dan akhirnya ia akan merasa bosan dan tidak akan dapat menumpukan kepada pekerjaannya, kata mereka: “Mengapa saya mahu menumpukan kepada kerja kerana saya tidak diberikan keutamaan.” Jadi, ini timbul, saya akan mencadangkan dalam ucapan saya selanjutnya apakah yang harus kita lakukan bagi memastikan kakitangan awam bekerja dengan cemerlang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa yang sama, saya juga ingin mengingatkan kakitangan awam supaya bekerja lebih kuat, bekerja lebih keras kerana dalam kegawatan ini kita memerlukan seluruh tenaga pekerja, seluruh kakitangan awam dan

swasta bersatu padu untuk menaikkan ekonomi negara. Saya yakin, jika sekiranya keadaan ekonomi telah pulih, kita telah mampu membayar gaji lebih, saya yakin, saya sendiri akan mendesak kerajaan supaya memastikan kenaikan gaji kakitangan awam ini dipertimbangkan, kalau boleh kuasa berunding di antara kerajaan dan kesatuan sekerja diwujudkan bagi memastikan kesatuan dalam kakitangan awam berunding dengan kerajaan, berapakah nilai pembayaran gaji yang harus dibayar kepada kakitangan awam, bagi memastikan mereka ini tidak teringat-ingat dalam menjalankan tugas mereka masalah ekonomi, masalah rumah, masalah yang dihadapi, hutang mereka dan sebagainya.

Ini akan menghantui pemikiran mereka dan bila ini berlaku, ini akan mengurangkan produktiviti kakitangan awam kita yang mana mereka adalah merupakan tulang belakang kepada kemajuan sesebuah negara, ini satu fakta yang tidak dapat dinafikan oleh kita semua.

Itu sebab saya nyatakan umur bersara harus dilanjutkan menjadi genap 60 tahun dan dengan hal yang sedemikian, ini satu daripada insentif yang akan menggalakkan perkhidmatan awam bekerja lebih keras lagi dalam perkhidmatan mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, adakah satu jadual kerja dengan memberi tafsiran mengikut kerja-kerja yang dibuat oleh pegawai-pegawai itu menjadi satu cara untuk mengatasi SSB ini, tetapi masalah ini timbul adalah apabila dia hendak menggunakan, dengan izin, discretion kepada pegawai-pegawai, ataupun pegawai-pegawai itu menggunakan discretion in powernya, dari segi jadual kerja saya ingat boleh jadi satu tafsiran. Sila.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, itu satu perkara yang boleh kita fikirkan bagi garis panduan seseorang kakitangan bekerja dan sistem yang diikuti oleh mereka.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari itu ialah soal saya kira yang paling penting kepada kakitangan yang menjadi ketua dalam satu-satu jabatan, dia ini must be leading dalam satu-satu department, dengan izin, jadi bermakna kalau dia boleh bergerak, kakitangannya boleh bergerak, masalahnya kadangkala saya ingin mohon maaf Tuan

Yang di-Pertua, ini dari pengalaman saya sendiri, kadangkala kita melihat pegawai tertinggi tidak berada di pejabat, kalau tidak ada di pejabat dan besar kemungkinan kerja tidak akan bergerak setiap masa.

Jadi, bermakna kalau kita lihat sistem yang dahulu dengan sistem yang sekarang jauh bezanya daripada sistem yang lama, kalau kita lihat dahulu chief clerk, ketua kerani dalam satu jabatan, ia akan melihat kakitangannya bekerja dengan baik dan memberikan perkhidmatan yang sempurna, sekarang ini susah. Umpamanya Yang Berhormat, saya sendiri mengalami, kadangkala saya telefon mana-mana satu jabatan, sekarang new technology, sistem telefon tidak payah menggunakan operator, direct kepada pegawai yang berkenaan, keep on ringing, the telephone ringing, bunyi-bunyi tidak ada orang yang menjawab, jadi berapa kali hendak telefon tidak menerima jawapan. Ini satu sistem yang saya ingat kita harus fikirkan semula, apakah sistem ini baik.

Tuan Yang di-Pertua, kerana orang kampung, mereka tidak tahu, kalau dia telefon orang tidak jawab, dia kata: “Mana dia pergi, tidak bekerjakah, dia mogokkah, hilangkah ataupun pontengkah.” dan sebagainya. Ini sistem yang harus kita fikirkan semula untuk memberi perkhidmatan kepada orang kampung, ini akan membawa satu perkara gejala yang kurang baik kepada kerajaan sendiri. Secara konstruktifnya saya ingat semata-mata kita ingin melihat jentera kerajaan bergerak dengan begitu baik untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat dalam negara ini, itu yang paling pokok dan penting untuk kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kepada kerajaan supaya memberitahu Dewan yang mulia ini, sama ada skim SSB ini telah sebenarnya dapat mengubah sistem perkhidmatan awam yang lebih baik daripada yang dahulu atau hakikatnya sistem ini telah mengurangkan produktiviti kakitangan awam.

Saya mencadangkan skim ini dimansuhkan, minggu lepas rakan saya Yang Berhormat Senator Tuan Mustaffa Kamal mencadangkan supaya sistem ini dimansuhkan dan saya juga mencadangkan supaya skim ini dimansuhkan dan diganti dengan sistem yang baru.

Saya juga mencadangkan kajian terhadap sistem yang terbukti berkesan dilaksanakan oleh syarikat-syarikat swasta dalam negara ini dan yang mampu meningkatkan produktiviti serta membawa ke arah kerja berpasukan secara harmoni, itu harus dilihat, dikaji.

Saya mencadangkan supaya inisiatif dibuat, kajian dibuat, besar kemungkinan saya melihat kenapa swasta boleh menjadi maju, kenapa jentera swasta bergerak dengan begitu baik tanpa adanya General Orders (Perintah-perintah Am).

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyatakan, saya lihat banyak General Orders daripada Ketua Setiausaha Negara yang lepas. Kadangkala making public services confused, dengan izin, mana satu hendak diikuti, General Orders ini saya ingat barangkali bertimbun-timbun buku, kalau tidak silap saya General Orders dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara untuk diikuti, difahami oleh kakitangan awam.

Tuan Yang di-Pertua, ini barangkali tidak betul, kalau kita lihat swasta, tidak ada General Orders, very simple regulations, dengan izin, dikeluarkan kepada kakitangan mereka dan senang diikuti, senang difahami dan kejayaannya telah dapat dilihat.

Mengapa tidak kita adakan kajian, mengapa kita harus membuat beberapa General Orders dan sebagainya, ini membuatkan satu perkara yang kita katakan kakitangan awam merasakan apakah yang harus diikuti kerana ikut yang lama tidak betul, kalau ikut yang baru pun tidak betul, finally kakitangan awam kata: "It is better for me to sit and watch", dengan izin.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Adakah bahan General Order ini peninggalan penjajah?

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, sebahagian daripadanya adalah peninggalan penjajah dan kita perbaharui. Kita harus mengkajinya semula adakah sesuai dengan keadaan kita? Kita boleh berfikir dengan baik sebagai rakyat Malaysia, yang bertamadun, yang mempunyai pelajaran tinggi, saya kira barangkali ramai rakyat negara kita Tuan Yang di-Pertua, yang mendapat Ph.D. dalam pelbagai

bidang. Tenaga mereka boleh digunakan untuk memastikan kita mencari bahan-bahan yang lebih baik untuk diperkenalkan, besar kemungkinan dari sini dapat dicontohi oleh negara-negara lain di rantau Asia Tenggara. Itu satu perkhidmatan yang kita anggap akan dapat memberikan kebaikan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, latihan kemahiran semula dan kepelbagaian kemahiran. Isu latihan kemahiran berterusan telah pun saya perkatakan dan mengenal pasti masalah-masalahnya dan usaha-usaha untuk memperbaikinya dalam sektor swasta. Kini saya ingin menyentuh berkaitan latihan kemahiran dalam sektor awam pula.

Kerajaan sedang menghadapi cabaran besar untuk memastikan agar semua kakitangan celik komputer sejajar dengan perkembangan pesat teknologi maklumat. Kerajaan telah melabur berjuta-juta ringgit ke arah mewujudkan Koridor Raya Multimedia (MSC), sistem bangunan pintar, pembinaan Cyberjaya dan Putrajaya dalam usaha meningkatkan perkhidmatan awam agar begitu efisien, selari dengan tuntutan pembinaan sebuah negara perindustrian yang maju dan bertamadun.

Tuan Yang di-Pertua, menjelang alaf baru, tahun 2000 yang sudah hampir akan melihat kehadiran cabaran dikenali sebab masalah 'pepijat alaf' atau lebih dikenali dalam bahasa Inggeris dengan izin, 'Y2K bug'. Sekiranya masalah perisian ini tidak ditangani dengan segera, ianya akan membawa padah gangguan yang mampu melumpuhkan sistem-sistem komputer kerajaan, negara dan seantero dunia.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya 'Y2K bug' adalah suatu kesilapan dalam komputer software, yang ditulis di peringkat awalan yang hanya membaca dua digit terakhir dengan menganggap dua digit terdahulu sebelum kurun 19. Ini bermakna 1 Januari 2000, perisian dalam komputer akan membaca tahun 2000 selepas 1900. Saya tidak pula bercadang memperkatakan secara terperinci atau lebih teknikal tentang cabaran dan bahayanya yang mampu melibatkan tambahan peruntukan berjuta-juta ringgit wang negara.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tun Daim Zainudin baru-baru ini telah menyuarakan keprihatinan kerajaan dan mengambil langkah-langkah wajar memperuntukkan sejumlah RM850 juta. Menurut

laporan itu, peruntukan tersebut mampu mengatasi masalah yang mungkin dihadapi dari cetusan 'Y2K bug' bagi keperluan 250 buah agensi kerajaan. Ini dari segi pandangan dan pendapat saya yang didefinisikan dalam kategori kritikal seperti Kementerian Pertahanan, Kementerian Kesihatan, MARA, Jabatan Pengangkutan, Jabatan Imigresen dan Unit Perancang Ekonomi. Di samping itu, laporan tersebut ada juga menyatakan bahawa Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Yang Berhormat Datuk Leo Moggie adalah juga Pengerusi Kebangsaan Jawatankuasa Y2K telah menubuhkan jawatankuasa tersebut untuk mengerakkan arah tuju dan kepimpinan yang sewajarnya sebagai bukti komitmen kerajaan bersedia untuk menghadapi cabaran 'Y2K bug'.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan syabas. Dengan tindakan-tindakan tersebut dan berharap kerajaan akan bersedia dengan strategi-strategi yang mantap dan berkesan tanpa melupakan pentingnya semua pegawai dan kakitangan segera dilengkapi dengan pengetahuan dan ilmu secukupnya. Maka itu adalah penting untuk saya ulangi keperluan melatih, meningkat, menambah pengetahuan dan tumpuan ke arah keperluan latihan kemahiran semula dan latihan pelbagai bagi semua tenaga pekerja di sektor awam.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan ahli-ahli Dewan, Tuan Yang di-Pertua sendiri telah membangkitkan beberapa isu yang bernas dan konstruktif demi untuk mengambil perhatian kerajaan bagi memberikan jawapan.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu mempersoalkan kepintaran kerajaan untuk menjawab tetapi saya berharap dalam Dewan yang mulia ini, segala apa juga yang telah dipersetujui, diperbangkitkan dan telah dicadangkan oleh Ahli-ahli Dewan saya memohon kepada kakitangan awam agar mencatatkan. Besar kemungkinan Yang Berhormat Menteri-Menteri yang bertanggungjawab tidak mempunyai masa untuk mengkaji seluruh ucapan tersebut kerana sibuk dengan tugas dan tanggungjawab

mereka dan saya sendiri pun sebagai pemimpin kesatuan sekerja, saya tidak dapat memberikan tumpuan yang lebih kepada isu-isu yang dibangkitkan. Tetapi kita memerlukan tenaga kakitangan awam yang dapat mencatatkan point-point yang berguna, point-point yang bagus, cadangan-cadangan yang konstruktif diberitahu kepada menteri-menteri yang berkenaan untuk membuat ulasan-ulasan yang penting dan diambil kira dan supaya Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini tidak dianggap oleh orang lain sebagai Dewan hanya tempat kita bercakap dan tidak ada balasan yang tertentu.

Ini yang saya hendak tegaskan, dalam kenyataan saya, saya berharap supaya kakitangan awam yang datang dari pelbagai kementerian, jabatan mencatatkan point-point yang telah kita nyatakan. Ramai Ahli Yang Berhormat seperti Dato' Abdul Aziz, Tuan Yang di-Pertua, sendiri, Puan Mastika dan juga rakan-rakan saya yang lain telah memberi banyak cadangan. Saya kira cadangan tersebut boleh diambil kira, boleh digunakan, guna-pakai untuk kementerian-kementerian berkenaan semata-mata untuk memperbaiki jentera kerajaan, memperelokkan jentera kerajaan dan ianya akan menguntungkan bukan sahaja kerajaan tetapi rakyat jelata dalam negara ini yang diwakili oleh kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya dengan segala sukacitanya menyokong resolution terhadap Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Zainal bin Rampak. Saya juga mengalu-alukan ucapan yang terakhir tadi berkenaan dengan catatan oleh kakitangan kerajaan. Saya nampak

ucapan Yang Berhormat amat bernas dan banyak perkara yang dibangkitkan itu amat berguna dijawab untuk kepentingan rakyat seluruh Malaysia, terima kasih.

Saya dengan ini menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail daripada Perlis. Saya minta maaf kepada yang lain sebab Yang Berhormat ini minta izin benar kepada saya untuk memberi dia peluang sebab dia adalah dalam keadaan masa yang suntuk membincangkan kerana ada perkara yang penting selepas ini untuk ditumpukan. Dengan segala hormatnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abu Bakar daripada Perlis.

11.58 pagi

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Bismillahir-Rahmanir-Rahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian.....*[Menyampuk]*.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Sebelum itu saya minta pandangan sedikit, iaitu apabila disebut Yang di-Pertua, sebut Tuan Yang di-Pertua. Tidak payah sebut Datuk, Tan Sri, Timbalan, sebab yang duduk di atas ini adalah Yang Di-Pertua dan Tuan Yang di-Pertua adalah perkataan yang benar digunakan, teruskan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas teguran mengikut peraturan itu.

Saya terlebih dahulu memohon maaf kepada rakan-rakan saya yang memang masih ramai lagi ingin mengambil bahagian kerana peluang ini Tuan Yang di-Pertua berikan kepada saya atas permintaan saya, memang saya sudah meletakkan nama dahulu untuk berucap hari ini dan secara kebetulan petang pula saya terpaksa balik ke Perlis kerana besok Hari Keputeraan Raja Perlis dan flight saya telah ditetapkan.

Oleh sebab itu saya mohon izin untuk berucap dahulu dalam sesi ini, Insyallah saya akan cuba memendekkan ucapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan yang mulia ini, saya bersyukur kerana berpeluang mengambil bahagian untuk turut sama membahaskan cadangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, pembentangan Kertas Putih Mengenai Status Ekonomi Malaysia dan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (KSPRM Ke-7) jelas membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional adalah sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, komited serta sensitif terhadap masalah rakyat akibat daripada krisis dan kegawatan ekonomi yang melanda negara ini.

Dengan pembentangan Kertas Putih dan Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini menunjukkan bahawa pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri, keadaan ekonomi sekarang ini di negara kita telah mula menunjukkan tanda-tanda positif ke arah pemulihan daripada pertumbuhan negatif kepada pertumbuhan positif. Ini diakui oleh pemimpin-pemimpin dunia dan dalam bentuk angka sendiri kita jelas daripada hari ini pasaran saham telah melonjak naik dan ramai orang yang berminat melabur di pasaran saham telah dapat membuat keuntungan dan mengambil kesempatan.

Begitu juga pelabur-pelabur luar sudah mula dilihat beralih semula, datang ke negara kita dan melabur. Saya yakin penuh dengan usaha kerajaan secara serius dan berkesan ini dan dengan komitmen semua rakyat termasuklah rakyat bawahan terutamanya, keadaan pemulihan ekonomi akan menjadi lebih cepat lagi. Dalam jangkaan, pada tahun ini kita jangka kita akan dapat mencapai lebih daripada 1% pertumbuhan dan pada tahun 2000, kalau mengikut ramalan di antara 2% dengan 3% dan setengah-setengah pula meramalkan akan pergi kepada 5% pertumbuhan. Saya

mempunyai keyakinan penuh kepada dasar-dasar yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Apabila kita mengikuti beberapa dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan seperti yang terdapat di dalam buku ini *Dasar-dasar Negara* dan saya telah mengikuti ucapan-ucapan penting Perdana Menteri, menghayatinya iaitu *Kestabilan Teras Pembangunan* semasa membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh dahulu dan begitu juga di dalam buku kecil ini yang mengandungi visi bangsa, MTEN dan sebagainya yang banyak memberi panduan kepada kita selain daripada panduan yang ada pada kita berkenaan dengan Kajian Separuh Penggal – buku hijau ini. Saya juga telah melihat di dalam buku kecil yang bertajuk *Perlembagaan Negara Menjamin Hak Rakyat* – suatu ucapan penting yang di dalamnya jelas menafikan dakwaan DAP untuk hendak melaksanakan dasar ‘Malaysian Malaysia’.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kembali kepada petikan yang terkandung di dalam dasar-dasar negara yang mana di dalam ini telah disebut tujuan kerajaan mengadakan dasar-dasar yang digubal itu mempunyai objektif khusus iaitu:

- (i) pencapaian matlamat Wawasan 2020;
- (ii) pencapaian matlamat dasar pembangunan nasional;
- (iii) pertumbuhan ekonomi dan pengagihan yang adil; dan
- (iv) kedaulatan dan ketahanan negara.

Sungguhpun objektif dasar-dasar yang digubal adalah murni tetapi kejayaan dan keberkesanannya banyak bergantung kepada kefahaman dan penghayatannya oleh para pelaksana dan rakyat sendiri. Adalah diharapkan dasar-dasar ini betul-betul dihayati. Saya quote ini semula, Tuan Yang di-Pertua, sebab masa Tuan Zainal bin Rampak berucap tadi, [*menoleh ke belakang ke tempat duduk Senator Tuan Zainal bin Rampak*] Tuan Zainal masih ada. Saya memang hormati pandangan Yang Berhormat dan saya akur dengan pengalamannya di dalam Kesatuan Sekerja tetapi dalam masa yang sama kita tidaklah boleh menimbulkan isu yang menjadi dilema – dilema bagi kerajaan dan dilema bagi rakyat.

Saya yakin penuh dasar yang dibuat oleh kerajaan itu adalah baik. Yang tidak baik itu ialah pelaksanaan, ini bukan bermakna dasar itu yang lemah. Misalannya, SSB ataupun dasar kita buat punch-card. Bila pegawai itu sendiri pergi punch lepas itu dia tidak masuk ke pejabat buat kerja, dia pergi ke tempat lain, bukan dasar punch-card itu yang tidak baik. Begitu juga sistem telefon – komunikasi, kita adakan perkhidmatan komunikasi canggih, kita adakan pegawai berkhidmat, kita adakan jawapan sendiri, suruh tunggu dan sebagainya, kalau benda itu berlaku adakah dasar itu yang tidak bagus? Yang tidak kenanya pegawai yang menguruskan. Inilah penekanan yang diberikan oleh kerajaan dan perhatian yang harus diberikan oleh wakil-wakil rakyat dan rakyat jelata. Kalau ini diberi perhatian, semua orang sedar tentang kesilapan dan kelemahan ini, saya yakin kerajaan akan memberi penekanan untuk memantau, mencari jalan bagaimana hendak memperbaiki keadaan yang memang boleh menjejaskan keutuhan dan prestasi pihak kerajaan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berkenaan dengan kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad. Saya rasa akhir-akhir ini pihak kerajaan khususnya Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri telah menerima tohmahan, tuduhan, kecaman dan fitnah yang amat besar sekali. Yang paling malangnya kecaman, tuduhan dan fitnah ini datang daripada orang dalam Malaysia sendiri, pemimpin-pemimpin parti politik, pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja, minta maaf, pertubuhan NGO yang bukan kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan yang kata mereka hendak menuntut keadilan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Hendak minta laluan di belakang sana.

Tuan Zainal bin Rampak: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak pastikan sama ada Yang Berhormat menyatakan NGOskah ataupun Kesatuan Sekerja?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat mengikuti tadi, saya tersebut Kesatuan Sekerja, selepas itu saya meminta maaf, maknanya bukan Kesatuan Sekerja tetapi sedikit sebanyak kecenderungan

kesatuan itu kadang-kadang hendak memihak ke sebelah NGO. Itu pandangan mereka, kita nilailah, rakyat menilai.

Apa yang saya sebut ini kalau kita perhatikan, sejak daripada kita mencapai kemerdekaan dahulu iaitu pada 31 Ogos 1957, selepas itu kita tubuhkan Malaysia pada tahun 1963 dan seterusnya kita dapati perkembangan Malaysia daripada sejak menuntut kemerdekaan, sejak pertubuhan UMNO dengan sokongan kaum bumiputera berjaya menghapuskan Malayan Union yang bercita-cita untuk menekan orang-orang Melayu pada masa itu sehinggalah kita berjaya menuntut kemerdekaan, sehingga kita berjaya menentang komunis, sehingga kita berjaya membangunkan negara ini, sehingga kita berjaya melaksanakan dasar pembangunan ke arah menjadi negara industri, sehingga kita berjaya memantapkan kedudukan politik dan ekonomi negara kita; kita lihat laluan ini bukanlah satu laluan yang mudah. Laluan yang cukup rumit, lebih-lebih lagi menjelang tahun 1969 iaitu 13 Mei menunjukkan kalau kemampuan kerajaan terhadap konsep berkongsi kuasa itu tidak dijalankan dengan baik, saya yakin mungkin kita tidak akan sampai ke tahap yang kita ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus mengenal sejarah, kita harus akui sejarah. Kalau kita buta sejarah, kita tidak mengetahui sejarah perkembangan negara kita, amatlah satu masa nanti kita akan menghadapi satu dilema, dilema penjajahan mental, dilema kehancuran negara, dilema orang boleh membentuk, menentukan kedudukan negara kita tetapi kita bersyukur kerana pada masa ini, rakyat negara ini majoritinya masih mengetahui siapakah yang boleh menjadi pemimpin, siapakah yang hanya sekadar menjadi pembangkang dan akhirnya bila sampai pilihan raya, rakyat dapat membuat pilihan yang tepat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berkenaan dengan dakwaan-dakwaan pihak-pihak tertentu seperti parti PAS, pemimpin PAS, pemimpin parti KeADILan dan dua-dua parti ini adalah serpihan daripada UMNO itu sendiri. PAS sebenarnya adalah golongan ulama di dalam UMNO pada suatu masa dahulu yang akibat daripada hendak menggunakan UMNO untuk melahirkan satu fahaman agama yang keterlaluan, ketaasuban dari segi fahaman agama, hendak mendesak supaya UMNO meneruskan

perjuangan itu, akhirnya mereka tidak berjaya. Mereka mengambil keputusan keluar daripada UMNO dan menubuhkan parti PAS ini. Jadi, prinsip dan perjuangan PAS tidak lebih daripada menumpu khusus untuk mewujudkan pemerintahan berbentuk Islam sepenuhnya.

Memang kalau kita perhatikan di dalam Perlembagaan UMNO itu sendiri, UMNO lah parti yang mempertahankan agama, bangsa dan negara. Di dalam Perlembagaan kita jelas, cuma kita tidak namakan UMNO itu parti Islam. Kita namakan UMNO, 'United Malays National Organisation', dengan izin, Tuan Yang di-Pertua tetapi parti PAS, PAS kata mereka Parti Islam SeMalaysia, sama ada kita bersetuju dengan kata-kata rhetoric dengan nama parti Islam ataupun nama parti yang nampak tidak Islamic tetapi segala penghayatan dan perjuangannya lebih mirip ke arah menegakkan apa yang dikehendaki oleh Islam.

Inilah dilema yang telah digunakan oleh parti PAS, mengelirukan rakyat terutama sekali yang beragama Islam. Mereka seharusnya berfikir panjang bahawa Islam itu satu agama universal, bukan agama khusus untuk orang-orang Melayu lebih-lebih lagi di negara kita ini negara yang mempunyai rakyat berbilang bangsa, mempunyai kebudayaan yang berbeza-beza dan mereka sendiri tahu bahawa Islam dianuti oleh orang Cina lebih ramai daripada orang Islam di Malaysia sendiri dan Islam ini juga dianuti oleh rakyat India sendiri di India lebih ramai daripada orang Islam keseluruhannya di Malaysia. Begitu juga agama Islam ini adalah agama universal yang dimiliki oleh semua rakyat di dalam muka bumi ini kerana secara kebetulan agama Islam itu diturunkan di Mekah, di negeri-negeri Arab di Timur Tengah dan diberikan taraf nabi itu kepada orang Arab – ini kerja Allah Taala pada masa itu, bukanlah bermakna kata agama Islam itu hak negara Arab, hak orang Arab sahaja. Jadi, kita ingin mengingatkan kepada

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Gunakan perkataan lain kepada 'kerja Allah Taala' itu, 'petunjuk Allah Taala'.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, terima kasih. Inilah tugas Tuan Yang di-Pertua – untuk mengingatkan Yang Berhormat yang sedang bercakap supaya

bercakap perkara-perkara yang betul. Terima kasih, anugerah dan memanglah Allah Taala ini, Dia lebih tinggi, maha berkuasa dan maha mengetahui dan kita adalah sebagai makhluk.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat dukacita sekali, parti yang mengatakan mendukung cita-cita Islam, membawakan pembangunan Islam, bercita-cita untuk hendak mewujudkan pemerintahan Islam tetapi mereka ini dari segi kata-kata, dari segi teori, dari segi dasar memang cukup elok, cukup baik tetapi apa yang mereka buat, apa yang mereka lakukan bila mengadakan majlis ceramah termasuklah di seluruh pelosok tanah air ini lebih-lebih lagi di negeri-negeri yang majoriti Melayu seperti Terengganu, Kelantan, Kedah dan Perlis sebab bagi mereka inilah tempat yang mereka harus memberi perhatian. Mereka hendak memerintah negeri-negeri ini dan mereka pergi ke pelosok, tempat-tempat yang kita tahu orang-orang kampung, orang-orang Melayu di kampung-kampung, fahaman agama mereka, saya mohon maaf, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak memperlekehkan, ditakdirkan orang Melayu ini lahir....

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Apa makna 'memperlekeh' ini?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: 'Memperlekeh' ini makna kata merendahkan dari segi kefahaman mereka.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini cakap mana ini, cakap orang Perlis?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya, semua orang boleh faham, 'lekeh' itu semua orang faham.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Kalau saya tidak faham di Pahang, maknanya tidak digunakan di Pahanglah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua Dato' Haji Mohd. Zuki kena pergi ke Perlis belajar. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, secara kebetulan, bila lahir sahaja anak orang Melayu, maka dengan automatik kita anggap kita sebagai orang Islam sebab emak kita Islam, bapa kita Islam, datuk kita Islam dan kita lihat di dalam suasana keluarga Islam. Sebab

itulah Riduan Tee pernah berkata, dia kata betapa bertuahnya orang Melayu ini, lahir-lahir sahaja tidak payah kursus, tidak payah mengucap, tidak payah apa, automatik Islam. Mungkin ini satu daripada kelemahan. Oleh sebab itu, mereka ini kadang-kadang tidak perlu memberi satu kursus yang tertentu untuk hendak menjamin sebagai anak orang Islam, sebagai keluarga Islam. Perkara-perkara yang berkait dengan Islam itu seolah-olah dia boleh ambil tahu secara tidak langsung begitu sahaja sedangkan orang-orang bukan Islam yang hendak menganut Islam, dia terpaksa melalui suatu proses mengislamkan dia, mengucap, belajar dan sebagainya dan inilah suatu perbezaan, satu realiti yang harus kita sedari terutama sekali orang-orang Melayu yang beragama Islam. Bangsa lain yang beragama Islam saya rasa pendekatan mereka sudah mengetahui dan sekaligus boleh menjejaskan kefahaman orang-orang yang bukan Islam terhadap Islam itu sendiri.

Sebenarnya Islam itu memang baik, memang syumul, memang sempurna tetapi oleh kerana penghayatan dan fahaman kita terhadap Islam itu begitu tipis, tidak mendalam, sebab itulah kita menerima Islam ini sebagai satu budaya, sebagai suatu label sahaja. Maka, kita tidak faham bila parti-parti pembangkang menggunakan isu agama untuk hendak mempengaruhi orang-orang yang dikatakan menganut Islam ini, mereka ini dengan sendirinya percaya, lebih-lebih lagi bila PAS kata “masuk PAS, masuk Islam, pangkah PAS jamin masuk syurga”. Jadi, bagi orang-orang biasa di kampung yang memang sudah pun taasub kata Islam ini agama mereka, apa pilihan yang mereka ada? Inilah penyelewengan kefahaman terhadap parti politik yang menggunakan Islam. Lebih-lebih lagi apabila mereka pergi ke kampung mereka menggunakan ayat-ayat Quran, menggunakan hadis-hadis dalam ceramah mereka, selepas itu mereka tafsirkan mengikut tafsiran mereka sendiri. Mereka mengatakan kerajaan zalim, Dato' Seri Dr. Mahathir ini, minta maaf, dibandingkan sama dengan Fir'aun dan sebagainya. Dia kata buat lebuh raya belanja banyak, zalim, sedangkan rakyat miskin tidak ada pendapatan, buat Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), belanja duit banyak, buat Stadium Bukit Jalil dan sebagainya, dia tuduh kata kerajaan membazir sedangkan dari segi realitinya orang-orang inilah

orang-orang yang pertama sekali pada satu masa dahulu, masa kerajaan buat jambatan Pulau Pinang, masa kerajaan buat Masjid Negara di zaman Tunku Abdul Rahman dahulu, buat Stadium Merdeka di zaman Tunku Abdul Rahman dahulu, samalah, isu yang sama tetapi sampai sekarang baru mereka tahu keperluan perkara-perkara ini bukan membazir. Sebenarnya kita buat sesuatu perkara yang memang perlu pada suatu masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebut perkara-perkara yang ditimbulkan oleh pihak pembangkang terutama PAS dan PAS ini pula sekarang ini telah dimasuki oleh orang-orang yang mendakwa sebagai alim ulama, pakar motivasi, mufti dan sebagainya yang pada satu masa dahulu, masa bekas Timbalan Perdana Menteri menjadi Menteri Kewangan, mungkin telah, tersilapkah atau sengaja dibuatkah, memberi peluang kepada mereka ini. Saya sebut nama terus macam Harun Din, Dr. Hassan Ali, diberi peluang menjadi pensyarah, profesor di universiti yang kerajaan bayar gaji dan elaun beribu-ribu ringgit, bukan sedikit. Dr. Hassan Ali pula menjadi pakar motivasi kepada agensi kerajaan, kepada pegawai-pegawai kerajaan. Bila kita buat kursus hendak meningkatkan semangat motivasi pegawai kita panggil penceramah ini pergi, buat dalam bentuk pakej, bayar berpuluh-puluh ribu ringgit kepada mereka ini. Mereka ini diberi exposure yang begitu meluas melalui Televisyen, *Forum Perdana* dan sebagainya, dapat publisiti yang cukup baik melalui kerajaan. Akhirnya, yang kita tidak tahu di mana silapnya mereka ini belot. Pembelotan melalui kemudahan yang mereka dapat melalui kerajaan ini sepatutnya dianggap sebagai pengkhianat, mereka ini tidak kenang jasa.

Cuba kita fikirkan apa sebenarnya salah Dato' Seri Dr. Mahathir, kesalahannya apa yang sebenarnya? Kita list out, kita senaraikan apa yang Dato' Seri Dr. Mahathir buat untuk kerajaan, apa silap Dato' Seri Dr. Mahathir dari segi pentadbiran. Kita tidak boleh kaitkan semata-mata kerana masalah kes Dato' Seri Anwar bin Ibrahim. Prosesnya itu sudah berlalu. Perjuangan kita bukan untuk individu dan kita pun bukan taasub kepada kepimpinan Dato' Seri Dr. Mahathir semata-mata kerana beliau Dato' Seri Dr. Mahathir tetapi kepada kepimpinannya. Dia berjaya membawa negara ini

daripada sebuah negara yang dijajah, yang miskin menjadi sebuah negara yang berdaulat dan dihormati, maju, boleh mengatasi masalah sendiri, keadaan stabil sekarang dari segi politik dan ekonomi. Ini yang perlu kita lihat tetapi bila tuduhan, tohmahan, kecaman yang dibawa, ditujukan di atas kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir, ini bagi saya adalah satu perbuatan yang tidak bertanggungjawab dan boleh dianggap sebagai pengkhianat.

Bayangkanlah orang-orang ini yang mendapat hak sebagai rakyat yang telah mendapat nikmat daripada pembangunan, yang macam Harun Din, Dr. Hassan Ali, saya dapat tahu, saya tidak tahulah sama ada benar ataupun tidak, saya minta Dato' Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh kalau boleh jawab soalan saya ini. Harun Din katanya mendapat satu bidang tanah di Selangor ini di bawah Menteri Besar yang lepas, berapa luasannya saya tidak tahu, kawasan balak atau perumahan saya tidak tahu. Kemudian, dia ada anak syarikat dan melalui anak syarikat ini dia dapat kontrak kerajaan, landskap lebuhraya yang ada sekarang ini, itu diberi kepada dia berjuta-juta untuk sekian tahun, dapat kepada dia dan dia mendapat keuntungan banyak dan dia bukan buat sendiri pula, dia beri kepada syarikat lain yang buat.....

Puan Hajah Mastikah Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang memberi laluan. Saya tadi khusyuk dengar Yang Berhormat bercakap soal Islam, soal agama. Orang Melayu ini ada setengahnya mungkin merasakan bahawa oleh kerana dia Melayu, Melayu beragama Islam dan menganggap dia automatik menjadi orang Islam.. Tetapi tidak berusaha untuk mendalami agama Islam. Kekurangan ini menyebabkan ada pihak-pihak yang boleh mengambil peluang kepada kecacatan kefahaman kepada agama, ataupun oleh kerana kurangnya pengetahuan ingin mendalami agama tetapi terjerumus pula kepada kumpulan yang disangka dakwah, yang disangka boleh membimbing orang-orang Islam kepada pengetahuan Islam yang boleh lebih mendalam tetapi sebenarnya kumpulan ini adalah parti politik. Saya rasa mungkin itu Yang Berhormat sebutkan tadi ini satu kegawatan oleh negara kita dan saya rasa kerajaan harus memikirkan bagaimana eksploitasi agama ini tidak

berterusan. Saya minta laluan ini kerana saya tertarik Dato' Harun Din seorang yang dikenali sebagai seorang ulama. Saya fikirkan bahawa Dato' Harun Din ini ialah ulama dan juga sebagai insan yang diberikan oleh Allah s.w.t. keupayaan mengubat sakit dan sebagainya kerana kalau balik Perlis itu ramai dok pergi jumpa dia, bawa air minta doa untuk menyembuhkan penyakit dan sebagainya. Rupa-rupanya kalau ikut Yang Berhormat tadi ia juga seorang usahawan, seorang korporat dan hari ini hendak terjun ke dunia politik. Jadi apakah ini benar apa Yang Berhormat sebutkan tadi, jadi siapa dia yang sebenarnya. Kalau seorang ulama, seorang insan yang hidupnya mendalami agama dan ingin mengabadikan diri untuk kebaikan ummah, untuk berdakwah saya rasa terlalu bertentangan sikap-sikap dan sifat-sifat ini yang cuba diceburi di antara satu sama lain sebagai alim ulama, jadi ahli perniagaan, kemudian jadi ahli politik, jadi kita tidak ada satu penjurusan dalam kegiatan ataupun peranan-peranan kita terutama bagi orang Melayu kita tidak fokus. Tidak ada fokus ini bahaya kerana tidak fokuslah orang-orang Melayu lebih kurang, buat kerja lebih kurang, ambil ukuran yang lebih kurang, duduk dalam keadaan yang lebih kurang, mana pun boleh, itu boleh, menyebabkan bangsa kita tidak akan maju. Saya rasa fokus kepada sesuatu perkara - kalau Perdana Menteri ya fokusnya untuk membangun negara. Ulama fokusnya adalah melihat bagaimana ummah dapat diangkat. Kalau tadi Yang Berhormat menyebutkan bahawa ummah ini masih kekurangan pengetahuan, masih merasakan lahir sebagai Melayu, sebagai Islam, tidak mendalami Islam, tidak menjadi Islam yang sejati saya rasa ini kerja ulama. Tetapi kalau ulama juga korporat, ulama juga ahli politik ke mana, bagaimana kita hendak membangunkan ummah kita itu soalnya.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingat biarlah pihak menteri yang menjawab, saya hanya akan hurai, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat kerana sekurang-kurang bila dia bangun minta laluan saya boleh berehat sekejap dan fikiran saya tenang lepas itu saya boleh bercakap balik. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua saya berbalik kepada peranan Dato' Dr. Harun Din dengan Dr. Hassan Ali tadi seperti yang saya sebut saya minta pihak kerajaan telus dalam masalah ini. Kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Sri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mendedahkan ada kroni Yang Berhormat Dato' Sri Anwar Ibrahim yang dulu ini papa kedana tak tahu siapa dia tak ada apa pun, tapi bila Dato' Sri Anwar Ibrahim menggunakan kedudukan dia memberi projek dan mungkin saham melalui syarikat-syarikat yang banyak sebab dulu bukan ada had. Jadilah pengarah, pengerusi dalam apa syarikat pun matlamat dia memang ada siapa pun tak tahu, tak telus sekarang sudah telus sudah diumumkan. Kita minta pihak kerajaan mendedahkan supaya rakyat tahu sebab rakyat yang akan mengadili siapa yang benar. Ini parti keADILan dia bubuh nama keADILan tetapi keadilan untuk siapa mereka masih samar-samar dan ragu-ragu. Dan kita minta kerajaan menjelaskan, memberitahu secara terperinci dan begitu juga tentang penglibatan Dato' Dr. Harun Din ini dan ulama-ulama ini. Saya dalam satu segi saya tidak mengatakan orang yang menjadi ulama, orang yang menjadi ahli korporat, tidak seharusnya melibatkan diri dalam politik saya tidak mengatakan begitu. Sebab bagi saya, saya lebih terbuka, saya lebih fikir secara global saya ingat perpaduan itu dikombinasi bidang-bidang ini akan lebih memantapkan lagi seseorang pemimpin.

Dan kita boleh katakan Yang Amat Berhormat Dato Sri Dr. Mahathir bin Mohamad sendiri seorang ulama, dia tahu berkenaan agama, lebih-lebih lagi dia beragama Islam. Tetapi oleh kerana Yang Amat Berhormat Dato Sri Dr. Mahathir bin Mohamad tidak bermula daripada ulama dia hadir sebagai doktor selepas itu dia terlibat dalam pertubuhan, kemudian dia jadi pemimpin negara. Berbeza dengan orang PAS, dia membentuk budaya peribadi dia dalam bentuk ulama dulu. Sebab itu saya pernah adakan dialog bercakap dengan Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman saya hairan mengapa orang-orang ini yang pada peringkat awal terlibat, terdedah dengan unsur-unsur agama menjadi ulama, berceramah agama dalam televisyen dan sebagainya lantik jadi mufti, lantik jadi orang penting pihak universiti hendak menerapkan Islam akhir-akhirnya kecenderungan untuk memihak sebelah

pembangkit parti PAS dan sekarang ini ada pilihan parti keADILan. Ini amat sayang sekali, pada hal kalau kita fikirkan kombinasi ilmuan ini penglibatan mereka ini akan memberi sesuatu kekuatan kepada generasi kita dan kalau boleh mereka perlu sedar realiti keadaan negara kita. Kita akui keadaan negara kita bukan seratus peratusnya sempurna/perfect. Memang di sana sini ada kekurangan tetapi kita harus bersama-sama membetulkan kekurangan dan kesilapan, bukan...

Dato' Mohd. Zuki bin Kamaludin: Jangan panjang sangat, pendekkan sedikit pertanyaan itu.

Puan Hajah Mastikah Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat Haji Abu Bakar tidak dapat menghabiskan ayatnya. Saya harap tadi dapat menghabiskan sebenarnya saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tadi mungkin Yang Berhormat kata lebih global dan kita membenarkan mana-mana pihak masuk ke arena mana-mana. Pada pandangan saya, saya setuju Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan singkat dan bukan sedikit pengalaman dan juga pengetahuan agamanya. Kita dapat lihat pemikiran yang dikeluarkan kalau kita pernah berdialog dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Perdana Menteri adalah juga seorang yang berpegang kepada Islam yang teguh dan juga mempunyai pengetahuan yang kita respect, dengan izin. Tetapi pengenalan seseorang itu kita tahu orang politik mengenalannya dia sebagai pemerintah, dia ahli politik dan tidak bererti bahawa ahli politik tak perlu mengetahui bab agama, tidak belajar agama, tetapi itu mengenalannya yang utama, penjurusannya.

Begitu juga dengan ulama, ulama penjurusannya kepada soal-soal agama. Tidak bererti bahawa ulama tidak boleh mengambil bahagian, tidak boleh ambil tahu atau tidak boleh memberi nasihat tidak boleh memberi perhatian kepada soal-soal keduniaan memang boleh tetapi keutamaan peranan kita itu adalah sebagai ahli agama. Saya tak setuju kalau dicampuradukkan perkara-perkara ini. Kita contoh di Kelantan, Kelantan apabila satu ketika sebagai ahli politik, sebagai pemerintah tetapi bila bercakap ini adalah satu ucapan ataupun pesanan daripada seorang ulama. Pada hal pesanan itu berbau politik yang akan memberikan gambaran yang tidak jelas,

gambaran yang buruk kepada orang ramai dan juga lebih-lebih lagi orang bukan Islam. Sebenarnya itu bagi saya hanya menjejaskan agama itu sendiri. Terima kasih.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat...

Datuk Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat panjang lagi?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tidak, saya ikut keadaan. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata boleh, saya sambung. Kali ini mungkin saya tidak beri laluan sebab saya tidak mahu beri gangguan, mungkin saya tidak sempat hendak habis, kalau tidak ia akan jadi perbahasan orang lain. Sekarang ini saya yang mengambil bahagian tetapi laluan yang agak perlu, kita beri. Boleh Tuan Yang di-Pertua, saya sambung?

Datuk Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Boleh teruskan tetapi jangan minta rehat terlalu lama.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih. Bila ada kawan-kawan minta laluan atas dasar prinsip, itu Tuan Yang di-Pertua yang berkuasa. Saya hendak tengok Tuan Yang di-Pertua, boleh atau tidak guna kuasa.

Datuk Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Teruskan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Saya sambung balik tentang perkara tadi, biarlah rakyat yang menilai. Tetapi bagi saya, agama Islam adalah agama yang sempurna, lengkap yang boleh sesuai dengan semua keadaan termasuk orang-orang bukan Islam kalau mereka fahami betul-betul, itu fahaman saya, terpulanglah kepada orang yang menilainya.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada soal kecaman pihak pembangkang tadi. Jadi, kalau kita lihat perkembangan sekarang ini termasuk parti KeADILan rakyat yang diketuai oleh Dr. Wan Azizah isteri kepada bekas Timbalan Perdana Menteri termasuklah DAP, NGO dan termasuklah mungkin Majlis Peguam dan sebagainya, sekarang ini sudah ada dalam satu gagasan, satu pakatan seolah-olah mereka sudah kuat dan sudah boleh menakutkan rakyat Malaysia khususnya generasi muda untuk

bersama-sama mereka dalam matlamat penting mereka ialah menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional, itu matlamat mereka.

Kita dengar baru-baru ini Tuan Lim Kit Siang sendiri membuat kenyataan di dalam akhbar mengatakan pembangkang perlu 70-75 kerusi Parlimen dalam New Straits Times kalau tidak silap saya pada 11 Mei 1999 perlu 70 hingga 75 kerusi Parlimen. Kemudian dia juga mengatakan tidak mudah mengalahkan Barisan Nasional, DAP jangka hendak dapat 30 kerusi Parlimen dan bagi mereka, mereka bukan langsung sebut kata mereka hendak memerintah. Ini harus difahami dan dilihat secara yang jelas sebab senario yang saya pernah beri pada suatu masa dahulu, kedudukan Parlimen, 192 kerusi, dan kedudukan parti-parti pembangkang yang bertanding tahun 1995, dengan DAP menang 9 kerusi, parti PAS menang 7 kerusi Parlimen, PBS menang 8 kerusi, kemudian parti Semangat 46 menang 6 kerusi, ia masuk Barisan dicampur balik, di mana Barisan mendapat 167 kerusi Parlimen dan kita mendapat majoriti 2/3. Sebab itulah saya katakan parti-parti pembangkang ini mempunyai niat semata-mata hendak merosakkan imej kepimpinan dan imej kerajaan yang sama-sama mereka telah dapat nikmat tanpa, kalaulah bukan kerajaan Barisan Nasional yang memerintah sekarang, saya yakin orang-orang yang bercakap lantang macam Tuan Haji Fadzil Noor, Dato' Dr. Harun Din yang katanya ulama, Dr. Hasan bin Ali, Tuan Lim Kit Siang, Encik Lim Guan Eng, pemimpin KeADILan termasuk Dr. Wan Azizah sendiri, Encik Saifudin Nasution ada ramai lagi yang kononnya mereka ini golongan reformasi yang hendak merubah bentuk pemerintahan kerajaan, hendak bela rakyat dan menuntut keadilan.

Saya nampak tidak lebih daripada gimik politik, retorik politik untuk mengambui mata rakyat. Mereka juga adalah sebagai rakyat Malaysia di bawah Perlembagaan kita, berhak bersuara, menubuhkan parti dan memperjuangkan keadilan tetapi malangnya mereka sudah pergi lebih daripada batasan.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mendesak kerajaan supaya memerhatikan mereka ini. Gunakan polis yang ada sekarang, pegawai-pegawai di agensi-agensi tertentu untuk menyiasat, menyelidik peranan mereka. Apa yang kita

tidak mahu kalau-kalau mereka ini menjadi alat kuasa-kuasa tertentu daripada luar. Kita tahu sekarang Amerika sendiri sudah pun memperkukuhkan CIA, bahagian intelligent dia untuk meresapi, lebih-lebih lagi untuk menguasai pemikiran rakyat kita dan kita tahu cubaan mereka hendak menggagalkan pertumbuhan ekonomi kita yang pada mulanya kita hampir-hampir terperangkap dengan saranan mereka supaya mengikut syarat-syarat yang dikenakan oleh IMF tetapi oleh kerana ketabahan, keyakinan Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad sebagai pemimpin, dia tidak hiraukan itu semua, dia buat rancangan pemulihan negara mengikut ala Malaysia.

Saya bersyukur bila di Langkawi Dr. Mahathir buat statement, saya sendiri pun terperanjat yang pada mulanya kita tahu kemungkinan kita hendak longgar sedikit kita punya kawalan, tetapi apa kata Dr. Mahathir, “kita akan teruskan dasar kawalan modal terpilih itu” sebab dia tahu, kalau ini tidak diteruskan memang pun pelabur-pelabur luar terutama sekali yang diguna dan diperalatkan oleh Amerika ini sudah pun menunggu peluang untuk hendak menggugat semula kedudukan ekonomi kita.

Kita tahu peluang-peluang mereka ini tentu akan berterusan. Mereka akan menggunakan berbagai cara. Kita lihat apabila seorang pegawai tinggi IMF datang ke Malaysia dahulu, di lapangan terbang, saya buat potongan akhbar ini. Sebagai Ahli Yang Berhormat tentulah saya sudah buat kajian dan tengok benda-benda ini supaya orang tidak boleh kata, saya bercakap daripada pendapat saya, dengan izin, ‘Wan Azizah-World Bank Chief, hold private meeting’ buat perjumpaan sulit, atas dasar sebagai isteri bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan. Dia boleh buat peraturan, appointment, dengan izin, pergi jumpa di lapangan terbang. Kalau kita orang biasa hendak pergi jumpa dengan ketua World Bank, bukannya senang, orang penting dan perjumpaan itu pula masa yang agak lama juga, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, in what was to have been a hush, hush meeting, World Bank President, James Wolfensohn meet for 30 minutes with Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail at the Kuala Lumpur International Airport today. Sudah tentu saya nampak di sini, sebab mereka tahu pilihan raya akan datang. Dr. Wan Azizah adalah sebagai presiden parti KeADILan dan mereka ini sudah buat pakatan dengan parti PAS, DAP dan sebagainya.

Ini sedikit sebanyaknya akan menggunakan sebagai basic, dengan izin untuk hendak pergi jelajah seluruh pelosok negara memberitahu, sekiranya kita menang

dalam pilihan raya ini boleh memerintah, pihak Bank Dunia, antarabangsa ada hubungan dengan kita. Itu mungkin satu gimik dan saya berpendapat percubaan dan perbuatan ini, orang yang suatu masa dahulu diberi pembelaan, diberi tempat oleh Perdana Menteri, Dr. Mahathir Mohamad sebagai orang yang penting, mengambil kesempatan mengaut kekayaan, saya rasa bimbang dan mendesak pihak kerajaan supaya menyasat kalau-kalau ada kemungkinan pihak-pihak luar membiayai parti-parti politik ini termasuk NGO untuk terus menentang kerajaan dan menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional.

Saya yakin penuh tentu ada sumber-sumber yang tersembunyi dan pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk menyemak akaun, dengan izin, akaun bank, sumber kewangan, simpanan mereka di bank tempatan dan di luar yang mana kita boleh tahu atas nama siapa, individu atau syarikat dan sumbangan ini datang daripada mana. Berapa banyak duit yang ada dan berapa banyak yang telah dibelanjakan. Ini adalah penting dalam bidang kuasa kerajaan kita, parti itu didaftarkan di Malaysia di bawah kerajaan kita, mengapa kita tidak mempunyai hak untuk mengambil tahu.

Kalau sekiranya ini benar-benar tidak menyalahi dari segi undang-undang kita biarkanlah mereka. Lebih malang lagi mereka ini pula, seperti mana saya katakan tadi, berpakat dengan NGO, berpakat dengan DAP yang mana DAP, baru-baru ini Tuan Lim Kit Siang telah memesongkan pandangan rakyat yang pada suatu ketika mereka telah berbeza pendapat, berlaku perpecahan di dalam DAP sendiri, telah memecat beberapa pemimpin di Johor, Perak dan di beberapa negeri. Kelemahan mereka sudah sampai ke tahap begitu serius. Pada masa yang sama Tuan Lim Kit Siang membawa isu baru untuk mengelirukan pandangan penyokong ahli-ahli DAP iaitu Malaysian Malaysia yang kedua.

Kita tahu Malaysian Malaysia ini adalah satu gagasan bahaya. Mereka perlu sedar, asas perlembagaan negara kita yang mana telah dibuat pengorbanan yang cukup banyak oleh bumiputera oleh negara ini – orang-orang Melayu, untuk memberi hak kerakyataan kepada orang-orang bukan Melayu suatu pengurbanan yang tidak harus dilupa. Kalau gagasan Malaysian Malaysia hendak dijalankan yang akan memberi hak sama rata kepada semua golongan rakyat yang mana memang Kerajaan Barisan Nasional pada masa sekarang ini pun kita tidak pernah menafikan hak masing-masing. Kerajaan tidak pernah merampas hak kekayaan rakyat yang bukan bumiputera untuk hendak membantu bumiputera, kita tidak pernah buat semacam itu. Malah kalau ada

syarikat-syarikat bumiputera yang dapat projek pun kita biarkan mereka bekerjasama dengan syarikat bukan bumiputera untuk melaksanakan projek itu.

Jadi, dakwaan Tuan Lim Kit Siang, Malaysian Malaysia ini yang menuntut hak sama rata di antara rakyat adalah satu gagasan yang boleh menjerumuskan rakyat negara ini bergaduh menimbulkan peristiwa seperti 13 Mei. Kita perlu ingat 13 Mei – tarikh keramat baru sahaja berlalu. Dalam sejarah 13 Mei 1969 banyak pengorbanan telah berlaku. Kita bukan hendak menakut-nakutkan rakyat, kita bukan hendak menakut-nakutkan hak untuk hendak menuntut keadilan kepada golongan lain semata-mata hendak menunjukkan 13 Mei itu sebagai satu ugutan, tidak. Tetapi peristiwa ini akan berlaku sebab kita telah korbakan kepentingan bumiputera, kita telah beri tolak-ansur, menerima rakyat yang datang atas dasar kemasukan sebagai rakyat, pada hal kalau kita kaji balik syarat-syarat untuk memohon sebagai rakyat itu memang agak ketat tetapi orang-orang bumiputera sendiri meragui sejauh mana pelaksanaan kerajaan menentukan syarat-syarat menjadi warganegara itu dipatuhi. Kita ada semua dan saya minta kerajaan perjelaskan, apakah syarat-syarat seseorang rakyat sama ada cara kemasukan ataupun berkahwin dan sebagainya hendak minta warganegara dan sebelum ia menjadi warganegara Malaysia, apa syarat-syaratnya, kerajaan tolong perjelaskan perkara ini dan sejak selama ini sejauh mana kita patuhi syarat-syarat itu. Kita telah beri, kita kena ingat pribumi tanah ini ialah dulu Persekutuan Tanah Melayu Kita ada Keretapi Tanah Melayu, kita ada ini semua, kita sanggup buang Keretapi Tanah Melayu, Persekutuan Tanah Melayu, kita kekalkan Malaysia semata-mata atas dasar perpaduan Malaysia. Kita sanggup korbakan itu semua.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu adalah jelas DAP telah cuba mewujudkan suatu gagasan yang boleh membayarkan kestabilan perpaduan rakyat negara di negara ini, sekali gus menjejaskan kestabilan politik dan kestabilan keamanan yang mana sekarang ini kita telah mencapai ke satu tahap yang patut kena banggakan. Semua orang mempunyai hak yang sama. Orang-orang bukan bumiputera sekarang ini kalau kita siasat dan selidik, mereka masih menguasai ekonomi negara kita tetapi kita tidak

suruh mendesak kerajaan supaya merampas kekayaan dari bukan bumiputera ini untuk diagihkan kepada bumiputera. Kita tidak pernah buat, kita masih percaya dasar berkongsi kuasa. Walaupun Perdana Menteri orang Melayu, Timbalannya orang Melayu dan pegawai-pegawai lain Melayu tetapi percayalah dunia ini belum kiamat, orang Melayu tidak akan menyalahkan kuasa semata-mata untuk menzalimi rakyat lain yang bersama-sama membangunkan negara ini. Ini suatu jaminan. Bukan jaminan daripada saya sebagai seorang Senator, tetapi saya percaya penuh Kerajaan Barisan Nasional akan terus mengamalkan, lagipun apalah salahnya dunia ini tempat sementara yang diberikan oleh Allah *s.w.t* kepada seluruh umatnya tidak ambil kira sama ada umat Islam atau bukan Islam untuk terus hidup berpadu, bekerjasama 'share' apa sedikit, besok, bila sampai Hari Kiamat waktu itu baru, dikira ikut ini. Itu fahaman agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak menyebut lagi berkenaan dengan NST juga, saya terbaca pada 14 Mei ada satu kenyataan yang berbunyi "*support for demonstration at illegal rallies*" ini dalam *New Straits Times* dan saya buat potongan ini ada di sini saya hendak baca dengan izin, Tuan Yang di-Pertua:

'Thursday - A gathering was held at the Bar Council Auditorium to support demonstrators being charged in connection with unlawful assemblies. It was organised by former ISA detainee Abdul Malek Husin and attended by various opposition party leaders. Among those present were Parti KeADILan Nasional President, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail; Vise President, Chua Tian Chang, committee member, Shaifuddin Nasution Ismail; Parti Rakyat Malaysia Secretary General, Dr. Sanusi Othman and PAS Youth Deputy Chief, Mahfuz Omar. The demonstrators are accused of having disobeyed police orders to disperse from unlawful assemblies.'

Tuan Yang di-Pertua, kenyataan ini adalah jelas menunjukkan pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang bersepakat dengan NGO dan sebagainya sanggup melanggar undang-undang membuat perhimpunan haram. Berkali-kali kita

mengatakan kalau perhimpunan itu haram, tidak dibenarkan oleh undang-undang, kerajaan tidak boleh diam, kerajaan mesti bertindak. Kita tahu kerajaan hendak mengambil pendekatan yang agak fleksibel dan kita tahu tujuan pemimpin-pemimpin parti pembangkang ini, mereka sengaja hendak menimbulkan keadaan, hendak beri kerajaan ambil tindakan akhirnya, kalau timbul pergaduhan hendak isytihar darurat, kita pun tahu. Tetapi dalam sama-sama tahu janganlah kita terlalu berlembut sampai akhirnya golongan lain pula akan bertindak.

Kita percaya penuh kalau kerajaan ada check and balance, sekurang-kurangnya panggil mereka ini memberitahu dan beri amaran, tindakan tertentu akan diambil dan mengapa tindakan ini tidak boleh diambil sebab tuan-tuan dan puan-puan ini telah membuat suatu perhimpunan haram yang melanggar undang-undang. Jadi, mereka boleh buat perhimpunan tetapi dengan syarat minta kebenaran dengan cara halal. Kita tahu kerajaan melalui polis telah banyak bertolak-ansur, banyak tindakan yang dibuat oleh polis ini kita patut ucap tahniah kepada pihak polis. Saya percaya penuh kalau tidak kerana kebijaksanaan kerajaan dan pihak polis kita sudah terjerumus jadi seperti di Indonesia. Di Indonesia, apabila mice group, dengan izin, kumpulan ramai yang terdiri daripada orang-orang muda ini datang berkumpul, tunjuk perasaan, memang bukan satu perkara yang senang untuk mengawal. Orang muda yang penuh dengan emosi, bertindak liar. Kita boleh tengok dalam TV sendiri, dia ambil batu-baling, teranjang cermin sampai pecah, ambil tindakan yang cukup agresif terhadap polis dan lepas itu mendakwa polis tidak adil dan sebagainya.

Saya lihat dalam sejarah, kalau polis kita memang betul-betul mengambil tindakan semacam Indonesia dan sebagainya sudah tentu keadaan sudah menjadi lebih teruk. Tetapi kita ucap, syabas. Oleh sebab itu, kita minta pihak kerajaan janganlah abaikan kebajikan pihak polis. Saya pernah tengok dalam televisyen, dahulu saya sudah bercakap, seorang polis trafik yang dilanggar oleh pihak tertentu, motosikal dan sebagainya selepas itu terpaksa masuk hospital, sekarang ini lumpuh. Keadaannya sangat daif. Selepas itu, beberapa orang polis ditembak oleh perompak tetapi apa response orang ramai termasuk parti pembangkang dan NGO. Tidak langsung orang

ini menyuarakan simpati dengan pihak polis. Ini pendekatan yang wujud sekarang ini. Ini harus diberi perhatian oleh kerajaan. Sepatutnya melalui badan-badan, parti-parti, orang awam patut bersimpati dengan polis, patut kita buat tabung, kutip derma bagi sumbangan tetapi tidak ada. Seolah-olah polis bertanggungjawab untuk jaga keamanan dan bila mereka tangkap atas kesalahan polis pula disalahkan. Perkembangan seperti ini harus dilihat oleh pihak kerajaan sesuatu perlu dilakukan. Kita perlu memberi pembelaan, kita memang akui bukan semua polis yang ramai itu buat kerja betul, memang ada yang jadi black sheep, dengan izin, kita akui malah kita di antara wakil rakyat, Yang Berhormat ini pun bukan semua tetapi secara kebetulan jadi Yang Berhormat dilantik sebagai Ahli Dewan Negara maka penghormatan atas jawatan itu wujud tetapi tidak semestinya sifat-sifat yang ada itu cukup sempurna. Inilah sebagai manusia biasa tentu ada kelemahan. Tetapi janganlah kelemahan yang sedikit itu untuk hendak menentukan institusi itu tidak berfungsi tidak bermanfaat, kita harus perbaiki. Buang yang keruh ambil yang jernih. Ambil benda yang baik untuk menjadikan panduan dan yang tidak baik itu dijadikan sempadan.

[Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin *mempengerusikan mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau Tuan Yang di-Pertua benarkan bercakap, memang panjang lagilah, sampai sebelah petang pun ada lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Saya rasa kita mesti memberi peluang kepada orang lain pula bercakap. Kalau panjang sangat nanti Yang Berhormat seorang sahaja yang bercakap.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Ya itu sebab saya minta bercakap awal tadi. Lain kali saya minta bercakap dahululah, Tuan Yang di-Pertua. Kita dok bimbang, takut tiada orang bercakap, sebab itu saya beri peluang. Bila sudah ada yang hendak bercakap takut panjang sangat pula. Jadi dalam delima, 'tarik pihak kepala nampak kaki, bubuh kaki nampak kepala. Jadi kain itu tidak cukup.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya sangat-sangat bersyukur kerana keadaan negara kita masih lagi tenteram dan aman. Saya ingin quote balik

dalam NST yang saya bawa potongan ini berkenaan dengan “*transform our farmers to be better managers.*” Ini adalah satu perkara yang berkait dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, transform our farmers to be better managers dan kita tahu sekarang ini kerajaan memberi penekanan kepada “*good corporate governance and greater public awareness*” pun di dalam *The New Straits Times*. Saya baca dan saya tengok semua ini ada relevan.

Tuan Yang di-Pertua apa yang kita minta sekarang ini golongan yang menerima tekanan kesan daripada kegawatan ekonomi adalah golongan yang berpendapatan rendah termasuklah petani, nelayan, pekebun kecil, buruh-buruh termasuk buruh di estet itu seperti kawan saya kata. Kita hendak bela semua rakyat. Rakyat yang susah, walaupun dia India, Cina, kaum Orang Asli dan sebagainya kita mesti akui sebagai golongan yang berpendapatan rendah.

Inilah keadilan yang sebenar di dalam Kerajaan Barisan Nasional, bukan keadilan macam Parti KeADILan yang hendak beri adil kepada Anwar. Adil kepada Anwar dan Wan Azizah, maka adil untuk semua, tidak adil kepada mereka, maka tidak adil sampai berterusan. Ini bukan keadilan namanya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat sekarang ini kerajaan menggubal dasar, pelbagai dasar, selepas satu dasar, selepas itu buat dasar. Kita tidak boleh menyalahkan keadaan itu. Sekurang-kurangnya kalau kita sudah kenal pasti, sebab itu dibuat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh supaya kita tahu di mana kelemahan kita. Tanpa membuat kajian semula kita tidak tahu sejauh mana kita capai, apa kelemahannya. Sebab itulah dengan sekali gus, apabila Dr. Mahathir dengan Tun Daim panggil semua DO buat perjumpaan, baru kita tahu kata ada peruntukan yang belum dibelanja. Enam kementerian tidak belanja langsung, 16 kementerian belanja separuh sedikit sahaja dan kita sudah kenal pasti di mana letaknya, katanya ada peraturan birokrasi yang menjadi penghalang. Ada pihak – takkanlah hendak tunggu sampai waktu orang panggil macam itu baru hendak beritahu.

Sepatutnya ketua-ketua di agensi ini, di jabatan-jabatan ini pada masa mesyuarat dari semasa ke semasa Mesyuarat Kabinet patut dedah, expose, kita

mengamalkan kerajaan yang telus, pentadbiran yang telus. Jangan jadikan birokrasi, prosedur yang ada itu sebagai alasan untuk tidak meneruskan pembangunan, untuk tidak meneruskan pengeluaran kewangan. Yang silapnya sekarang ini kita tidak flexible, sedangkan di dalam General Orders, dengan izin, peraturan kerajaan pun ia beri flexibility kepada ketua jabatan, kepada menteri untuk hendak pertimbangkan cara mana, matlamatnya hendak belanja peruntukan yang diluluskan supaya pembangunan dapat diteruskan. Ini penting.

Jadi, bila dasar diubah, dasar baru digubal. Ini bukan suatu kesilapan, ini adalah suatu pembetulan, suatu proses reformasi. Yang ini reformasi yang sebenar, reformasi untuk rakyat. Sebenarnya reformasi telah lama berlalu, telah lama berlaku. Kerajaan kita sudah banyak buat reformasi, bukan reformasi apabila mari Dato' Seri Anwar kena ambil tindakan. Hak itu reformasi yang kosong, reformasi yang gimik yang semata-mata digunakan untuk kepentingan politik golongan tertentu. Tetapi kerajaan telah melalui banyak reformasi dan reformasi ini cukup berkesan. Kajian semula ini adalah sebahagian daripada reformasi untuk mengenal pasti di mana kelemahan, golongan mana yang paling teruk sekali merasai.

Saya berbalik kepada seruan tadi supaya farmers, transform our farmers to be better managers. Saya katakan tadi golongan-golongan ini merupakan golongan-golongan yang mungkin menjadi mangsa akibat daripada kegawatan ekonomi. Oleh sebab itu, seperti Kementerian Perusahaan Utama sebut tadi, bantuan, cadangan, subsidi dan sebagainya akan dikeluarkan. Begitu juga Kementerian Pembangunan Usahawan, ada banyak tabung, TIK, TUK, TEKUN dan sebagainya banyak lagi tabung. Selepas itu Amanah Ikhtiar, ini kita setuju diadakan tetapi kalau banyak tabung pelaksanaannya itu tidak diberi pemantauan yang rapi, tidak dilihat di bawah siapa golongan yang dapat, bagaimana cara mereka ini dapat, apa yang mereka buat, apa usaha-usaha hendak tolong, bantu mereka, maka tabung tinggal tabung, duit dibelanja habis, selepas itu manfaatnya mungkin gagal.

Ini yang perlu dilihat, oleh sebab itu jangan keluar yang nampak ini, kita berbalik kepada apa yang disarankan iaitu good corporate governance. Berbalik

kepada ini, kita perlu faham message ini dan dalam sektor pertanian dan sebagainya kita kena beri penekanan kepada konsep ini. Sebab itu kita tidak boleh mengatakan dasar penswastaaan itu merugikan rakyat, sebenarnya yang silapnya, orang yang kita beri tanggungjawab untuk mengambil alih syarikat itu yang buat untuk kepentingan dia dengan clique kumpulan dia. Yang silapnya bukan dasar tetapi sekurang-kurangnya dasar penswastaaan itu banyak meringankan beban kerajaan dan sebahagian besar daripada pertumbuhan ekonomi kita yang berlaku secara global, yang orang lain semua boleh tumpang rasa sekarang ini kerana dasar penswastaaan.

Sekarang ini kita beri penekanan kepada good corporate governance. Oleh sebab itu kerajaan perlu melaksanakan dasar penswastaaan dalam sektor pertanian, baik RISDA, baik pekebun kecil dia kena buat swasta, macam FELDA, FELCRA sudah ada satu agensi. Tetapi pekebun-pekebun kecil ini yang ada kebun-kebun bertaburan yang secara tidak langsung diberi bantuan oleh RISDA yang diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Selepas itu Kementerian Perusahaan Utama pula kadang-kadang ia tidak boleh sentuh dan sebagainya. Ini yang menyebabkan jadi keliru, oleh sebab itu perlu diwujudkan satu agensi, badan swasta yang akan menguruskan terus bantuan kepada pekebun-pekebun kecil ini termasuk petani. Seperti nelayan ada LKIM, persatuan nelayan dan sebagainya, petani-petani ia ada Lembaga Pertubuhan Peladang (PPK) tetapi pekebun-pekebun kecil yang ada ladang-ladang minta bantuan semula ini mereka diurus sambil lewa, tidak begitu tersusun. Oleh sebab itu golongan ini mesti dilibatkan di dalam suatu badan korporat yang diswastakan, macam mana disarankan oleh Menteri Besar Perlis supaya pengurusan pesawah-pesawah juga diswastakan, agensi sudah ada, BERNAS dan sebagainya, kita guna yang ada.

Saya amat tidak bersetuju dengan LKIM ini diswastakan. Kita jangan fikirkan pihak-pihak yang hendak dapat kepentingan. Fahaman kita ini anti-establishment, kita kena fikir secara terbuka. Habis sangat dok fikir, kalau buat LKIM, siapa hendak dapat? Dia dok baca yang itu. Fahaman lama itu masih ada, 'penyakit Ph.D' di kalangan orang kita itu masih kekal. Apa yang sempit begitu, kita harus lihat dalam

bentuk jurus yang lebih luas. Manfaat yang boleh diperolehi dengan lebih berkesan lagi, itu yang harus. Kalau ditadbirkan – sebab itu sekarang ini kita beri penekanan kepada pengawasan, pengurusan, pentadbiran syarikat swasta macam Tenaga Nasional, Telekom.

Sebut pasal Tenaga Nasional ini, secara kebetulan, Tenaga Nasional itu diberi kepada Dr. Ahmad Tajuddin, dia orang Perlis, saya tidak kira, Perliskah, Kedahkah, asalkan orang itu layak dan boleh jalankan dasar yang baik, boleh memberi manfaat kepada semua orang, saya tidak kisah. Tetapi yang malangnya, secara kebetulan Dr. Ahmad Tajuddin ini, orang yang bersimpati dengan parti pembangkang, parti PAS. Adiknya sendiri di Perlis terlibat dan dia beri banyak kontrak ini kepada orang yang sokong pembangkang dan saya dapat maklumat juga, di Kelantan dia sediakan peruntukan untuk adakan majlis oleh kerajaan PAS ini di tempat-tempat itu dan diberi sumbangan. Begitu juga Telekom. Telekom ini saya tidak tahulah, orang dalam itu berapa orang yang masuk ke dalam parti pembangkang, sebab di Kedah sekarang bendera-bendera PAS semua diletakkan di atas tiang telefon. Mereka berhak, mengarahkan parti pembangkang ini suruh turunkan, ini hak Telekom.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Yang Berhormat, saya Ph.D dengan masa ya. Jadi oleh itu saya beri satu minit untuk menggulung sekarang ini, sebab masa sudah hampir pukul 1.00 tengah hari.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua,

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Jadi kalau Yang Berhormat hendak balik ke Perlis pukul 5.00 petang, tidak dapat sambung pukul 2.30 petang nanti.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Pukul tiga petang ini. Bolehkah saya sambung selepas ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ingat sudah tidak boleh, kena gulung sekarang ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Kalau tidak boleh, saya hendak kena sudahkan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya kesuntukan masa, saya hendak sentuh berkenaan dengan kedudukan Mesyuarat Parlimen ini, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Saya memang sediakan perkara-perkara ini semua. Yang pertama sekali, saya berharap pihak kerajaan memikirkan semula peruntukan yang diberikan kepada Ahli Dewan Negara, daripada satu penggal RM100 ribu itu, naiklah sedikit, sekurang-kurangnya satu penggal RM300 ribu. *[Tepuk]* Duit ini bukan kita gunakan untuk peribadi, kita akan bantu kerajaan. Setakat ini kalau kerajaan hendak minta laporan balik, apa peruntukan yang kita buat, kita boleh beri. Semuanya kita tolong bantu, kita beri kepada badan-badan yang buat semua kerja kebajikan. Oleh sebab itu, minta kerajaan pertimbangkan supaya peruntukan Ahli Dewan Negara

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: *[Bangun]*

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Jangan ganggulah, masa sudah hendak habis. Ini ada lagi.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Saya hendak betulkan sedikit, bukan kita bantu kerajaan sahaja. Sebenarnya kita membantu rakyat yang sangat memerlukan bantuan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Bantu kerajaan itu bantu rakyatlah, rakyat hendak bantu kerajaan juga. Kerajaan dipilih oleh rakyat, bantu kerajaan bantu rakyat sebab tidak boleh kata bantu Ahli Dewan Negara. Jadi mintalah tambah.

Kemudian saya hendak sebutkan kembali berkenaan dengan kehadiran. Dahulu cukup efisien, cukup bagus, Dewan Rakyat dan Dewan Negara suatu masa dahulu dibuat sebelah petang sahaja. Cukup eloklah, menteri boleh jalankan tugas di kementerian, orang lain pun boleh pergi buat kerja, pegawai pun tidak payah 'melangut' di sini daripada pagi sampai ke petang. Saya ucapkan terima kasih kepada pegawai yang hadir ini, cukup bagus tetapi saya kadang-kadang minta maaf, Datuk Haji Ibrahim bin Ali baguslah, kadang-kadang menteri, timbalan menteri pun tidak ada, tinggal kami bercakap dengan pegawai-pegawai kerajaan. Sebab itu

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Perkataan 'melangut' itu makna apa?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: ‘Melangut’ – tunggu dengan keadaan seolah-olah ‘buah tidak luruh’.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ada atau tidak perkataan lain yang boleh digunakan?

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Itu terpulang kepada masing-masinglah. Apabila saya sebut itu, dia tafsir.

Saya ucapkan tahniah kepada pegawai yang begitu tabah tunggu sampai ini – tetapi kadang-kadang menteri, timbalan menteri, setiausaha parlimen, ada kalanya tidak ada langsung. Sebab itulah kalau dok harap apa yang depa catat sahaja, tidak tunggu dengar sendiri, mungkin apa yang saya cakapkan ini dia ambil hak yang negatif sahaja. Hak positif banyak, dia tidak mendengar. Bila tidak mendengar, jawab apa yang pegawai tulis, lainlah ceritanya daripada kita dengar sendiri.

Oleh sebab itu, ini satu ingatan kepada kerajaan, janganlah anggap Dewan Negara ini sebagai tempat ‘rubber stamp’, tidak payah hadir, pakai pegawai. Hadirlah, kalau hendak ada, undang-undang ada dan kita minta supaya kita ubah semula persidangan ini, ia mula pukul 2.00 petang sampai pukul 8.00 malam.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: *[Bangun]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Ini saya beri kebenaran laluan sebabnya

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, masa sudah lebih. Terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Terima kasih, Yang Berhormat kerana mengingatkan saya. Saya nampak

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Ini hendak beri habis.

Saya hendak tunjuk balik, NST buat catat kehadiran. Dia buat keadaan Dewan Rakyat sebab Dewan Negara tidak habis lagi. Saya ada angka, daripada jam ke jam, daripada tarikh sekian ke sekian. Tetapi saya buat satu rumusan. Daripada tarikh 12

haribulan sampai 15 April – empat hari; 19 hingga 22 April – empat hari; 27 hingga 29 April – tiga hari; 3 hingga 6 Mei – empat hari; 10 Mei – sehari. Campur semuanya 16 hari. 16 hari ini kehadiran purata mengikut masa, 10.45 pagi kehadiran hanya 67.9% - ini Dewan Rakyat. Daripada 191 orang itu 67.9%, kalau ikut peratus 35.5%. Pukul 2.30 petang, ini saya ambil angka yang dicatat, kehadiran 28.5%, mengikut peratusnya 14.9% dan pada pukul 5.00 petang pula, kehadirannya 19% iaitu peratusnya 10%. Ini Dewan Rakyat, bukan Dewan Negara.

Ini menunjukkan kalau perkara-perkara macam ini berlaku, ada sesuatu yang tidak kena. Oleh sebab itu, tidak usahlah kita buat satu peraturan yang kita nampak kelemahannya, akhirnya ia berbalik kepada keberkesanan. Buat Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh dan sebagainya, bentang Rang Undang-undang dan sebagainya, cakap itu, cakap ini, pada hal di Parlimen, Dewan yang mulia ini berlaku perkara-perkara yang semacam ini. Oleh sebab itu, saya mencadangkan diubah semula waktu persidangan, mula pukul 2.00 petang hingga 8.00 malam, sama juga enam jam, tidak kurang. Kami sanggup datang pukul 2.00 petang tunggu sampai pukul 6.00, insya-Allah, kalau orang lain tidak sanggup, saya akan sanggup tunggu selagi saya dilantik.

Dengan kata-kata itu, saya menyokong cadangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat dan Timbalan Perdana Menteri di Dewan Negara. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail yang telah memberikan ucapan yang begitu bernas tetapi disebabkan kesuntukan masa, saya tidak boleh membenarkan untuk meneruskan lagi sebab sekarang ini sudah masuk waktu rehat. Oleh itu kalau Yang Berhormat hendak berucap lagi, kita ada masa lagi dalam masa Perbekalan Tambahan. Yang Berhormat boleh bercakap lagi lain kali, apa-apa hal yang patut disentuh.

Saya hendak tahu, siapa yang hendak bercakap lagi selepas ini?

Beberapa Ahli: *[Mengangkat Tangan]*

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Selepas waktu rehat 2.30 petang, saya menjemput namanya ada disebut di sini. Oleh itu bersedialah, Yang Berhormat Datuk Christine Vanhouten, bersedia untuk bercakap dengan kebenaran Tuan Yang di-Pertua yang akan menggantikan saya nanti.

Dengan ini, saya tangguhkan mesyuarat Dewan ini kepada pukul 2.30 petang ini.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.05 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, siapa yang bercakap tadi. Ya, sila.
2.32 ptg.

Datuk Christine Vanhouten: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian membahas usul yang disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan disokong oleh Menteri

Kerja Raya pada 11 Mei di Dewan yang mulia ini. Ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh adalah satu pandangan yang sangat memberi harapan yang tinggi dan positif kepada kita semua. Memanglah kajian ini memberi kita kenangan kepada tempoh yang sukar kepada ekonomi negara kita.

Dalam masa kajian ini negara menghadapi pelbagai rintangan akibat daripada krisis ekonomi pada tahun 1997 dan 1998. Walau bagaimanapun dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin negara khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dengan langkah-langkah luar biasa yang diambil yang telah memulihkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sahabat saya Yang Berhormat Senator Tuan Janggu Anak Banyang dari Sarawak berkata, Sarawak jauh daripada Semenanjung Malaysia, tetapi saya cakap, Sabah lagi lebih jauh. Kapal terbang hanya mengambil satu setengah jam dari Kuala Lumpur ke Kuching tetapi kapal terbang mengambil dua setengah jam daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu. Oleh kerana kedua-dua negeri ini sangat jauh daripada pusat, saya turutlah dengan Yang Berhormat Senator Tuan Janggu untuk merayu agar Kuala Lumpur memberi perhatian yang lebih serius lagi kepada pembangunan Sabah dan Sarawak. Geographically, dengan izin, Sabah dan Sarawak jauh tetapi historically, dengan izin, Sabah dan Sarawak adalah rakan kongsi ataupun partner dengan Persekutuan Tanah Melayu (Malaya) untuk pembentukan Malaysia. Sabah dan Sarawak mencapai kemerdekaan melalui formation of the Malaysian nation, dengan izin.. Sabah dan Sarawak sudah merdeka selama 36 tahun melalui Malaysia. Namun demikian, perbezaan pembangunan dalam beberapa aspek di antara Semenanjung Malaysia dan dua negeri di Malaysia Timur ini sangat ketara sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh kajian semula ini kita telah mendapati ketrampilan kemajuan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di Semenanjung Malaysia. Faktor utama yang menyumbangkan kepada kemajuan ini ialah pelbagai jenis bantuan yang disediakan oleh kerajaan dan sektor swasta. Saya

mengucapkan syabas kepada kerajaan atas beberapa kejayaan yang telah dicapai terutama sekali di beberapa tempat di Semenanjung Malaysia. Kejayaan program-program seperti program pembangunan vendor, program pembangunan francais, venture capital anjuran PUNB, program berpakej dan skim kilang bimbingan masih boleh dipertingkatkan khususnya dengan memperluaskan lagi skim-skim berkenaan secara terancang ke negeri-negeri yang jauh daripada Lembah Klang seperti Sabah dan Sarawak.

Dalam program vendor, para usahawan daripada Sabah begitu sukar untuk mendapat penglibatan ini. Ini disebabkan Sabah tidak mempunyai syarikat-syarikat induk yang besar untuk melaksanakan program vendor. Dalam konteks ini penyertaan usahawan bumiputera di Sabah hanya akan tercapai sekiranya mereka sanggup berhijrah ke Semenanjung Malaysia. Bagi usahawan yang tidak mampu sudah tentu hasrat ini akan terbengkalai begitu sahaja. Oleh itu saya merasakan kerajaan harus memerlukan syarikat-syarikat induk ini sama ada oleh kerajaan mahupun swasta untuk memperluaskan kegiatan-kegiatan pelaburan mereka ke Sabah ataupun Sarawak.

Dalam hal ini tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera di Sabah masih lagi jauh di belakang. Mereka sangat perlu diberi penumpuan oleh kementerian-kementerian yang berkenaan khususnya Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Oleh itu dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, saya mohon mencadangkan supaya satu perancangan khas dalam soal pembinaan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera diadakan untuk Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini juga saya ingin sentuh lagi satu perkara yang menjadi masalah bagi kami di Sabah. Ini ialah mengenai dengan kelambatan mendapat maklumat-maklumat tentang kewujudan program-program anjuran kementerian-kementerian Persekutuan. Kadang-kadang apabila kita terima maklumat peruntukan untuk program berkenaan sudah habis, terlalu kerap usahawan Sabah kempunan dengan program-program tertentu terutama sekali peruntukan yang disediakan. Oleh itu tanpa program atau peruntukan khusus untuk Sabah adalah amat

mencabar bagi usahawan di Sabah untuk dapat manfaat daripada program-program yang dirancang oleh kerajaan untuk pembinaan masyarakat MPPB.

Melihat kepada hakikat ini, saya menyarankan kepada Kerajaan Persekutuan agar memperluaskan lagi program-program MPPB ke Sabah dengan lebih cepat dan agresif lagi. Untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan program ini ke Sabah, Kerajaan Persekutuan perlulah bekerjasama dengan kementerian-kementerian di Sabah dan berganding bahu dengan Dewan-dewan Perniagaan yang sedia ada di negeri itu. Kerjasama ini dapat meliputi penyebaran dan juga penyampaian maklumat secara terkini melalui radio, TV, risalah-risalah, seminar, forum dan juga media massa.

Tuan Yang di-Pertua, langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membasmi kemiskinan khususnya di negeri-negeri yang mempunyai kadar kemiskinan yang tinggi seperti Sabah, Kelantan dan Sarawak adalah amat dialu-alukan. Pemberian peruntukan untuk membina atau membaik pulih rumah-rumah golongan termiskin melalui program PPRT adalah satu program yang baik untuk sasarannya. Langkah-langkah tersebut sedikit-sebanyak telah menyumbangkan kepada penurunan kadar kemiskinan di kawasan yang terlibat. Niat kerajaan untuk memperluaskan dan memperkukuhkan lagi perkhidmatan dan kemudahan asas kepada isi rumah yang terjejas untuk mengurangkan kesan negatif kelembapan ekonomi ke atas golongan miskin adalah satu usaha yang baik oleh kerajaan yang prihatin kepada masyarakat yang sangat kekurangan.

Dalam usaha kerajaan untuk memperbaiki ketidakseimbangan etnik dalam pemilikan ekuiti di sektor korporat, saya harap lebih ramai lagi bumiputera daripada Sabah dan Sarawak dapat dilibatkan. Selain daripada itu usaha membasmi kemiskinan haruslah dipertingkatkan lagi terutama program-program yang lebih mapan atau sustainable, dengan izin. Untuk itu saya mohon mencadang supaya kegiatan-kegiatan Amanah Ikhtiar Malaysia dan Yayasan Usaha Maju diperluaskan lagi di seluruh daerah di Sabah terutama sekali di kawasan luar bandar. Kerajaan juga perlu menjalankan pemantauan ke atas taraf hidup semua keluarga termiskin yang sudah pun dikenal

pasti. Janganlah pula program PPRT tersalah sasarannya, yang bukan keluarga termiskin pula yang dapat.

Permintaan untuk rangkaian jalan raya di negeri Sabah adalah semakin meningkat dan mendesak. Kemudahan jalan raya yang lebih baik adalah penting untuk mempertingkatkan lagi kegiatan ekonomi rakyat jelata. Jalan raya adalah merupakan satu bentuk perhubungan yang sangat penting dalam proses membawa pembangunan. Sabah adalah negeri yang luas, negeri yang mempunyai muka buminya yang berbukit-bukau dan bergunung-ganang. Dengan keadaan geografi yang sedemikian perlulah kerajaan faham akan kos pembinaan jalan raya di Sabah adalah begitu tinggi.

Oleh itu, saya sarankan bahawa peruntukan untuk pembinaan jalan raya di Sabah haruslah ditambahkan lagi. Isu jalan raya untuk dinaik taraf atau diaspal adalah juga agenda utama pembangunan di negeri ini. Kerajaan Persekutuan telah memperakui bahawa jalan utama yang menghubungkan Tamparuli dan Ranau adalah di antara jalan raya yang sering mengalami kerosakan akibat tanah runtuh. Saya memohon kepada Kementerian Kerja Raya supaya membuat kajian terperinci keperluan jalan raya-jalan raya di Sabah termasuklah jalan-jalan yang menghubungkan kampung-kampung terpencil di seluruh daerah.

Sehubungan dengan hal ini, saya juga turut sama dengan rakan saya Yang Berhormat Datuk Haji Sairin dan Yang Berhormat Tuan Janggu untuk meminta Kementerian Kerja Raya mempercepatkan pembinaan Jalan Raya Pan-Borneo yang akan menghubungkan Sarawak dan Sabah secara direct.

Tuan Yang di-Pertua, hasrat kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan juga amat dialu-alukan. Mudah-mudahan pembinaan lebih banyak universiti sama ada dimiliki oleh kerajaan ataupun swasta dapat memenuhi hasrat tersebut. Namun demikian, kerajaan harus mempertahankan kualiti pendidikan di negara ini. Dalam soal ini sistem francais pendidikan yang kian berleluasa perlu pemantauan yang rapi dan berterusan. Kita tidak ingin melihat anak-anak kita, nama

sahaja berkelulusan universiti tetapi tahap keilmuan dan ketrampilannya masih pada tahap sekolah menengah.

Dalam konteks ini, sistem mengurangkan masa pembelajaran di universiti daripada empat ke tiga tahun perlu dikaji dengan rapi. Kerajaan harus mengkaji apakah kesan terhadap langkah tersebut dalam semua aspek pendidikan serta pembangunan sahsiah mahasiswa. Di samping mempertingkatkan lagi pendidikan tinggi di Malaysia kerajaan juga harus meneliti serta mengkaji tentang pembinaan sekolah-sekolah rendah di kawasan terpencil di luar bandar.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pendidikan Sabah terutama sekali Menterinya dan Pengarah Jabatan Pendidikan Sabah atas kejayaan mereka melahirkan pencapaian cemerlang dalam peperiksaan SPM dan STPM pada tahun lepas. Mudah-mudahan pihak kementerian dan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah akan dapat terus meningkatkan tahap pendidikan di Sabah di sepanjang rancangan Malaysia ini terutama sekali pembangunan pendidikan di kawasan luar bandar. Sebagai contoh, kita tidak mahu lagi mendengar cerita seperti masyarakat Sonsogon di Sabah, di mana bangunan sekolah terpaksa dibina oleh badan sukarela dan sekolah di bawah kolong rumah atau sekolah yang ditempatkan di kandang kambing dan sebagainya.

Dalam hal ini jabatan pendidikan negeri harus proaktif untuk memperbaiki keadaan. Oleh itu, saya memohon mencadangkan supaya semua jabatan pendidikan daerah menjalankan kajian rapi tentang keperluan pembinaan sekolah-sekolah rendah yang baru serta keperluan seperti asrama dan rumah-rumah guru. Jangan menunggu sampai masyarakat setempat memohon pembinaan sekolah di kampung mereka terutama sekali di kawasan terpencil sebab bagaimanakah mereka memohon sedangkan mereka sendiri tidak pandai menulis dan membaca. Kerajaan juga perlulah menaik taraf bangunan-bangunan sekolah yang berada di luar bandar terutama di Sabah.

Ini adalah kerana di sesetengah sekolah tidak lagi dapat menampung pelajar yang ada. Pertambahan pelajar ini juga telah mengakibatkan asrama-asrama yang sedia ada tidak mencukupi. Oleh itu saya memohon mencadangkan supaya kementerian berkenaan membuat kajian yang rapi dan tindakan susulan terhadap perkara ini. Keputusan Menteri Pendidikan memperkenalkan bahasa Kadazandusun sebagai satu kertas peperiksaan mata pelajaran elektif di peringkat SPM adalah satu usaha yang murni bagi menaikkan lagi martabat bahasa ibunda di negara ini.

Walau bagaimanapun usaha ini perlu menepati beberapa lagi kriteria penting yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan termasuklah kewujudan istilah-istilah yang diperlukan. Untuk mengatasi masalah ini satu projek penyelidikan untuk mengkaji dan mencari terminologi ini akan dijalankan. Projek ini memerlukan peruntukan kewangan daripada kerajaan. Dalam rangka usaha ini, latihan guru-guru bahasa Kadazandusun harus dimulakan di Maktab Pengurusan Gaya seperti mana yang telah diluluskan oleh Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak.

Oleh yang demikian, saya memohon jasa dan pertimbangan daripada kerajaan agar memberi peruntukan khas untuk membiayai projek penyelidikan ini. Walaupun perkara ini tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, saya berharap dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ini, cadangan ini dapat dipertimbangkan dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan.

Seperti mana yang kita sedia maklum, Tuan Yang di-Pertua, tahun hadapan adalah tahun Malaysia memasuki alaf baru. Seiringi dengan itu teknologi maklumat (IT) dan multimedia merupakan antara perubahan dan perkembangan besar negara ke arah meningkatkan kecekapan produktiviti dan daya saing ekonomi negara ini. Kemajuan pesat IT termasuklah penggunaan Internet yang mana dianggarkan pengguna Internet di Malaysia akan meningkat lebih dua juta orang pada tahun hadapan dan perkembangan ini sudah tentu akan memperluaskan penyebaran dan pendedahan

maklumat kepada masyarakat di negara ini semakin meluas dan cepat. Tidak dapat dinafikan, perkembangan pesat ini berlaku sehingga di tahap yang mana kerajaan tidak lagi mampu menyekat maklumat-maklumat yang disiarkan sama ada maklumat yang benar mahu pun palsu.

Secara tidak langsung penyebaran maklumat ini juga telah menyalurkan pelbagai unsur yang tidak sihat dan tidak bermoral kepada pengguna Internet. Malahan Internet telah pun digunakan secara berleluasa untuk memburuk-burukkan orang lain. Saya khuatir budaya benci dan budaya memburuk-burukkan orang lain sudah mencapai tahap yang amat menakutkan. Budaya menghormati orang lain semakin menurun dan yang paling menyayatkan hati ialah para pengguna Internet dengan senang mendapatkan gambar-gambar serta bahan-bahan lucah. Saya amat takut terhadap apakah akan terjadi kepada generasi yang akan datang sebab mereka kian terdedah dengan bahan-bahan yang tidak bermoral. Perkembangan yang mendadak ini sedikit sebanyak telah dan akan meningkatkan masalah gejala sosial di negara ini. Gejala ini merebak sehinggalah penagihan najis dadah yang seterusnya mengakibatkan pelbagai lagi aktiviti tidak bermoral dan kian berleluasa.

Kebimbangan ini adalah amat dirasakan oleh pihak ibu bapa yang mempunyai anak-anak yang sedang meningkat dewasa. Pada pendapat saya, hanya nilai-nilai murni, adat resam dan nilai-nilai murni kerohanian sejagat yang mampu menjadi benteng penangkis pengaruh buruk yang disebarkan oleh media massa yang tidak bertanggungjawab itu. Oleh yang demikian, saya memohon mencadangkan kepada kerajaan untuk mempertimbangkan agar semua agama di negara ini dapat diajar di sekolah-sekolah. Selain daripada pendidikan agama rasmi Islam yang sedia ada, agama-agama bukan rasmi ini hanya boleh diajarkan kepada penganut-penganut agama masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah baru sahaja melalui satu pilihan raya yang membuktikan kepada rakyat bahawa Barisan Nasional adalah kerajaan pilihan orang-

orang Sabah. Di sini saya juga turut sama dengan Yang Berhormat Datuk Haji Sairin untuk menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang turun ke Sabah untuk membantu kami dalam pilihan raya yang baru lalu.

Walau bagaimanapun, saya ingin menyentuh satu perkara yang digunakan oleh parti pembangkang untuk memburuk-burukkan Kerajaan Pusat. Ini adalah mengenai pengundi-pengundi hantu dalam senarai pemilih di Sabah. Sudah ramai pemimpin politik dan juga pemimpin masyarakat yang telah bercakap tentang dakwaan adanya pengundi hantu dalam senarai pemilih di Sabah.

Laporan polis yang telah juga dibuat oleh Mantan Ketua Menteri Sabah Yang Berhormat Dato' Yong Teck Lee terhadap sebuah buku yang mendakwa adanya pengundi yang tidak dikenali tersenarai dalam daftar pemilih. Namun setakat ini rakyat masih lagi tertanya-tanya apakah pihak berkuasa sudah mengambil tindakan untuk menyasat tentang perkara ini. Baru-baru ini sebuah akhbar tempatan Sabah melaporkan seorang pegawai SPR di Kota Kinabalu mengakui bahawa beberapa dakwaan yang dinyatakan dalam sebuah '*buku I.C. palsu merampas hak asasi anak Sabah*' adalah benar. Kita tidak tahu sama ada pengakuan ini sebahagian daripada hasil penyiasatan polis atau SPR terhadap buku tersebut.

Dalam kesempatan ini saya mohon kepada kementerian dan pihak berkuasa yang berkenaan supaya mengambil tindakan yang sewajarnya tentang perkara ini. Sebenarnya saya tidak faham kenapa pihak Suruhanjaya Pilihanraya tidak boleh menyemak kewujudan satu nama pengundi yang boleh mengundi di lebih daripada dua tempat mengundi. Dalam era teknologi maklumat ini tentu sekali pihak SPR boleh membuat program komputer yang sesuai untuk memastikan bahawa seseorang pengundi hanya boleh mengundi di satu tempat sahaja. Tuduhan-tuduhan pihak parti pembangkang yang mendakwa kononnya kemenangan Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Negeri Sabah baru-baru ini adalah disebabkan oleh undi-undi hantu perlu disiasat dengan terperinci. Penyiasatan dan penjelasan kepada hal ini oleh pihak-pihak yang berkenaan adalah amat perlu demi memelihara imej kementerian ataupun

pihak yang bertanggungjawab kepada hal ini. Di samping itu, dengan adanya penjelasan dan tindakan tertentu oleh pihak berkenaan, Kerajaan Persekutuan akan dinampakkan sebagai mengambil tindakan serius kepada hal pengundi-pengundi hantu yang selalu digunakan oleh pihak pembangkang untuk meracuni pemikiran pengundi-pengundi di Sabah terhadap Kerajaan Pusat.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya anggap penting dan harus diberi perhatian yang serius oleh Kerajaan Pusat ialah kehadiran pendatang tanpa izin di Sabah. Kita sedia maklum lebih daripada setengah juta pendatang haram berada di Sabah pada masa ini. Walaupun satu program regularisasi telah diadakan saya percaya banyak lagi pendatang yang masih belum mendaftar. Kehadiran pendatang tanpa izin ini di Sabah semenjak tahun 70-an telah melahirkan satu komuniti di Sabah yang sangat membimbangkan. Keadaan sosial Sabah telah dicemarkan oleh pendatang-pendatang daripada Filipina dan Indonesia. Kebanyakan mereka bukan sahaja datang mencari kerja tetapi mereka telah juga membawa ibu, bapa, mentua, kakak, adik, isteri dan saudara dan saudari yang lain datang dengan mereka ke Sabah.

Pada masa ini jika kita pergi ke bandar-bandar utama di Sabah kita akan kelihatan budak-budak pendatang tanpa izin berlarian di sini sana. Kerja mereka adalah biasa mengorek tong-tong sampah dekat kedai-kedai dan supermarket dan memungut apa sahaja yang ada untuk mereka dan keluarganya. Anak-anak ini adalah di antara umur 6 hingga 12 tahun, dalam keadaan tertentu anak-anak ini sepatutnya berada di sekolah. Bayangkanlah apa akan terjadi dengan budak-budak ini yang tidak bersekolah dan tiada kawalan baik oleh ibu bapa di masa-masa yang akan datang. Saya yakin mereka akan menjadi masalah besar kepada negara kita.

Selain daripada itu, saya juga sangat bimbang dengan kehadiran dan melihat pendatang-pendatang tanpa izin ini menjual rokok, gula-gula dan sebagainya di tepi-tepi kaki lima kedai-kedai di Pekan Kota Kinabalu, Inanam, Menggatal, Keningau dan Tuaran. Apa yang menarik perhatian lagi di sini ialah rokok-rokok yang dijual itu adalah dichop, dengan izin 'Malaysian Duty Not Paid'. Di sini saya mintalah kementerian-kementerian yang berkenaan untuk mengambil tindakan yang serius

terhadap penjual-penjual rokok yang biasanya daripada golongan wanita ataupun budak-budak perempuan. Saya fikir sudah banyak yang telah diperkatakan tentang hal ini dan masa sudah tiba bagi pihak kerajaan untuk membuat sesuatu. Saya tidak ingin melihat undang-undang negara dipersendakan oleh mana-mana pihak. Kedaulatan undang-undang hendaklah dipertahankan dengan apa cara jua pun.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sebuah akhbar harian di Sabah telah menyiarkan satu berita tentang penglibatan seorang wanita dalam ketagihan syabu. Dia telah menyatakan bahawa pengedar syabu yang berasal daripada Filipina itu adalah terdiri daripada pendatang tanpa izin. Wanita itu telah menyatakan bahawa ketagihan syabu sudah mencapai ke tahap paling serius di Majlis Perbandaran Kota Kinabalu dan Majlis Daerah Keningau.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kemenangan Barisan Nasional di Sabah saya yakin pembangunan untuk infrastruktur, kemudahan, sekolah, kolej, universiti, hospital, perindustrian dan sebagainya akan pasti dinikmati oleh rakyat Sabah, dengan izin, is only a matter of time when we will have six lanes dual carriageway in Sabah just like in Kuala Lumpur, tetapi masalah yang menarik perhatian dan membimbangkan rakyat Sabah pada masa ini ialah kehadiran pendatang tanpa izin yang begitu banyak. Sebab itulah saya mohon pihak kerajaan Persekutuan dan semua pihak yang bertanggungjawab supaya mengambil apa juga tindakan yang perlu untuk menyelesaikan banjir pendatang tanpa izin di Sabah. Kerajaan tidak lagi boleh berdiam dan menganggap perkara ini sebagai remeh. Sebaliknya, kita mesti lihat perkara ini sebagai satu isu keselamatan yang boleh menggugat kedaulatan negara. Saya yakin sesungguhnya dan percaya bahawa masih banyak ruang bagi kerajaan untuk berbuat sesuatu tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tentang keluasan sesuatu kawasan pilihan raya di negeri Sabah. Selepas kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya tahun 1993 didapati bahawa kawasan pilihan raya negeri Sabah yang mempunyai lebih 60% pengundi bumiputera bukan Islam telah menurun daripada 18 kerusi kepada hanya 12 kerusi. Manakala

kawasan yang mempunyai lebih 60% pengundi bumiputera Islam sudah meningkat daripada 16 kerusi kepada 27 kerusi. Jika dibuat perbandingan daripada segi keluasan kawasan 12 kerusi yang didominasi pengundi bumiputera bukan Islam dengan 27 kerusi yang didominasi pengundi bumiputera Islam didapati keluasan kawasan 12 kerusi tersebut lebih 10 kali besar berbanding dengan keluasan 27 kerusi bumiputera Islam. Begitu juga jika dibandingkan bilangan perkampungan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada orang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat kerana bagi laluan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat sama ada kepentingan kedudukan kawasan pilihan raya ini untuk matlamat menang pilihan raya ataupun untuk calon yang bertanding.

Datuk Christine Vanhouten : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kedua-dualah.

Tuan Yang di-Pertua: Kedua-dua.

Datuk Christine Vanhouten: Boleh saya teruskan. Begitu juga jika dibandingkan bilangan perkampungan yang terdapat di kawasan 12 kerusi dan 27 kerusi tersebut. Sebagai contoh, kawasan N7 Kedamaian yang mempunyai 80% pengundi bumiputera bukan Islam mempunyai 94 kerusi kampung sedangkan kawasan N8 Usukan hanya mempunyai 40 buah kampung sahaja. Akan tetapi peruntukan-peruntukan yang disalurkan melalui ADUN dan Ahli Parlimen adalah sama rata. Ini bererti bahawa kawasan yang lebih besar dan mempunyai perkampungan yang banyak akan mendapat peruntukan yang tidak seimbang. Keadaan seperti ini akan mengakibatkan pembangunan di kawasan yang luas dan banyak kampung akan lebih lembab dan agak perlahan. Keadaan ini adalah agak menyedihkan sebab kawasan 12 kerusi bukan Islam ini adalah rata-rata berada di kawasan pedalaman yang sungguh dahaga dengan kemudahan infrastruktur fizikal seperti jalan-jalan raya dan kemudahan-kemudahan yang lain. Oleh itu saya mohon supaya peruntukan kerajaan khususnya peruntukan yang disalurkan melalui Ahli-ahli Parlimen ditingkatkan

mengikut kadar bilangan kampung dan keluasan sesuatu kawasan pilihanraya berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong Usul Kajian Separuh Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 11 Mei 1999. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Tan Ek Huat.

3.01 ptg.

Tuan Tan Ek Huat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbincangan meneruskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, bila mulanya Rancangan Malaysia Ketujuh pencapaian pertumbuhan ekonomi kita amat menggalakkan, tetapi malangnya kedudukan ekonomi kita terjejas pada tahun 1998 oleh krisis yang melanda rantau ini mulai pertengahan tahun 1997. Kita amat bersyukur kerana negara kita telah berjaya membendung krisis ini dan perkara-perkara buruk seperti pengangguran yang tinggi, huru hara tidak berlaku di negara kita, walaupun ada pihak-pihak tertentu ingin menghancurkan negara kita tetapi tidak berjaya atas usaha semua pihak terutamanya polis di negara kita.

Negara kita masih kukuh dan stabil dalam politik, rakyat kita masih mempunyai semangat yang tinggi dan masih bersatu padu untuk membantu kerajaan kita menghadapi dan melawan krisis yang berlaku kecuali segelintir penyokong pembangkang sekarang ini masih menganggap negara kita belum pulih daripada krisis ekonomi kita. Kita ucap syabas kepada rakyat kita, kita sudah ada nampak ada tanda-tanda pemulihan ekonomi dengan usaha-usaha MTEN, dengan Pelan Pemulihan

Ekonomi Negara (PPEN). Kita bersyukur kerana MTEN telah ditubuh dengan cepat supaya keadaan ekonomi negara kita tidak bertambah buruk tetapi sudah mula pulih tanpa mengakibatkan setiap masalah sosial seperti yang berlaku di negara-negara jiran kita.

Negara kita telah dikritik kerana tidak mengikut dasar Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) akan tetapi langkah-langkah yang diambil oleh MTEN untuk mencegah penguncupan ekonomi yang berterusan dan memesatkan semula pertumbuhan ekonomi negara sudah berkesan. Langkah-langkah tersebut telah menunjukkan hasil yang positif dan memulihkan keyakinan orang ramai dan pelabur-pelabur asing. Langkah menetapkan pertukaran Ringgit kita iaitu RM3.80 bagi US\$1 pada mulanya telah dibidas oleh banyak pihak termasuk di luar negara dan juga dalam negara tetapi masa kini kita telah membuktikan bahawa ia merupakan satu langkah yang bijak yang dipuji oleh pelbagai pihak.

Di sini saya ingin bertanya kepada kerajaan adakah kerajaan akan mengkaji semula penetapan ini iaitu nilai RM3.80 akan diubah memandangkan rezab antarabangsa negara kita telah meningkat dengan pesat iaitu mencapai RM114.4 bilion. Setelah kita mencapai kejayaan dalam langkah yang kita melaksanakan, saya mencadangkan supaya kita juga mengadakan pameran bergerak bagi meyakinkan pelabur asing mengenai situasi yang sebenar di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, antara teras pembangunan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh diberi kepada memperkukuhkan sains dan teknologi. Bagi meningkatkan daya saingan eksport memerlukan peranan sains dan teknologi yang lebih besar terutamanya dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk membantu menggiatkan semula sektor perindustrian dan juga sektor pertanian. Usaha

teknologi sesebuah negara seringkali diukur dengan membandingkan perbelanjaan ke atas R&D dengan Keluaran Negara Kasar (KNK). Kalau mengikut maklumat yang diberi oleh Lembaga Sains Pendidikan dan Pembangunan Nasional (NCSRD) bandingan perbelanjaan untuk R&D dengan KNK di negara kita amat kecil apabila dibandingkan dengan negara-negara yang lain pada tahun 1996.

Jumlah perbelanjaan negara kita untuk R&D termasuk sektor awam dan juga sektor swasta ialah RM549.1 juta bersamaan dengan 0.22% KNK. Kalau kita tengok negara-negara lain seperti Korea Selatan peratusannya ialah 2.8%, Singapura ialah 1.2%. Mengikut laporan daya saing dunia perbandingan perbelanjaan R&D dengan KNK untuk negara-negara dunia pada tahun 1996 Malaysia hanya duduk di tempat ke-40 di mana Taiwan tempat ke-12, Singapura tempat ke-24.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996, negara kita hanya mempunyai 10,500 orang yang terlibat dalam kerja R&D. Ini adalah bersama dengan 0.05% daripada jumlah penduduk negara kita. Kalau kita tengok di negara-negara lain yang maju iaitu di Amerika Syarikat ini adalah 0.74%, Jepun 0.82% dan Singapura 0.48%.

Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah 10,500 orang yang terlibat dalam kerja R&D ini, kalau kita kaji sektor awam mempunyai 70% daripada jumlah ini, sektor swasta hanya 30%. Penglibatan sektor swasta dalam R&D amat mengecewakan. Ini juga diulang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita pada kelmarin iaitu semasa melancarkan pusat R&D Proton.

Tuan Yang di-Pertua, setahu kita satu daripada faktor utama yang menyebabkan negara kita kekurangan pakar sains ialah anak kita lebih cenderung kepada mata pelajaran aliran sastera. Kita ucapkan syabas kepada Kementerian Pendidikan kerana telah berusaha giat untuk mengubah trend ini iaitu Kementerian Pendidikan telah

meningkatkan peratus tempat masuk ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk pelajar sains sehingga 60%. Di sini saya ingin mencadangkan bahawa Kementerian Pendidikan sekurang-kurangnya memberi tempat masuk kepada aliran sains ke IPTA itu dinaikkan lebih daripada 70% supaya ianya selaras dengan usaha menggalakkan, meningkatkan keupayaan dan kebolehan rakyat tempatan dalam bidang inovasi, saintifik dan teknologi seperti yang tercatat di dalam muka surat 20 dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh muka surat 133 telah menyatakan latihan perguruan akan diperkemaskan dan diperkukuhkan untuk memastikan keperluan tambahan guru dapat dipenuhi dan pada masa yang sama mengelakkan lebihan guru terlatih dalam mata pelajaran tertentu. Apabila kita merujuk kepada peruntukan untuk pendidikan guru, ia telah dipindah dari RM456.8 juta ke RM345.2 juta, telah berkurangan sebanyak RM113.6 juta. Juga baru-baru ini ada beberapa maktab perguruan telah dicadangkan untuk ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebab utama yang mengakibatkan kerajaan mengambil tindakan yang drastik ini. Setahu kita, negara kita masih terdapat kekurangan guru terutamanya dalam mata pelajaran Sains dan Matematik, bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil. Adakah tindakan yang diambil akan memberi kesan negatif kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan bilangan guru dalam jurusan Sains, Matematik, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan kerana telah berusaha dengan begitu giat sekali dalam mempertingkatkan status Pelabuhan Klang yang merupakan pelabuhan utama di negara kita dan saya yakin ia akan juga menjadi pelabuhan utama di rantau ini dengan usaha-usaha kerajaan untuk mempertingkatkan semua kemudahan yang ada. Ini termasuklah peningkatan

keupayaan pelabuhan kepada 90.2 juta tan penyediaan kemudahan dermaga sepanjang 7,994 meter, penambahan sedalam 15.5 meter, 30 crane gantry di dermaga district park, dengan izin, seluas 40.2 hektar dan kemudahan pemunggahan seluas 58,702 meter persegi.

Pergerakan keluar masuk kapal ke Pelabuhan Klang bertambah baik dengan penggunaan prosedur yang lebih mudah. Peningkatan automasi dan pengkomputeran memperbaiki interfacing, dengan izin, pertukaran data elektronik (EDI) serta kemajuan dalam perkhidmatan sokongan.

Pelabuhan darat di Pelabuhan Klang khususnya dibangun berasas kepada konsep cekap dan cepat dengan masa menunggu sifar bagi pemeriksaan kastam dan sebuah dermaga bagi setiap kapal yang berlabuh. Dari segi jumlah kontena, pengendalian di Pelabuhan Klang meningkat daripada 1.1 juta TEU pada tahun 1995 kepada 1.8 juta TEU pada tahun 1998.

Prestasi Pelabuhan Klang juga menunjukkan kemajuan menyeluruh dari segi kadar purata pengendalian kontena setiap jam kapal iaitu peningkatan daripada 27.4 kontena pada tahun 1995 kepada 40.9 kontena pada tahun 1998. Masa turn around kapal kontena pula dikurangkan daripada 17.1 jam pada tahun 1995 kepada 12.5 jam pada tahun 1998.

Pada empat bulan pertama tahun ini kadar pengendalian kargo Pelabuhan Klang meningkat 40.7% iaitu mencapai 734,493 unit berbanding dengan 521,907 unit dalam tempoh yang sama pada tahun 1998. Pada masa yang sama jumlah kargo penghantaran juga meningkat 148.2% iaitu daripada 108,984 TEU kepada 270,488 TEU.

Dengan ini jelas prestasi pelabuhan semakin meningkat terutamanya dalam pengendalian kargo penghantaran atau transshipment TEU. Ini adalah satu bukti komitmen kerajaan dalam usaha melaksanakan sesuatu projek iaitu yang memberi satu perkhidmatan yang cukup mengagumkan di mana telah dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu mempertingkatkan pembangunan sektor perkhidmatan.

Dengan itu, saya turut sama menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ramai lagi yang hendak bercakap ya? Silakan Yang Berhormat Dato' V.K.K. Teagarajan. Selepas ini Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, selepas itu Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Malek, semua ada peluang bercakap. Sila teruskan.

3.15 ptg.

Dato' V.K.K. Teagarajan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Izinkan saya untuk membahaskan serba sedikit isu-isu yang berikut dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, bulan Julai 1997 telah mencatatkan sejarah yang menyedihkan dari prospektif krisis kewangan rantau Asia Timur. Disebabkan krisis kewangan ini, penggubalan Rancangan Malaysia Ketujuh telah terjejas.

Walau bagaimanapun, pemimpin-pemimpin dari negara kita telah berusaha bertungkus lumus dan pada 7 Januari 1998 penubuhan Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah menampakkan penggubalan suatu rang atau pelan pemulihan ekonomi negara dalam jangka masa enam bulan dan enam belas hari iaitu pada 23 Julai 1998.

Saya telah diberitahu bahawa para ahli kehormat dari Majlis Tindakan Ekonomi Negara sedang mengadakan perjumpaan setiap hari demi penggubalan langkah-langkah positif bagi negara untuk menangani kegawatan ekonomi ini. Pada saat ini saya ingin mengucapkan syabas kepada mereka.

Justeru itu, saya menyokong sepenuhnya akan usaha-usaha kerajaan untuk merangsangkan pertumbuhan ekonomi negara, walaupun sasaran sebenar R&D untuk mencatatkan keluaran dalam negara kasar adalah 8% setahun, malapetaka keruntuhan ekonomi telah mengubahkan sasaran negara untuk mewujudkan pertumbuhan ekonomi negara sebanyak 3% menjelang tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah berani kerajaan dan buah fikiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang disanjung untuk menetapkan nilai mata wang ringgit dan menstabilkan exchange control, dengan izin, telah memberi peluang untuk para pelabur dalam negeri mahupun luar negara meraih keuntungan daripada pelaburan masing-masing.

Selaras dengan usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan keadaan ekonomi ini, saya sebagai Naib Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia ingin menyuarakan akan peranan yang dimainkan oleh Dewan Perniagaan ini. Dewan Perniagaan dan Perindustrian dari sesebuah negara akan mewakili negara tersebut dan menyediakan laluan bagi peningkatan pelaburan asing mahupun dalam negeri.

Penglibatan Dewan Perniagaan ini dapat serba sedikit memikul beban kerajaan melalui peningkatan keupayaan industri kecil dan sederhana, tetapi malangnya kerajaan hanya membantu dan mempercepatkan penglibatan yang lebih luas IKS

dalam pasaran eksport melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) dan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana.

Manakala sehingga hari ini Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia hanya berfungsi melalui sumbangan daripada para ahli Dewan Perniagaan tersebut sahaja. Lagi pun disebabkan rangsangan dari kerajaan tidak begitu ketara, peranan kami jika dibandingkan dengan Dewan Perniagaan luar negara telah kian merosot.

Justeru itu, saya berpendapat bahawa jika kerajaan dapat menghulurkan serba sedikit bantuan, misalnya dari segi pengecualian cukai bagi Dewan Perniagaan serta meluluskan sedikit bantuan tahunan di mana ini akan menggalakkan penglibatan yang lebih serius oleh Dewan Perniagaan dan Perindustrian. Secara tidak langsung ini akan membawa lebih manfaat kepada negara mahupun rakyat jelata.

Pada masa yang sama, ingin saya menghulurkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu atas hasil usaha gigihnya untuk menyatupadukan kontraktor bumiputera dengan kontraktor India.

Yang Berhormat Menteri Kerja Raya telah mengatur beberapa delegasi dari India dan berjaya mendapatkan kontrak-kontrak pembinaan jalan raya bertaraf antarabangsa di dalam negeri mahu pun luar negara. Di sini saya berharap kefahaman serta kepercayaan di antara kaum bumiputera dan bukan bumiputera dapat dikekalkan buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kadar kemalangan dan kematian di jalan raya semakin meningkat di negara kita. Setiap hari kita membaca atau mendengar berita tentang kemalangan jalan raya melalui media massa. Pada pendapat saya terdapat beberapa langkah yang dapat diambil bagi mengurangkan kejadian kemalangan jalan raya. Salah satu langkah positif ialah dengan mengadakan kempen keselamatan jalan

raya pada sepanjang tahun mahu pun setiap bulan, bukannya hanya pada musim-musim perayaan seperti mana yang sedang berlaku sehingga kini. Justeru itu, para pengguna jalan raya harus dididik agar mengutamakan keselamatan diri dan orang lain sepanjang masa demi mengurangkan kadar kematian di jalan raya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh akan saranan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya beberapa hari yang lalu menyatakan bahawa taraf sesuatu jalan raya boleh ditingkatkan ke taraf antarabangsa seperti Lebuhraya Utara-Selatan tetapi fikiran manusia tidak dapat diubah. Lagipun analisis, statistik menunjukkan bahawa hampir 90% kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh sikap para pemandu sendiri.

Justeru itu, saya berpendapat bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan harus berganding bahu dengan Kementerian Pendidikan untuk menyemaikan nilai-nilai serta sifat-sifat murni kepada para pelajar semenjak dari bangku sekolah lagi. Mungkin ia boleh merupakan sebahagian daripada kokurikulum ataupun dimasukkan ke dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menyokong cadangan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya di mana pihak-pihak berkenaan seperti JPJ dan Polis Diraja Malaysia harus mengadakan kursus-kursus kesedaran kepada para pemandu kenderaan serta mengadakan operasi lalu lintas terutamanya pada musim perayaan mahu pun setiap hujung minggu. Keputusan Kabinet beberapa hari yang lalu untuk menyaman para operator pengangkutan sebanyak RM150,000 jika pekerja mereka didapati bersalah memandu secara membabi-buta adalah setimpal dengan kadar kemalangan di negara kita. Di sini, saya ingin memberitahu Kementerian Pengangkutan bahawa 'road bullies' dengan izin, para pemandu samseng atau membuli pemandu yang tidak bersalah harus dielakkan daripada masyarakat kita. Saya ingin mencadangkan hukuman rotan kepada para pemandu yang didapati bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, isu berikutan yang ingin saya hujahkan adalah berkaitan dengan memupukkan kesedaran sivik di kalangan para belia serta mengukuhkan kepercayaan kepada Perlembagaan dan perundangan negara. Sejak kebelakangan ini kita semua telah menyaksikan pergolakan keharmonian oleh segelintir masyarakat di negara ini yang ingin memecah-belahkan perpaduan kaum dan kestabilan politik. Porak-peranda mereka selama ini telah menonjolkan kepentingan nilai-nilai moral yang baik di kalangan para remaja atau belia. Justeru itu, saya berpendapat bahawasanya masalah ini harus diberi perhatian yang serius di mana penyelesaian hanya dapat termakbul dalam jangka masa panjang. Kementerian Pendidikan harus mewajibkan mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah-sekolah rendah mahu pun menengah.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah-sekolah kerajaan juga harus diwajibkan untuk mengadakan kempen-kempen, yang berkaitan dengan pemupukan akhlak yang baik serta mengadakan ceramah-ceramah bertemakan ajaran agama dan meningkatkan kegiatan-kegiatan kokurikulum. Segala usaha-usaha ini sudah tentu akan mengambil masa yang panjang tetapi hasilnya akan memudahkan usaha untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan prihatin. Faedah yang kita inginkan bersama daripada hasil usaha Kementerian Pendidikan melalui program Pendidikan Moral bukan sahaja untuk menyatu-padukan rakyat jelata yang berbilang bangsa, agama dan budaya tetapi juga untuk anak-anak bangsa menghormati serta mempercayai kepada dasar-dasar kerajaan.

Sejak 42 tahun negara kita mencapai kemerdekaan dan hasil usaha serta titik peluh para pentadbir serta pemimpin negara selama ini tidak seharusnya dipertikaikan sebegini oleh para belia yang tidak hiraukan langsung akan akibat daripada demonstrasi mereka ke atas citra negara serta pemimpin yang disanjung Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, disebabkan negara ini didiami oleh pelbagai kaum, kerajaan telah memberi kebenaran kepada kaum-kaum tersebut untuk mengamalkan kepercayaan agama masing-masing. Malangnya, sejak kebelakangan ini ajaran agama selain daripada ajaran agama Islam di sekolah-sekolah rendah mahu pun menengah telah merosot. Keadaan sedemikian telah menyebabkan nilai-nilai moral serta pembentukan mental yang menentukan perangai seseorang belia amat terancam.

Masalah ini merupakan satu penyakit masyarakat yang akan berpanjangan kerana para belia ini akan menerajui negara kita pada masa hadapan. Justeru itu, saya cadangkan kerajaan supaya menjadikan mata pelajaran Bahasa Tamil wajib diambil oleh pelajar-pelajar India pada peringkat PTS, UPSR, PMR, SPM atau STPM mahupun di peringkat universiti. Keadaan yang sama dapat diwujudkan bagi bahasa Cina untuk pelajar-pelajar Cina. Sebenarnya ilham cadangan saya datang daripada keberkesanan pengajaran bahasa Arab kepada pelajar-pelajar Melayu di sekolah-sekolah rendah dan menengah. Saya mendapati bahawa pelajar-pelajar yang diberi ilmu atau ajaran agama Islam amat bersopan santun dan membanggakan negara. Lagipun kes-kes gangsterism di kalangan pelajar-pelajar Melayu adalah amat kurang atau boleh dikatakan tidak ada langsung. Justeru itu, saya berharap kerajaan akan mengamalkan sistem ajaran agama masing-masing secara wajib di sekolah-sekolah kebangsaan serta di semua peringkat peperiksaan.

Tuan Yang di-Pertua, sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil biasanya menerima bantuan separuh daripada pihak kerajaan memandangkan situasi dan keadaan sekolah-sekolah Tamil yang serba kekurangan. Saya berpendapat bahawa jika kerajaan dapat menghulurkan bantuan penuh seperti mana sekolah-sekolah kebangsaan menerima, sistem pembelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah Tamil ini dapat diselaraskan dengan lebih mantap lagi. Lagipun telah menjadi tanggungjawab ***kerajaan untuk menentukan tahap pendidikan serta mewujudkan***

masyarakat yang berilmu selaras dengan Wawasan 2020. Justeru itu, saya berharap semoga kerajaan dapat meningkatkan infrastruktur dan mutu pengajaran di

sekolah-sekolah rendah mahupun menengah, tidak kira sekolah kebangsaan atau jenis kebangsaan sebelum mencatatkan hasrat untuk menjadi pusat pendidikan di Asia Tenggara.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berikutnya adalah tentang nasib pekerja-pekerja ladang estet. Di sini saya ingin menyokong cadangan dari Yang Berhormat Tuan S. Parasuraman bahawa kerajaan seharusnya menggubal satu sistem gaji bulanan bagi para pekerja ladang-ladang estet. Jika dibandingkan taraf kehidupan pekerja-pekerja ladang estet dengan penduduk bandar mahupun luar bandar, saya dapat membuat kesimpulan bahawa segelintir masyarakat yang tinggal di ladang-ladang estet telah terabai daripada segala pembangunan negara. Keluaran Dalam Negara Kasar dalam sektor pertanian, perhutanan, ternakan dan perikan bagi tahun 1998 ialah RM16,133 juta iaitu lebih kurang 2.8% daripada jumlah KDNK. Ini meletakkan sektor pertanian sebagai sumber pendapatan negara yang ketiga penting. Justeru itu, saya berpendapat bahawa tidaklah begitu sukar untuk kerajaan memperuntukkan sedikit bantuan dalam bentuk gaji bulanan seperti mana estet-estet dalam naungan NLFCS Berhad telah diizinkan dengan sistem gaji bulanan. Saya berharap estet-estet dalam naungan PNB juga turut serta dan menyokong akan sistem tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, jika pendapatan mereka tetap, pendidikan anak-anak mereka tidak akan terjejas lalu ini akan memberi peluang bagi anak-anak muda dari estet menyumbangkan jasa mereka kepada negara. Sebaliknya, seperti mana yang sudah diketahui ramai dan tidak dapat dinafikan gangsterism di kalangan belia India telah meningkat ke tahap yang membimbangkan. Gangster-gangster yang paling ganas pada tahun 90-an seperti Kalimuthu, bukan Marimuthu [*Ketawa*] serta rakan-rakannya bolehlah disamakan dengan rangkaian-rangkaian mafia seperti mana di negara-negara Barat. Justeru itu, saya berpendapat bahawa jika kerajaan dapat mengiktirafkan sistem gaji bulanan kepada pekerja-pekerja berkenaan, di mana melalui sistem gaji ini kerajaan dapat mengutamakan keperluan asas, ataupun basic needs, dengan izin, iaitu makanan yang mencukupi, pakaian serta pendidikan yang membentuk minda yang cergas dan jujur. Ini sebaliknya dapat mengurangkan masalah-

masalah moral, gangsterism, penculikan, rompakan serta pembunuhan di kalangan belia India dapat dikurangkan atau dikawal sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan situasi negara yang terkongkong dengan kegawatan ekonomi yang tidak munasabah ini, saya berpendapat bahawa negara kita memerlukan pengaliran masuk nilai-nilai mata wang negara asing. Sekian lama jika kita mengatakan tentang pelancongan, secara terus menerus kita akan membayangkan orang-orang Barat mengunjungi negara kita. Ini merupakan anggapan yang sungguh salah disebabkan penguasaan berita daripada CNN, BBC, CNBC dan sebagainya di negara-negara Barat yang sering memaparkan negara Malaysia sebagai negara dalam keadaan kucar-kacir, senario politik yang tidak stabil, persekitaran udara yang kotor dengan jerebu (haze), kekurangan air bersih untuk minuman mahupun kegunaan harian, ketiadaan hak-hak asasi manusia (human rights) dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, jika kita hanya menumpukan perhatian kita kepada negara-negara Barat dalam hal-hal pelancongan, maka saya berani membuat kesimpulan bahawa usaha kita tentu akan gagal dalam meningkatkan pengaliran mata wang asing menerusi industri pelancongan. Sebaliknya saya cadangkan bahawa kita harus pandang ke Timur, Look East Policy, dengan izin, di mana negara-negara Timur seperti Jepun, Korea, China, India, Australia, New Zealand dan sebagainya merupakan negara yang berpotensi tinggi sebagai pengunjung serta mereka tidak begitu terpengaruh dengan cerita-cerita dongeng orang-orang Barat tentang negara kita. Statistik menunjukkan bahawa lebih kurang 71.5% pelancong dari Asia mengunjungi negara kita setiap tahun manakala para pelancong dari United Kingdom dan Australia terdiri daripada 2.6% dan 2.1% masing-masing tetapi malangnya pendapatan negara menerusi industri pelancongan mulai tahun 1997 telah merosot sehingga hari ini iaitu pada tahun 1998 kita hanya memperolehi RM9,334 juta berbanding dengan RM11,251 juta pada tahun 1996.

Justeru itu saya cadangkan semoga kerajaan menumpukan perhatian sepenuhnya kepada negara-negara ASEAN serta Middle East, dengan izin, lagipun

peransangan ke atas industri pelancongan dapat menolong meningkatkan penginapan di hotel-hotel serta penjualan makanan di restoran-restoran tempatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi sebaliknya kalau tidak silap saya di negara India hanya terdapat satu ataupun dua kaunter pelancongan sahaja. Banyakkanlah potensi pelancongan yang terdapat di negara-negara sebesar China dan India. Statistik menunjukkan lebih kurang 300 juta penduduk di India berada di tahap kelas pertengahan jika dibandingkan dengan negara United Kingdom yang mempunyai lebih kurang 40 juta penduduk sahaja yang berada di tahap itu. Justeru itu, saya berpendapat bahawa kerajaan harus meningkatkan bilangan kaunter penerangan pelancongan di negara-negara Asia dan tumpuan diberikan kepada negara-negara yang menyokong Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya akan saranan Tuan N. Marimuthu bahawa hak milik modal saham semenjak lebih kurang 30 tahun bagi golongan minoriti terutama kaum India telah tetap sebanyak 1.5%. Keadaan ini menunjukkan kaum minoriti ini telah terpinggir daripada segala rancangan Malaysia yang lalu.

Justeru itu saya berpendapat bahawa kerajaan seharusnya menyediakan kemudahan atau peruntukan lesen-lesen bagi kaum minoriti ini untuk turut serta dalam kerajaan Malaysia. Pada masa yang sama saranan kerajaan agar rakyat menyediakan keperluan makanan secara sendirian memang digalakkan. Tetapi malangnya pengagihan tanah-tanah untuk tujuan ini amat perlahan. Justeru itu saya mencadangkan agar kerajaan mempercepatkan peruntukan tanah sementara ini kepada mereka yang ingin mewujudkan hasil tanaman secara sendirian mahu pun kepada rakyat tempatan. Sekali lagi perhatian juga harus diberikan kepada kaum minoriti untuk turut serta dalam pengagihan tanah-tanah pertanian. Walau bagaimanapun saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan atas usaha kerajaan membeli susu getah secara terus menerus dari peladang-peladang kecil. Perkhidmatan daripada kerajaan

ini dapat mengurangkan beban mereka serta memperolehi pendapatan yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap kerajaan dapat meningkatkan penyertaan kaum minoriti dalam segala penswastaaan kerajaan di mana saya cadangkan sebanyak 5% diketepikan bagi menampung keperluan kaum minoriti. Tuan Yang di-Pertua, saya suka cadangkan seorang menteri dilantik untuk menjaga kepentingan golongan minoriti dan juga golongan miskin di tanah air kita. Dengan cara ini segala keperluan dan faedah dapat disalurkan kepada golongan-golongan minoriti secara berkesan melalui kementerian berkenaan.

Berikutan masalah golongan minoriti saya juga ingin memohon kerajaan supaya meningkatkan keberkesanan ke atas pinjaman dari bank-bank. Kita sudah biasa mendengar bahawa duit di bank-bank kita sudah meningkat dan sedia menghulurkan pinjaman kepada projek-projek kerajaan mahupun persendirian. Tetapi bank-bank ini lebih mementingkan jaminan atau guarantor, dengan izin daripada projek-projek yang dibentangkan. Keadaan sedemikian merumitkan para peminjam memperolehi pinjaman yang dikehendaki. Saya berharap kerajaan dapat mengambil tindakan-tindakan yang wajar ke atas bank-bank berkenaan menerusi perundangan Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana kita semua ketahui para belia inilah yang akan menjadi pemimpin masa akan datang. Malangnya jika ramai belia kita ketagihan dadah sudah tentulah para pemimpin yang akan datang menghadapi pelbagai masalah sosial. Penyalahgunaan dadah menjadi salah satu masalah sosial utama di negara kita. Justeru itu penyalahgunaan dadah dianggap sebagai musuh nombor satu di negara kita. Statistik menunjukkan bahawa sebanyak 37,588 penagih dadah diberkas pada tahun 1998 sahaja. Dari angka ini kes-kes baru adalah sebanyak 21,073 manakala yang bakinya sebanyak 16,515 penagih adalah kes-kes berulang setelah keluar daripada pusat serenti dan sebagainya.

Semenjak satu dekad inilah kali pertama kes-kes baru telah melebihi kes-kes berulang. Banyak usaha telah dijalankan bagi mengatasi ancaman najis dadah. Tapi malangnya usaha-usaha setakat ini masih kurang berkesan. Untuk memastikan ancaman ini tidak berpanjangan saya berpendapat beberapa langkah konkrit lain dapat dijalankan. Umpamanya undang-undang di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Merbahaya mesti dipandang serius. Sesiapa yang disabitkan kesalahan kerana mengedar dadah harus dikenakan hukuman yang setimpal dengan jenayah mereka. Selain daripada itu agensi-agensi kerajaan yang bertanggungjawab harus menjalankan operasi berkas untuk memberkas penagih secara bersungguh-sungguh dari masa ke semasa. Kaum guru juga dapat memainkan peranan yang penting dalam pembentukan pemikiran waras para pelajar. Guru-guru juga boleh membantu mewujudkan satu masyarakat yang sihat dengan menggalakkan pelajar menceburi bidang sukan. Melalui cara ini waktu senang pelajar dapat diisi dengan aktiviti-aktiviti yang berguna.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi langkah yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran para ibu bapa dan bahayanya ancaman najis dadah adalah dengan mewajibkan keluarga penagih membayar sebahagian daripada kos rawatan dan pemulihan di pusat serenti. Dengan cara ini ibu bapa dan keluarga akan lebih berhati-hati terhadap kebajikan anak-anak mereka. Justeru itu masyarakat secara..

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang minta laluan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat Pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat setuju sekiranya penagih-penagih hardcore yang peringkat permulaan ini dengan penagih-penagih yang akan sampai ke peringkat yang kedua, ketiga dan keempat, hampir dibebaskan diasingkan. Sekarang ini di pusat serenti mereka ditempatkan di satu tempat. Kita berpendapat masalah yang timbul rusuhan dan sebagainya sebab kita sekaligus. Kalau sekali pengawasannya susah, hardcore diletak di peringkat macam penjara supaya pegawai penjara dan polis jaga, peringkat yang kedua kita letakkan di tempat yang

agak lebih ketat tapi ada relaks dan peringkat yang hampir boleh dilepaskan letakkan di tempat yang kita adakan kilang supaya mereka boleh bekerja dan sale supported, dengan izin.

Dato' V.K.K. Teagarajan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat. Sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong sepenuhnya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh, sekian terima kasih.

3.48 ptg.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk saya mengambil bahagian bagi menyokong Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam salah satu mukadimah berkenaan Usul ini kita dapati keperluan untuk rakyat Malaysia berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil, bersatu padu, maju, berdaya saing, serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi selaras dengan cita-cita untuk menjadi sebuah negara yang maju menjelang tahun 2020. Kalau kita perhatikan setelah kita mencapai kemerdekaan 40 tahun lepas kita dapati dasar-dasar kerajaan yang bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama hinggalah kini Rancangan Malaysia Ketujuh hanya menumpukan terutama sekali dari segi pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial dan ianya dapat dibuat berasaskan kepada wujudnya satu sistem politik yang mantap yang dapat menggabungkan kerjasama yang harmonis antara kaum-kaum di negara kita ini. Kerajaan Perikatan pada tahun 1957 dan selepas itu Barisan Nasional semuanya mencerminkan pengwujudan satu kaedah politik yang memangnya tidak dapat dijumpai di mana-mana negara kerana sebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia di mana wujudnya kerajaan Barisan Nasional yang boleh menentukan dasar-dasar yang mengambil kira semua keperluan kaum yang berbilang kaum ini disatukan

menerusi Rancangan Malaysia-Rancangan Malaysia sehingga Rancangan Malaysia Ketujuh.

Di sini kita dapati terutama sekali anjakan paradigma yang dibawa oleh Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir memang jelas sekali melonjakkan pembangunan ekonomi sebelum ianya dijejaskan oleh krisis di rantau ini. Kita dapati ekonomi negara kita membangun sebelum Julai 1997, pukul rata 8% dan dengan peningkatan pembangunan ekonomi 8% setahun, insya Allah, matlamat untuk mencapai tahap negara maju pada tahun 2020 kita akan dapat capai. Tetapi setelah kita dilanda oleh keadaan kegawatan ekonomi yang teruk di rantau ini, kita terpaksa membuat pertimbangan baru, pendekatan baru dan formula baru bagi menentukan pencapaian yang sama, dapat juga kita buat apabila menjelang 2020 di mana kita memerlukan Rancangan Malaysia Kelapan, Sembilan, Sepuluh dan Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir begitu terselah sehinggakan wujud anjakan paradigma bertubi-tubi diterima oleh negara kita dan diterima oleh, boleh dikatakan setiap negara membangun dan juga negara-negara maju. Kalau kita lihat pada satu ketika di mana apabila Dato Seri Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita cuba mengasingkan negara kita daripada dilanda oleh spekulator mata wang seperti Soros dan sebagainya, kita buat satu kawalan mata wang dengan menentukan semua Ringgit kita tidak dapat didagangkan di peringkat antarabangsa dan selepas itu kita tentukan, tutupnya CLOB iaitu pasaran saham di luar Bursa Saham Kuala Lumpur yang beroperasi di Singapura, kita tentukan wang ringgit kita tidak dapat didagangkan dan di bawa keluar. Maka kita dapati semua boleh katakan negara-negara maju tidak bersetuju dengan cara kita, merupakan satu cara yang begitu backwards, dengan izin, kebelakangan, yang begitu orthodox, cara lama tetapi kini kita dapati semua orang bersetuju bahawa apa yang Dr. Mahathir buat merupakan cara yang boleh menentukan kita dapat mencapai semula pembangunan ekonomi yang menguncup 6.7% dahulu kini meningkat kepada 1% dan insya Allah pada tahun ini mungkin meningkat kepada 2%.

Di sinilah letaknya kewibawaan kepimpinan. Sebab itulah bila kita soalkan kenapa kerajaan PAS di negeri Kelantan misalnya, setelah menerajui kerajaan selama dua penggal, masih lagi tidak dapat mengatasi masalah-masalah kemiskinan sungguhpun Kelantan mempunyai banyak khazanah kekayaan termasuklah hutan belantara dilojing di mana telah pun ditebang sehingga 8,000 ekar. Kemiskinan masih lagi menular di Kelantan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Tan Sri kerana beri laluan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa semalam melalui TV dan hari ini melalui akhbar, ada beberapa orang pemandu-pemandu lori menunjuk perasaan kerana tidak bersetuju dengan satu syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri Kelantan kerana memberi peluang kepada pemilik-pemilik lori luar dan kroni-kroni orang-orang yang berkuasa sahaja di Kelantan itu?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya semalam tidak tengok televisyen kerana tugas-tugas lain. Jadi, walau bagaimanapun ini sebenarnya menunjukkan kepimpinan kerajaan di Kelantan sendiri. Setelah diberi mandat untuk menerajui kerajaan di Kelantan dengan satu matlamat, meningkatkan pembangunan ekonomi rakyat Kelantan, membasmi kemiskinan pun dilanda oleh kroni-kroni, saya pun merasa hairan juga kerana mereka semestinya menumpukan perhatian pembangunan kepada setiap lapisan masyarakat. Tetapi sekarang ini kita dapati banyak rakyat Kelantan berhijrah ke Pulau Pinang dan Perlis terutama di Pulau Pinang untuk menyertai pekerja-pekerja kilang di sana kerana kilang tidak banyak di negeri Kelantan.

Jadi, soalnya sekarang politikkah ataupun kepimpinan yang diperlukan. Soalnya kita bukan hendak masuk politik untuk mencari kuasa tanpa ciri-ciri kepimpinan yang boleh kita gunakan seperti yang digunakan oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir, 18 tahun kita tengok, bagaimana falsafah penswastaan sejak tahun 1983 lagi telah pun memberikan satu dimensi yang amat kuat kepada BSKL kita.

Saya difahamkan, Tuan Yang di-Pertua, Bursa Saham Kuala Lumpur, dengan adanya penswastaaan telah pun meningkatkan dari segi saham-saham yang boleh dilabur dan mereka telah menyumbang 29.3% daripada saham-saham dan kebanyakan pelabur-pelabur antarabangsa hanya datang ke Malaysia dengan wujudnya syarikat-syarikat gergasi seperti Telekom, Tenaga dan banyak lagi syarikat-syarikat yang diswastakan, yang boleh menampung dana kewangan pelabur antarabangsa.

Kalau kita ada syarikat-syarikat kecil sahaja dengan modal yang dibayar RM80 juta, RM100 juta sekali gus dia boleh masuk ke dalam Bursa Saham Kuala Lumpur dan meranapkan keadaan perdagangan di negara kita ini.

Dato' Haji Mohd. Zuki b. Kamaluddin: Saya hendak minta penjelasan berkenaan dengan CLOB ada sebut tadi. Saya sedang memandang Yang Berhormat Haji Abu Bakar sebab kapal terbang dia pukul 5.00 tetapi dia masih ada di sini lagi, semasa dia berucap tadi.

Jadi, CLOB ini Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, kalaulah saham-saham CLOB ini dibeli oleh Akhbar Khan sepertimana yang dinyatakan ataupun lain-lain syarikat ataupun Dato' Aziz sendiri, kemudian dia masukkan dalam saham CDS kita, adakah RM10 bilion ini akan menjejaskan BSKL, kenaikan saham kita, kalau dibeli, dimasukkan dengan serta merta, tidak dengan cara ansur-ansur?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya pula yang kena jawab. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kedudukan CLOB ini patut diselesaikan dengan secepat mungkin kerana ia mencerminkan keyakinan pelabur-pelabur antarabangsa dan juga pelabur-pelabur Singapura ini. Pelabur-pelabur Singapura ini ramai yang hendak melabur di negara kita ini.

Jadi, kalau ada satu pendekatan tidak kiralah sama ada Akhbar Khan, effective capital atau mana-mana pihak yang boleh menentukan saham-saham yang kini beku, tidak boleh diperdagangkan, 25 syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur terlibat dan mereka ini 170,000 pelabur-pelabur di Singapura ini mempunyai lebih kurang 25 buah syarikat boleh mengawasi syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, kalau kita bawa balik menerusi dana kewangan kita sendiri, RM10

bilion ini boleh membesar dan mencergaskan lagi perdagangan saham-saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Kita berasa bangga kerana, kalau Yang Berhormat Dato' Zuki masih ingat Tuan Yang di-Pertua, pada satu ketika mata indeks Bursa Saham Kuala Lumpur menjunam sampai 263 mata dan dalam masa sekarang ini kita tengok, hari kelmarin 766.27 mata. Jadi, ini menunjukkan tahap pencapaian Bursa Saham Kuala Lumpur bagi mencerminkan keyakinan pelabur-pelabur amat terserlah sekali. Ianya lebih-lebih lagi terserlah kerana sungguhpun kita mempunyai kawalan modal, jangka pendek hendak masuk ke negara kita tetapi ini semuanya orang sudah tidak perduli lagi kerana penarafan antarabangsa sudah pun mengatakan kita sekarang ini sudah stabil, bukan lagi negatif. Tidak lama lagi saya difahamkan indeks Morgan akan mengambil indeks daripada BSKL untuk disenaraikan balik dan ini lebih menyakinkan lagi pelabur-pelabur antarabangsa, dana-dana kewangan antarabangsa untuk mencurahkan keyakinan mereka menerusi perdagangan saham-saham kita di Kuala Lumpur.

Jadi, program penswastan amatlah baik sekali, bukan sahaja ianya mencetuskan kegiatan yang lebih teransang dari segi Bursa Saham Kuala Lumpur di mana mereka menyumbang 29.3% tetapi ianya menarik banyak perhatian daripada pelabur-pelabur antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih penting daripada itu ialah kita hendak menentukan supaya, mohon izin, corporate governance yang dianuti oleh syarikat-syarikat yang berdaftar di Bursa Saham Kuala Lumpur ini terpaksa dijaga dengan baik. Kita takut dan bimbang kalau tidak wujud ketelusan pengurusan syarikat-syarikat, kalau ianya tidak wujud sistem pemantauan supaya syarikat-syarikat ini mematuhi, kita percaya pelabur-pelabur asing dan juga dalam negeri akan kehilangan dan terhakisnya keyakinan akan tidak lagi melabur di dalam syarikat-syarikat kita.

Di dalam konteks ini, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada suruhanjaya.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya hendak pilih balik dengan izin, sebab Dato' Aziz sebut corporate governance fasal itu ada penyelewengan yang berlaku oleh orang-orang yang diberi tanggungjawab dalam syarikat-syarikat swasta ini misalnya Petronas kita dapati ada

pegawai-pegawai di pihak atasan, dia sendiri ubah logo itu. *[Ketawa]* Logo daripada latar belakang putih dengan warna hijau di tengah-tengah dia tukar latar belakang hijau dan warna putih di tengah-tengah. Ini menunjukkan penyelewengan di dalam syarat-syarat penswastaaan, dia kena rujuk dahulu. Kita tidak mahu, dia bandingkan ada kaitan dengan parti politik, kita tidak mahu. Ini berniaga. Kerajaan yang mengasaskan dan kerajaan melabur dengan cukup banyak. Apakah pandangan Dato' mengenai perkara ini?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya pun baru dengarlah bahawasanya logo Petronas sekarang ini yang bulat sedikit itu, lepas itu ada tanda kejatuhan tusnya minyak, tanda macam itu *[sambil menunjukkan bentuk logo Petronas]* sekarang ini ditukar mencerminkan logo PAS – parti pembangkang dan ianya dibuat secara accidentkah atau terancang, mesti dirancang ini. Tetapi saya difahamkan pihak pengurusan atasan tidak tahu perkara ini berlaku. Saya minta pihak kerajaan sebagai pemegang saham yang terunggul di syarikat Petronas ini menyiasat bagaimana logo Petronas dapat ditukarkan kepada logo PAS. Dan saya difahamkan untuk menukar logo ini, perbelanjaan amat besar sehingga menelan belanja hampir RM7 juta. Kita hendak tahu bagaimana perkara ini boleh berlaku dan ini merupakan satu pengkhianatan yang amat besar yang dilakukan oleh mereka yang mempunyai motif politik sehingga mereka tergamak menukarkan logo yang begitu baik, logo Petronas untuk melambangkan ideologi politik mereka yang di dalam Petronas itu. Jika kita hendak minta pihak kerajaan menyiasat bagaimana logo pada lori-lori dan tangki-tangki Petronas ini bertukar, kerana ianya mengambil masa, macam mana, saya hairan, bagaimana logo ini ia pergi masuk woksyp untuk buat logo, keluar lambang PAS. Ini menghairankan. Ini bererti wujudnya satu perancangan sulit dan kita mahu juga syarikat-syarikat kepunyaan kerajaan yang lain. Saya tengok besok MAS pula tukar, ini membimbangkan. Tengok bulat sahaja bulan mengikut ekor MAS. Ini pun satu hal juga. Jadi kita bimbang. Saya minta pihak kerajaan supaya menyiasat dan memantau, mengawasi syarikat-syarikat kita supaya syarikat Tenaga, Telekom, MAS tidak melambangkan mana-mana lambang parti politik terutama sekali PAS kerana

PAS sekarang saya perhatikan benderanya berkibar di seluruh tempat. Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan...

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih Dato'. Ada lagi agensi yang memang terlibat misalannya lebuhraya PLUS warnanya sendiri dan imigresen dengan izin, imigresen sendiri kalau kita pergi ke pejabat-pejabatnya, dia bubuh warna hijau selepas itu tulis "kalau hendak minta 'PAS', datang sini" dia tidak kata border pas, dia bubuh 'PAS' di situ. Ini juga harus diambil kira, imigresen, lebuhraya PLUS dan beberapa agensi. Tabung Haji pun sekarang ini telah mirip pergi ke situ, kita tidak mahu dan ntv7 dia buat lambang mata, dekat-dekat hendak news itu, ia tulis gambar bentuk macam mata Dato' Seri Anwar, saya tidak tahulah. *[Ketawa]*

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, jadi, nampaknya benda ini merupakan satu wabak, jadi kita bimbang kalau sekiranya tidak dikawal, saya tengok wakil kerajaan pun ada di sini yang menentukan kebersihan kerajaan tempatan dari dicemari oleh bendera-bendara, saya harap perkara ini diambil tindakan segera kerana kalau kita biarkan setiap pokok di tepi jalan, setiap tiang telekom dan telefon semuanya penuh dengan bendera-bendara terutama sekali di tempat-tempat tertentu di mana orang ramai datang. Dan kalau benar kata saudara saya Yang Berhormat Senator Abu Bakar tadi, ia merayap pula masuk ke peringkat imigresen dan sebagainya ini sudah tenat. Jadi, kita bimbang kerajaan menjadi sasaran serangan parti-parti pembangkang untuk menunjukkan kuasa mereka sudah meresap. Jadi saya ingin perkara ini, kalau boleh pihak kerajaan mengawasinya.

Jadi, berkenaan dengan pemantauan syarikat-syarikat yang,
Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan sedikit. Bukankah, begitu juga dari segi bendera-bendera hijau lambang bulan mengambang ini, begitu banyak dikibarkan dalam tahun 1994 tahun sebelum pilihan raya. Jadi, bukannya ini sebagai satu amalan biasa pihak tertentu. Kadangkala kita melihat seolah-olah mereka itu begitu confident terlalu over confident tetapi selepas pilihan raya 1995, oleh kerana terlalu confident tetapi apabila kalah, mereka telah mengatakan ini oleh kerana ditipu oleh BN ataupun parti yang menang dan di masjid-masjid selepas minggu pertama kekalahan, mereka mula menyerang kerajaan dengan perkataan seolah-olah macam Firaun, Yahudi dan bermacam yang dibangkitkan dalam masjid, oleh kerana terlalu yakin akan menang tetapi tidak menang. Jadi, adakah kemungkinan Yang Berhormat perkara ini mungkin fenomena yang sama

cuma yang meresap masuk ke Petronas dan meresap masuk ke imigresen itu saya tidak berapa ada komen lagi tetapi dari segi bendera-bendera bulan mengambang. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya rasa fenomena orang yang mula-mula penuh keyakinan menang, lepas itu kalah, lepas itu mula menggunakan perkataan-perkataan 'zalim, kafir, toghut' dan banyaklah perkataannya, sekarang ini termasuk buku *SHIT* dan berbagai-bagai lagi lepas itu mengatakan mereka boleh berkahwin, tidur satu bantal dengan syaitanlah. Berbagai-bagai cara hendak mencari kuasa politik. Jadi, saya bimbang perkara yang sama akan berlaku juga kalau diadakan pilihan raya tidak lama lagi, bendera-bendera tepi jalan ini seolah-olah menaikkan semangat yang mereka punya kawasan ini.

Saya merasakan ini adalah psy war dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, di mana saya ingat parti PAS ini dalam gagasan pembangkang dia hendak chop kawasan masing-masing. Jadi tempat yang banyak bendera, itu kawasan saya, dia kata. Jadi dia hendak menentukan kawasan sebelum pemilihan candidate ataupun...

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat

Dato' Azmi bin Khalid: Saya hendak minta penjelasan sekali lagi. Apa ada pada nama. Kalau nama baik pun tetapi perangai macam hantu, hantu juga ianya. Begitu juga dengan nama pada lambang, dia bagi atas nama Islam. Kita juga ada banyak kawan-kawan orang Islam yang bernama hebat-hebat, ada yang Imamlah, Rasullah tetapi minta maaf amalan hariannya jauh tersimpang daripada nama yang dimatlamatkan. Adakah ini juga fenomena dalam suasana politik yang berlambang bulan? Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa inilah fenomena yang kita bimbang kerana terlalu taksud dengan matlamat untuk hendak memerintah, sehinggakan mereka sanggup hendak buat apa sahaja. Ini saya rasa dapat kita atasi. Saya minta pihak Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun diizinkan oleh Allah s.w.t berkuasa sejak merdeka sehingga ke hari ini, dapat terus menentukan masa depan generasi akan datang dalam mencapai satu tahap yang boleh kita banggakan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya Dato' Aziz bersetuju atau tidak, kalau kita ada barang yang berkualiti biasanya tidak perlu iklan. Benda-benda yang tidak ada kualiti, yang baru hendak timbul hendak cuba

jualkan itu, digunakan iklan berlebih-lebihan seperti bendera-bendera yang ditayang-tayangkan di sana sini. Tetapi ibarat kereta Mercedes, tidak perlu iklan, semua orang tahu kereta Mercedes itu adalah satu kereta yang amat baik pretasinya. Begitulah dengan Barisan Nasional, adakah Dato' Aziz bersetuju atau tidak?

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Pada lazimnya begitulah. Tidak perlu sebut Mercedes, Proton sekarang ini, Proton tidak perlu kita buat marketing yang agresif kerana Proton telah begitu diterima oleh rakyat jelata bukan sahaja di Malaysia, malah seluruh dunia menerima Proton. Pada mula-mula saya tengok Proton di England, saya tengok Ai! Bendera Malaysia di depan itu, rupa-rupanya Malaysia telah sampai ke tempat penjajah yang mula menjajah kita dahulu. Mereka pun sudah sanggup membeli. Jadi, negara kita dengan kebolehannya tidak perlu dipamerkan lagi.

Begitu juga dengan Barisan Nasional, kita terpaksa menentukan bahawasanya parti-parti lawan yang sekarang ini mempunyai gagasan. Dia hendak tiru kita, kita buat satu Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai kerjasama, bukan untuk pilihan raya, untuk sepanjang umurnya, untuk setiap masa kerana ini bukannya satu kepercayaan yang hanya wujud untuk bersama menentang Kerajaan Barisan Nasional, menidakkan dua pertiga, pelbagai cara ia buat. Tetapi saya pergi balik kepada kesimpulannya, apa guna kita berpolitik, kalau tidak mempunyai ciri-ciri kepimpinan hendak membawa rakyat jelata ke tahap yang lebih tinggi.

Saya beri contoh negeri Kelantan tadi. Kelantan Darul Naim? *[Disampuk]* *[Ketawa]*. Kelantan sendiri sebagai contoh, penuh dengan khazanah kekayaan yang diberi oleh Allah s.w.t. Logging lapan ribu ekar terbang, sehinggakan ia sekarang ini masalah-masalah yang timbul daripada penebangan balak (logging) menerusi yayasan yang dibuat oleh PAS dengan syarikat-syarikat yang menebang, sekarang ini mencemar Cameron Highlands, di negeri Pahang Darul Makmur. Jalan-jalan tidak kiralah, bagaimana rosaknya jalan-jalan. Jadi saya hendak penyiasatan dibuat secepat mungkin bagaimana rakyat terus miskin di negeri Kelantan. Bagaimana logging dapat ditebang dengan begitu tidak teratur, siapa dan kenapa ini boleh berlaku, bagaimana ianya berlaku kerana kita hendak tahu

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak minta laluan. Nampaknya isu yang dibawa oleh Dato' Abdul Aziz ini begitu menarik. Tadi menyebut tentang kemiskinan, saya memang membaca dan melihat dari segi angka-angka. Ini kita bukan bercakap dalam suatu suasana yang emosi tetapi angka Dato' Abdul Aziz, ya ternyata menunjukkan kemiskinan di negeri Kelantan.

Satu lagi bahawa kita melihat infrastruktur di negeri Kelantan. Kita melihat pasar di negeri Kelantan begitu kotor, rakyat negeri Kelantan berniaga di dalam pasar yang begitu panas, yang tidak terbelah daripada zaman dahulu sampai sekarang kita lihat tidak ada pembangunan. Jadi, saya ingin mendapat mungkin pandangan daripada Dato' Abdul Aziz dari segi negeri-negeri kita ada audit yang menghantar laporan-laporan di peringkat Kerajaan Pusat. Kelantan saya tidak perasan, saya tidak perhati, saya selalu perhati negeri saya sahaja. Adakah Dato' Abdul Aziz boleh 'elaborate'kan, dapat mana-mana pihak dalam negara kita melihat cara negeri Kelantan menguruskan urusan-urusan pentadbiran negeri Kelantan itu sendiri kerana nampaknya tidak membela rakyat di negeri Kelantan. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya amat setuju dengan Ahli Yang Berhormat. Saya minta pihak Kerajaan Pusat menjalankan 'special audit' kepada negeri Kelantan terutama dari segi kegunaan punca kewangan dan ke arah mana ia diberikan kerana kita tengok penswastan air di negeri Kelantan sendiri terpaksa dibaik pulih dan diambil alih oleh Kerajaan Pusat untuk menentukan supaya penswastan itu dari segi untuk membela rakyat jelata di sana, mendapatkan air dengan harga yang sederhana, yang boleh diterima oleh mereka, pun tidak dapat dijalankan, separuh jalan sangkut. Jadi, terlalu banyak pertolongan dan bantuan yang diberi oleh Kerajaan Pusat semata-mata kerana kita sendiri insaf dengan pembelaan rakyat di negeri Kelantan yang mana mereka di bawah naungan Kerajaan PAS yang tidak dapat membela sepenuhnya.

Jadi saya minta pada tahun-tahun akan datang, apabila datang pilihan raya tidak berapa lama lagi ini, sebelum bulan April 2000, kita mintalah rakyat jelata di negeri

Kelantan untuk menginsafi dan terus memberi sokongan kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana hanya Kerajaan Barisan Nasional yang mempunyai kepimpinan yang boleh membawa mereka daripada kedaifan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang 'corporate governance. Dari segi pengurusan syarikat-syarikat untuk kita hendak menentukan keyakinan pelabur-pelabur, baik pelabur asing mahupun pelabur tempatan, syarikat-syarikat kita mesti diurus dengan baik mengikut seksyen-seksyen daripada Akta Syarikat mahupun dari segi akta di bawah BSKL dan Securities Commission itu sendiri. Saya dapati baru-baru ini dan saya hendak ucapkan tahniah kepada Suruhanjaya Sekuriti di mana mereka berani kini mengambil tindakan yang tegas terhadap syarikat-syarikat yang tidak mengikut Seksyen 60 daripada regulation Suruhanjaya Sekuriti, di mana laporan-laporan tahunan terpaksa dikeluarkan dalam masa enam bulan setelah tamat tahun kewangannya. Misalnya, saya mengucapkan tahniah kerana syarikat-syarikat yang telah pun dikenakan denda sampai RM100 ribu seperti Promet, Aokam Perdana, Kumpulan ACK, RM100 ribu semuanya. Aokam Perdana – RM8,000; Promet RM100,000 sudah kena denda kerana melanggar syarat-syarat pendaftaran dengan BSKL. Jadi kita mahukan Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission) berani, tegas dan cepat mengambil tindakan dan saya ingin cadangkan selain daripada syarikat kena denda, ahli-ahli lembaga pengarah kalau selalu sangat mempunyai syarikat-syarikat, menganggotai ahli-ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat yang bermasalah ini terpaksa disenaraihitamkan kerana mereka tidak menjalankan tanggungjawab sebagai ahli lembaga pengarah syarikat. Disenaraihitamkan dan tidak boleh lagi menduduki syarikat-syarikat yang berdaftar dengan BSKL ini kerana ini satu kerja yang cuai, yang membiarkan

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pandangan daripada Dato' Abdul Aziz sama ada Dato' Abdul Aziz bersetuju supaya kerajaan menyiarkan nama-nama pengarah dalam syarikat yang bermasalah ini di akhbar supaya kita tahu, kadang-kadang mereka inilah yang

melakukan penyelewengan, yang melibatkan kerugian kepada negara dan kepada pelabur-pelabur ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya ingat itu cadangan yang baik. Selalu Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar datang dengan cadangan-cadangan yang baik semacam ini. Jadi ini pun saya rasa amat baik sekali, kita senarai hitamkan pengarah-pengarah yang menggagotai syarikat-syarikat yang tidak dapat menunaikan janji kepada BSKL dan Securities Commission untuk menghantar laporan-laporan tahunan mengikut jadual yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, pemantauan ini terpaksa diperluaskan lagi kerana kita dapati syarikat-syarikat ini mempunyai Jawatankuasa Auditnya sendiri di mana kita difahamkan, Jawatankuasa Audit ini terpaksa dibuat sejak tahun 1993 lagi untuk menentukan segala laporan kewangan tahunan di syarikat-syarikat ini dapat dibuat mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dan Jawatankuasa Audit ini terpaksa kita harapkan memperluaskan skop, tanggungjawabnya untuk menyekat. Kadangkala sesebuah syarikat mempunyai seorang korporat yang begitu kuat dari segi pengaruh sehingga dapat melanggar Sistem Kawalan Kewangan satu-satu syarikat itu sendiri dan perkara seperti ini patut kita gembur-gemburkan. Patut kita 'highlight'kan kepada laporan tahunan mengatakan tidak mungkin sistem kawalan kewangan dapat dibuat, kalau sekiranya wujud personaliti-personaliti yang begitu kuat pengaruhnya sehingga tidak dapat mengikut peraturan-peraturan kewangan yang wujud dalam syarikat itu.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan supaya syarikat-syarikat ini dalam mewujudkan Jawatankuasa Audit ini dianggotai oleh mereka yang bertauliah dari segi Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountant) kerana kita dapati dalam 100 syarikat yang menjadi asas kepada indeks BSKL, daripada 345 ahli-ahli jawatankuasa audit ini hanya 37 orang sahaja yang mempunyai latar belakang sebagai akauntan yang memahami cara-cara audit dijalankan, memahami cara-cara prosedur kewangan dan sebagainya. Jadi saya ingin mencadangkan supaya setiap jawatankuasa audit (audit committee) syarikat-syarikat ini mempunyai sekurang-kurangnya seorang akauntan bertauliah menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia

supaya kita dapat tentukan sistem kawalan kewangan dan juga prosedur-prosedur pemantauan dan pengawasan di syarikat itu dapat berjalan dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua, masalah terbesar yang terpaksa kita hadapi apabila kita meningkat atau melangkah ke alaf baru ini ialah bagi kita membuat satu strategi untuk menentukan knowledge worker. Saya telah kerap sangat sebut perkara ini, iaitu pekerja-pekerja berilmu. Ini amat berbahaya.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawasanya di Malaysia kalau kita bandingkan dengan Rancangan Malaysia Keenam, dengan Rancangan Malaysia Ketujuh yang paling kita terharu ialah di mana saya hendak sebutkan di sini, muka surat 10, dalam buku Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang menyatakan salah satu teras penting Rancangan Malaysia Ketujuh adalah untuk meningkatkan sumbangan produktiviti faktor keseluruhan atau Total Factor Productivity (TFP), dengan izin, kepada KDNK.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati TFP bagi jangka waktu Rancangan Malaysia Ketujuh telah pun menurun daripada 28.7% sebagai sumbangan kepada KDNK, Rancangan Malaysia Keenam kepada 19.5%.

Persaingan Malaysia dengan wujudnya pendekatan globalisasi negara tanpa sempadan ditentukan dengan peningkatan total factor productivity di mana produktiviti di negara kita ini dapat kita tingkatkan kalau kita hendak bersaing dengan negara-negara maju yang lain. Kalau TFP telah menurun, daripada 28.7 kepada 19.5, kita terpaksa menentukan perkara ini put a full stop, dengan izin, kepada tahap yang ada sekarang ini untuk kita tingkatkan kembali knowledge worker penting dalam hal ini kerana seperti yang dikatakan oleh Senator Tan tadi kita dapati dan dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kita, penyelidikan dan pembangunan di negara kita ini amat ketinggalan.

Sungguhpun kerajaan telah meningkatkan dana kewangan daripada rancangan-rancangan Malaysia yang lalu sehingga ianya mencapai 1%, RM1 bilion sekarang ini, 1% daripada KDNK di mana penyelidikan dan pembangunan dapat kita gunakan tetapi hasil daripada R&D, penyelidikan dan pembangunan ini masih lagi kecil. Saya dapati

juga punca dana penyelidikan dan pembangunan ini kadangkala tidak kita uruskan kepada IPTS dan IPTA di mana banyak pakar yang boleh membuat penyelidikan di institusi pengajian tinggi kita, institusi pengajian tinggi swasta dan awam. Sekarang dalam satu kajian kita dapati pihak swasta misalnya, syarikat-syarikat swasta yang mempunyai lebih kurang RM400 milion untuk kajian penyelidikan dan pembangunan hanya 0.4% disalurkan kepada institut pengajian tinggi swasta dan awam. Kalau ini dibandingkan dengan Amerika atau negara-negara maju yang lain mereka menyumbangkan dalam tahun 1980 misalnya Amerika Syarikat, dana kewangan penyelidikan dan pembangunan daripada sektor swasta sumbangkan kepada universiti-universiti 4% dan meningkat tahun 1995 – 7%. Jadi, kita sampai 0.4% maknanya jauh kebelakang. Patutlah Perdana Menteri kita sentiasa mengingatkan supaya penyelidikan dan pembangunan di negara ini ditingkatkan.

Begitulah juga dari segi peningkatan produktiviti menerusi pekerja-pekerja yang berilmu. Kalau kita hanya bergantung kepada pekerja-pekerja luar, pekerja-pekerja asing yang kini melanda Malaysia daripada Indonesia, daripada Filipina dan sebagainya, kita sentiasa mengharapkan, mohon izin, cheap labour, tenaga murahan. Kita terpaksa mempunyai perancangan yang khusus bagi menentukan tenaga murahan ini tahun demi tahun dikurangkan dan diambil alih oleh tenaga-tenaga mahir di negara kita kerana kita berdepan dengan satu cabaran yang amat besar dalam dunia yang mengamalkan globalisasi perdagangan antarabangsa tanpa sempadan, mutu produktiviti terpaksa ditingkatkan, kita tidak mahu tenaga murahan, kita mahukan bukan skilled labour, knowledge labour, yang berilmu dan koridor multimedia dan juga syarikat-syarikat yang berpaksi kepada komputer-komputer merupakan satu pendekatan yang baik, kita ambil tetapi kita mestilah perluaskan.

Dalam hal ini juga Tuan Yang di-Pertua, seperti pernah saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini, universiti-universiti kita setakat ini masih jauh ke belakang. Kita laungkan kita hendak wujudkan satu pusat pengajian yang cemerlang supaya dapat pelajar-pelajar Indonesia dan serantau ini datang ke Malaysia untuk belajar tetapi dalam pengkajian dibuat saya tengok Universiti Malaya seperti saya umumkan, dulu

nombor 33 naik 'setakah', nombor 23. Universiti-universiti lain jauh ke belakang. Kita bersaing dengan universiti-universiti daripada India. India terkenal dengan universiti-universiti teknologi. Taiwan terkenal dengan universiti-universiti teknologinya. Sepatutnya kita mengambil kira untuk mewujudkan, mohon izin, smart partnership, satu perkongsian bijak dengan universiti-universiti di India, di Taiwan dari segi teknologi. Mereka sekarang ini mempunyai ramai tenaga-tenaga yang mempunyai ilmu yang tinggi dan mendalam dalam bidang teknologi sehingga Silicon Valley di Amerika mengambil ramai pakar dari India. Saya mahulah dengan pertolongan Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu, kalau dia bawa banyak kontraktor Malaysia ke India nak buat jalan, minta juga pakar-pakar teknologi tinggi daripada India datang ke Silicon Valley Malaysia iaitu di Putrajaya, di Koridor Raya Multimedia kita.

Jadi, mudah-mudahan dengan wujudnya satu pakatan kerjasama bijak (smart partnership) ini dengan India dan juga Taiwan. Kalau mengikut satu kajian yang mewujudkan 'pepijat', pepijat yang baru, Chernobyl. Chernobyl adalah sebuah tempat di Rusia di mana wujudnya satu keadaan bom atom pecah di sana. Radioaktif terlalu banyak, Chernobyl di Rusia, yang membuatnya 24 tahun daripada Taiwan sehinggalah banyak syarikat seluruh dunia terpaksa berdepan 'pepijat Chernobyl' daripada Taiwan yang mereka ini mempunyai otak yang lebih tinggi, geliga sedikit dari segi dalam keadaan ini. Jadi, bukan kita hendak gunakan mereka untuk membuat 'pepijat-pepijat yang lain', kita hendak gunakan mereka untuk datang ke Malaysia untuk meningkatkan lagi menerusi smart partnership ini dalam bidang teknologi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkanlah usaha-usaha yang dibawa oleh pemimpin kita ini dapat dinikmati oleh Rancangan Malaysia Ketujuh, kelapan, kesembilan, kesepuluh sampai kesebelas apabila sampai kepada tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, kita amat berbangga dengan ramai orang sekarang ini termasuklah seorang Michael Backman. Saya hendak menunjukkan di sini kepimpinan yang penting. Michael Backman, '*Asian Eclipse*', seorang Australia baru keluar yang mengatakan kekuatan negara kita di Malaysia ini bukan hanya pada

khazanah Petronas, khazanah balak, khazanah kekayaan dari segi sektor pertanian dan sebagainya tetapi kepimpinan. Kepimpinan Dato Seri Dr. Mahathir yang melahirkan rasa jati diri yang kuat yang melahirkan kepercayaan kepada diri sendiri, self-confident, 'Malaysia boleh - jalur gemilang'. Inilah unsur-unsur yang menentukan kekuatan negara ini dan inilah yang ramai sangat marah kepada kita kerana kita mempunyai seorang pemimpin yang boleh membawa anjakan paradigma demi paradigma semata-mata bagi meningkatkan ke tahap yang lebih maju negara kita ini.

Kita berdepan dengan berbagai-bagai masalah. Kalaulah sekiranya Dato Seri Dr. Mahathir tidak ada keyakinan diri untuk negara dirinya sendiri, sudah lama saya hendak melawan dengan orang-orang yang mengkritiknya. Seluruh media massa, elektronik, surat khabar, *Washington Post*, *New York Times*, *Financial Times*, namakan sahaja, semuanya mengutuk kepimpinan kita. Tujuh belas bulan dulu, sembilan belas bulan dulu, tengok sekarang ini, World Bank sendiri setelah bertemu dengan Presiden KeADILan secara sulit-sulit di KLIA pun memuji negara kita mengatakan bahawasanya kita telah dapat mengatasi masalah-masalah, sungguhpun cara kita mengatasinya lebih berbeza dengan orang lain.

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan apakah sebenarnya Datin Seri Dr. Wan Azizah ini, 'my friend', semua orang kata dia 'my friend'. Estrada kata, 'my friend'. Wolfensohn, Presiden Bank Dunia pun kata 'my friend'. Dia bertemu dengan cara 'my friend' Saya hendak tahu sudah berapa lama Dr. Wan Azizah kenal dengan mereka ini sampai sanggup mengatakan, pemimpin-pemimpin ini mengatakan ini 'my friend', Wan Azizah ini 'my friend' dan dapat berjumpa setengah jam sebelum mesyuarat Menteri-menteri Kewangan di Langkawi, Wolfensohn telah pun memberikan masa setengah jam atau sejam dengan Dr. Wan Azizah, parti pembangkang KeADILan yang tidak ada lagi wakil tetapi sekarang ini cuba hendak melawan kerajaan Barisan Nasional dengan PAS, dengan Parti Rakyat dan juga dengan DAP- dengan Malaysian Malaysianya, akan saya ceritakan nanti. Tetapi apakah ia sebenarnya natijah yang didapati daripada pertemuan ini.

Saya hendak bertanya dengan pihak kerajaan, tidak tahukah apa isi kandungan perbualan ini, adakah hendak tanya hal ataupun hendak mensabotaj ekonomi negara kita. Saya sudah bimbang kerana terlalu banyak kerja yang jahat ini. Kita masih ada lagi sekarang ini Dr. Rahim Ghouse, masih lagi di luar negara, berambat daripada Manila, Jakarta dan Bangkok. Cerita-cerita menerusi Internet, pelbagai cerita, ini merupakan satu sabotaj ekonomi yang paling besar, pengkhianat negara yang paling besar.

Di sini kita tengok Yang Berhormat Dato' Seri Rafidah Aziz ke luar negara, Perdana Menteri ke luar negara, sekarang ini pun Yang Berhormat Tun Daim hendak pergi ke luar negara, Yang Berhormat Dato' Mustapa hendak ke luar negara, semuanya hendak mencari jalan penyelesaian kepada ekonomi negara kita. Pada masa yang sama, ada dua, tiga, empat orang ini ke luar negara juga memburuk-burukkan keadaan. Apakah ini bukan pengkhianatan kepada negaranya sendiri, di manakah patriotism pemimpin-pemimpin ini, sehinggakan sanggup memburuk-burukkan negara, melemahkan negara supaya kita ini disabotaj dari segi ekonomi.

Saya bimbang, saya hendak tahu dari segi pihak kerajaan, apakah sebenarnya 'my friend', perbincangan antara Presiden Bank Dunia, Estrada dengan Presiden KeADILan yang hendak mencari Keadilan. Adilkah tidak membuat tohmah-tohmah seluruh rantau di luar negara berkenaan dengan negara kita? Adakah itu keadilan, tanya diri sendiri di manakah keadilan? Kemuncak kejayaan Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir ialah apabila kita mendapat bon RM2 bilion itu nanti, itulah kemuncaknya kerana keyakinan mereka yang mempunyai dana kewangan akan mencurah ke negara kita.

Saya mengucapkan syabas kepada pemimpin kita, kepada Yang Berhormat Tun Daim dan Yang Berhormat Dato' Mustapa kerana dapat merangkakan pendekatan untuk menjaja nama baik negara kita ini, sehinggakan insya-Allah kita dapat RM2 bilion dengan tahap pembayaran kos yang rendah. Dahulu, pada suatu ketika kita hanya dapat ditarafkan sebagai 'junk bond'. 'Junk bond' ini ialah syarikat-syarikat yang teruk pergi ke luar negara minta duit dan kena bayar faedah yang begitu tinggi. Tetapi kini kita perhatikan keyakinan negara-negara besar dari segi ekonomi adalah terserlah sekali dan kita mengharapkan RM2 bilion ini akan dapat dan ini adalah

kemuncak keyakinan dunia kepada Malaysia yang cuba hendak disabotaj oleh mereka yang ke hulu, ke hilir, Bangkok-Manila-Jakarta.

Saya harap pihak kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang cepat sebelum ianya dapat menjejaskan lagi kedudukan negara kita. Sungguhpun mereka sudah membuat pelbagai cara, hendak saman orang itu, saman orang ini. Kita sekarang ini menjadi sebagai satu negara yang amat legalistic, menyaman sahaja sekarang ini. Ini satu fenomena baru, hanya wujud di negara-negara yang terlalu ramai lawyer iaitu di Amerika menyaman sahaja dan di Filipina, sedikit-sedikit saman, seolah-olah lawyer tidak ada kerja, tidak tahu siapa lawyer di sini.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaludin: Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi betul, lawyer sekarang ini tidak ada banyak kerja, sebab gawat ini. Saya hendak bertanya, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, biasanya orang Inggeris ini, dia ada tiga perkataan yang selalu digunakan "my darling", "my friend", "acquaintance", dengan izin.

Jadi, hal yang diceritakan oleh sahabat saya tadi, Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz, adakah termasuk dalam "acquaintance", "my friend" ataupun ada terjalin ikatan sahabat sebegitu lama yang kita tidak mengetahui dan juga yang ada pergi ke luar negara mendakyahkan dan memfitnahkan negara kita ini, adakah memberi kesan kepada ekonomi kita? Kepada saya tidak berkesan langsung.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau ikut dari segi intricacy of the language, mohon izin, bahasa Inggeris (English language) ini dia ada lebih. Sungguhpun kita lebih hebat daripada dia, macam kita kata, kita angkat, kita junjung, dia to carry sahaja, to carry on the shoulder, carry on the head, kita junjung, kita bimbit, kita angkat. Kita ini lebih sophisticated dari segi bahasa, tetapi dalam keadaan-keadaan tertentu orang putih ini lebih romantik sedikit seperti kata Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, ada "my darling", "my acquaintance" dan "my friend".

Dalam keadaan hubungan, saya perhatikan kedua-duanya sebut "my friend". Estrada kata, hendak jumpa "my friend", begitu juga dengan Wolfensohn, Presiden Bank Dunia (World Bank), pun "my friend". So, hanya sekarang ini takrif "my friend" ini, dia lebih mendalam lagi, dalam bahasa Malaysia, sahabat. Sahabat ini hubungan

yang intim, yang rapat, kalau acquaintance sahaja, baru kenal, dalam setahun jumpa sekali atau dalam dua tahun sekali.

Jadi, saya hendak bertanya, adakah selalu sangat Datin Seri Dr. Wan Azizah berjumpa dengan Wolfensohn, Bank Dunia ini, dia orang Australia dan dia pun jadi Presiden Bank Dunia pun tidak berapa lama juga. Kerap sangatkah, setiap bulankah, setiap harikah, setiap minggukah, begitu juga dengan Estrada. Estrada baru sahaja menjadi Presiden, dahulu dia aktor dengan cara-cara keaktornya, ciri-ciri seorang bintang filem. Tetapi berbaik pula, 'my friend' juga dengan Datin Seri Dr. Wan Azizah.

Jadi, kita hairan, adakah ini merupakan satu jalinan sabahat yang begitu baik sehinggakan mesti berjumpa juga, dalam setengah jam pun menghala ke Langkawi dan sebagainya, soalnya atau apa. Kita minta pihak kerajaan, tanya-tanyalah, tengok-tengoklah sebenarnya apa dia 'my friend' ini. Apa dia natijah yang didapati daripada pertemuan sulit, ini baru dijumpai, saya tengok dalam surat khabar, perkara perjumpaan itu sulit, peraturannya sulit, terjumpa oleh beberapa orang journalist, hendak tanya berkenaan perkara ini, tidak tahu kita ada journalist di mana yang berjumpa dengannya.

Datuk Zainudin bin Maidin: Untuk bertanya, adakah dalam pengetahuan Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz juga bahawa isteri bekas TPM, Datin Seri Dr. Wan Azizah juga telah mengadakan pertemuan dengan Robert Kuok di Hong Kong. Ini telah menjadi tanda tanya, pertemuan itu berlaku secara sulit dan telah dilaporkan oleh Bahagian Intelligent *Far Eastern Economic Review*, kalau tahu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Yang itu saya tidak terbaca, *Far Eastern Economic Review* ini tetapi kalau ianya benar-benar berlaku, Tuan Yang di-Pertua, apa sebenarnya tujuan pertemuan-pertemuan ini. Saya ingat pihak kerajaan terpaksa menyiasat, sudah sampai kepada saat penyiasatan rapi dibuat berkenaan dengan pertemuan-pertemuan parti pembangkang Presiden KeADILan dengan mereka yang mempunyai pengaruh tersendiri, Wolfensohn, Presiden Bank Dunia; Estrada, Presiden Filipina; Robert Kuok, captain industri rantau ini, salah seorang yang terkaya di dunia. Robert Kuok tersenarai dalam bidang senarai billionaire, kita bangga tetapi kita hendak tahu kalau wujudnya pertemuan, pertemuan apa?

Jadi, saya amat terperanjat sekali apabila mendengar sahabat saya Yang Berhormat Datuk Zainudin Maidin mengatakan wujudnya dalam *Intelligent Far Eastern Economic Review*. Lebih-lebih lagi, jika ianya berlaku kita hendak tahu sangat.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perkara semacam ini patut kita awasi, kalau sebenarnya kita hendak mewujudkan seperti yang saya katakan tadi, berusaha lebih gigih dan penuh keazaman ke arah matlamat membina satu bangsa yang adil dan bersatu padu, maju, berdaya saing serta mempunyai tahap ketahanan yang tinggi. Kalau inilah pucuk pimpinan parti pembangkang, di mana ketahanan diri, sekejap-sekejap pergi melapor kepada World Bank, sekejap-sekejap melapor kepada Estrada, sekejap-kejap pergi melapor kepada Robert Kuok.

Dimanakah ketahanan diri perjuangan yang kita persoalkan sekarang ini dan berjuang pula dengan PAS, yang tidak boleh mentadbirkan negeri Kelantan sendiri, di mana wujudnya tahap kemiskinan yang paling tinggi, yang merosakkan lojing dan berganding bahu pula dengan Parti Rakyat Malaysia, di mana socialism sebagai satu ideologi telah pun habis. Sekarang ini ekonomi terbuka, sosialisme tidak dapat menguasai lagi sebagai ideologi yang penting dalam dunia. Berganding pula dengan DAP, Malaysian Malaysia, Gagasan Pemikiran sebelum tahun 1969, di mana semasa itu DAP masuk Malaysia sebelum tahun 1965, menggunakan Gagasan Malaysian Malaysia.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Azmi bin Khalid]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak penjelasan slogan 'Malaysian-Malaysia', saya hendak tanya Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sedar bahawa slogan Malaysian-Malaysia adalah slogan yang dibawa oleh Lee Kuan Yew sejak tahun 60-an dulu pemimpin parti PAP yang mana DAP juga anak kepada PAP di masa itu apabila selepas 13 Mei apabila Parlimen diwujudkan semula dalam tahun 1971 kerajaan membuat pindaan-pindaan kepada perlembagaan dan mewujudkan dasar ekonomi baru, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ucapan pemimpin ataupun Setiausaha Agung DAP adalah yang paling lantang menentang dasar ekonomi baru,

menentang segala-galanya yang memberi keistimewaan kepada orang Melayu dan agama Islam pada masa itu dan masih ada di dalam *Hansard* bahasa-bahasa yang digunakan, antara bahasa dia bercakap dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang digunakan satu sistem yang diwujudkan secara diabolical, diabolical maknanya diwujudkan oleh syaitan-syaitan, satu sistem, satu angkara yang dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional yang diabolical, jadi bahasa itu dipergunakan pada masa itu.

Beliau menentang dasar ekonomi baru tetapi hari ini dasar ekonomi baru telah begitu berjaya mewujudkan bukan sahaja satu bangsa Malaysia yang sudah bersatu dulu dasar ekonomi baru kita hanya memberi biasiswa kepada anak-anak Melayu, pada hari ini pinjaman kepada IPTS/IPTA dihulurkan kepada semua bangsa yang perlu dalam negara. Kita telah menyelesaikan banyak masalah perkauman dengan dasar ekonomi baru dan dasar itulah ditentang oleh DAP pada tahun 1971 dengan bahasa-bahasa yang kesat. Adakah ini tidak diketahui oleh kawan-kawan kita di dalam PAS dan di dalam keADILan? Kalau mereka tidak mengetahui, adakah Yang Berhormat mencadangkan supaya mereka baca balik sejarah dan ada dalam *Hansard* yang masih disimpan di dalam perpustakaan kita.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua memang benar Malaysian-Malaysia adalah gagasan pemikiran PAP tahun 1965 sebelum mereka terkeluar daripada Malaysia dan selepas itu hanya tinggal seorang wakil rakyat Bangsar, saya sudah lupa namanya, Daven Nair di Bangsar dan waktu itu memanglah perkataan diabolical dikeluarkan, syaitan dan sebagainya. Perkara yang sama sekarang ini, Nik Aziz kata dia boleh berbaik dengan syaitan, dia dah tahu ini syaitan penyangak belaka ini, dia kata dia boleh berbaik dengan syaitan untuk mencari kuasa. Cuba bayangkan untuk hendak mencari kuasa, politik boleh berbaik dengan syaitan, dengan mereka yang betul benar menentang isu-isu dasar-dasar yang dibuat affirmative action dasar ekonomi baru merupakan satu dasar yang diterima bukan sahaja setiap lapisan masyarakat Malaysia, South Afrika pun hendak pinjam, hendak tiru cara kita, model di mana isu-isu perkauman dapat kita cantumkan menerusi dasar ekonomi baru.

Kekuatan negara kita sebenarnya Tuan Yang di-Pertua adalah berpaksi kepada sustainable yang diterima oleh setiap lapisan masyarakat. Sehingga ke hari ini kita tukar dasar pembangunan negara (national development) tetapi matlamatnya sama hendak membantu mereka yang miskin termasuk Cina, Melayu, India hendak membantu mereka yang daif untuk memberikan struktur-struktur masyarakat yang seimbang, seimbang mungkin, memang kita tidak boleh, jurang perbezaan memang wujud di mana-mana sahaja tetapi mengurangkan jurang perbezaan sehingga tidak ada orang mati kebuluran. Yang hendak dibawa oleh reformasi ke sini itu, memang tidak sesuai kerana negara kita ini dengan dasar ekonomi baru telah membangunkan setiap lapisan masyarakat seolah-olah mereka terjamin dari segi kehidupan, dari segi keamanan, bila kita sebut Melayu bukannya miskin lagi dah, kerana kita ada orang-orang Melayu yang lebih hebat lagi, bila kita sebut Cina bukannya tauke-tauke lagi dah, banyak bangsa sebenarnya.

Dato' Azmi bin Khalid: Bagi interesting sikit Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak tanya sekali lagi sebagai penjelasan, selepas Singapore dipisahkan dasar yang sama dilaung cuma sekali itu selepas Malaysian–Malaysia dijadikan dasar Singapore-Singapore. Apakah hasilnya kepada rakyat khasnya orang Melayu di Singapore selepas dasar Singapore-Singapura diwujudkan atas prinsip yang sama seperti Malaysia –Malaysia, kemungkinannya Yang Berhormat akan dapat berikan penjelasan sedikit.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya tidak hendak sangat menyentuh Singapura ini Tuan Yang di-Pertua, dia jiran kita di bawah yang saya tahu dan surat khabar baru-baru ini Istana Melayu Sultan Husin hendak ditarik balik. Seheinggakan keturunan Sultan Husin mungkin lenyap dengan tidak ada tandanya istana itu, itu sahaja penghabisan kemuncak Singapore-Singapore. Jadi saya tidak mahu hendak memberi fokus kepada Singapura sangat kerana sebagai negara yang kecil dan jiran kita dan kita sebagai negara yang membangun seolah-olah kita sekarang ini dapat mencabar apa yang wujud di Singapura kita akan adakan. Kalau Singapura ada airport, kita ada airport.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya hanya membangkit untuk memberi kesedaran kemungkinan kepada anak-anak kita bahawa dasar yang diwujudkan Singapore-Singapore walaupun jiran kita, tetapi sejarahnya kita tidak boleh lupa, sejarah tidak boleh lupa sebab ini ada kaitan dengan kita. Jadi adakah benar bahawa dalam sistem pendidikan di negara berkenaan, sejarahnya hanya bermula daripada Raffles, tidak ada sebutan dari segi kerajaan-kerajaan Melayu yang milik tuan-tuan punya yang memerintah pulau berkenaan, walaupun dengan adanya sebuah istana yang lama tetapi ini hendak dilupakan dan kali ini hendak diluputkan sama sekali supaya sejarah yang sebenar terus dilenyapkan di negara berkenaan. Walhal negara berkenaan juga memberi keutamaan kepada bangunan-bangunan bersejarah tetapi bangunan ini tidak dianggapkan sebagai bersejarah walaupun sejarahnya begitu dalam dan lama yang berada sebagai satu gugusan, di bawah satu gugusan pulau-pulau Melayu pada masa itu.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, memang benar strategi Singapura memang wujud bagi hendak menentukan terhakisnya sejarah-sejarah awal Singapura. Sebab itu saya hendak bersuara dalam forum yang lain kita boleh jelaskan dengan lebih panjang lebar, di sini saya hendak ucapkan tahniah kepada *Utusan Malaysia* yang sengaja mungkin hendak mengingatkan negara kita terpampang gambar Istana Sultan Husin dahulu di tengah-tengah surat khabar, saya ini amat menitikkan air mata kepada orang-orang yang mengenali sejarah. Jadi ini satu usaha yang baik dan saya rasa dalam bidang forum-forum yang lain kita akan membincangkan isu ini yang lebih panjang lebar, tetapi Tuan Yang di-Pertua di sini saya hendak mengingatkanlah bahawasanya parti pembangkang ini semata-mata hendak mencari kuasa tetapi dengan izin, zero dari segi kepimpinan untuk mentadbir negara. Mereka tidak mempunyai pengalaman.

Kalau sekiranya tadi pihak kerajaan hendak mengatakan supaya mereka ini mengenali sejarah, sebenarnya parti KeADILan tidak ada wakil rakyat di situ untuk mengetahui *hansard* pun dia tidak tahu kemungkinan, mungkin masa depan kita tidak tahulah, tetapi hendak memahami bagaimana sejarah negara ini dapat kita wujudkan

menerusi dasar ekonomi baru dengan kepentingan-kepentingan yang dapat menjana Rancangan Malaysia Ketujuh sekarang ini. Berpaksi kepada wujudnya persefahaman menerusi Barisan Nasional, kalau kita bandingkan dengan negara-negara lain Singapura, mana negara sekalipun di mana wujud satu sistem kabinet yang ada orang Melayu, Cina, India, Iban dan sebagainya menerajui kepimpinan negara. Di mana wujud pergiliran Ketua Menteri di Sabah misalnya, semata-mata hendak memberi peluang pada semua orang yang berkaitan untuk menerajui dan memberi kepimpinan sama-sama membangunkan negara dan negeri tak wujud, saya hendak tengok besok bagaimana KeADILan sama dengan PAS, sama dengan Parti Rakyat Malaysia dan DAP berkongsi-kongsi kuasa sehinggakan sanggup hendak bekerja dengan syaitanlah, sanggup pelbagai-bagai caralah. Bagaimana mereka boleh mewujudkan satu kerajaan kononnya di atas gagasan pembangkang ini. Kita mesti realistik Tuan Yang di-Pertua, kita mesti bersandarkan kepada satu keadaan yang real yang benar, jangan kerana wujudnya sekarang ini komputer kita dapat virtue political system.

Dato' Azmi bin Khalid: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan apa yang diungkapkan oleh Yang Berhormat tadi, soalnya PAS ingin mewujudkan negara Islam, tetapi apabila dikaji dari segi pengundi-pengundi di seluruh negara PAS hanya boleh menang di mana ada majoritinya pengundi Islam Melayu dan majoritinya hanya tidak lebih daripada 70 kerusi Parlimen, kesemua kerusi Parlimen 192, kalaulah PAS menang 100% kerusinya 70 lebih bagaimanakah dia hendak berkongsi kuasa hendak mewujudkan negara Islam. Tolong jawab, minta penjelasan. Minta maaf. *[Ketawa]*.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua saya tidak tahu siapa kerajaan dan siapa bukan kerajaan sekarang ini. *[Ketawa]*. Jadi saya memang seronoklah menjawab ini sungguhpun bukan lagi sebagai ahli anggota kerajaan.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Kalau Yang Berhormat Dato' Aziz tidak boleh menjawab, saya pun boleh menjawab. *[Ketawa]*.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, percaturan politik antara gagasan pembangkang dengan Barisan Nasional kita akan ditentukan di pilihan raya akan datang. Sekarang ini cita-cita gagasan pembangkang untuk hendak menerajui kerajaan baru selepas pilihan raya akan datang mungkin mimpi di siang hari, kita harapkan, insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik juga dengan hasrat kerajaan untuk hendak meningkatkan ekonomi kita menerusi sistem ekonomi digital. Baru-baru ini kita tengok, kerajaan sudah buat tandatangan Electronic Government, jadi kita telah pun menuju ke arah satu sistem yang akan menentukan persaingan kita dengan negara-negara maju yang lain seolah-olah seimbang kerana kita mempunyai nilai-nilai yang sama mewujudkan Electronic Government, mewujudkan perdagangan elektronik dan mewujudkan akan datang digital economy. Ada kaitan dengan sistem-sistem komputer multimedia di negara kita sendiri dan dikaitkan pula dengan sistem-sistem di luar negara.

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita melangkah ke alaf baru ini, kita juga mempunyai masalah besar Y2K, pepijat alaf baru, pepijat tahun 2000. Saya difahamkan permohonan pinjaman daripada Bank Dunia pun kita telah dapat sebanyak RM350 bilion dan kita memperuntukkan lebih kurang RM450 milion. Total saya rasa RM870 milion untuk hendak menentukan agensi-agensi kerajaan terutama yang penting-penting, pertahanan dan sebagainya dapat kita buat dengan baik dan pihak swasta pula, saya difahamkan memperuntukkan lebih kurang RM400 juta, saya pun tidak tahu. Jadi, soalnya sekarang adakah perkara ini mempunyai pengawasan yang rapi.

Sistem untuk mengatasi dua Y2K ini amat penting, terutamanya dari segi kita hendak menentukan perdagangan antarabangsa berterusan, kita takut esok, kalau sekiranya sistem ini tidak dapat diwujudkan di negara kita, orang lain, pedagang-

pedagang antarabangsa lain takut hendak berdagang dengan kita, takut bila sampai 1 Januari 2000 hilang duit dia, concession tidak berjalan. Jadi sekarang kemungkinan besar, sekarang ini telah wujud satu pendekatan di mana negara-negara yang berdagang dengan kita mengawasi bagaimana tahap pencapaian untuk kita mengatasi masalah Y2K. Kalau kita tidak mengatasinya, ianya akan meruncing dan merosotkan lagi sistem perdagangan kita.

Kita juga hendak tahu terutama sekali dalam kerangka untuk mewujudkan sistem penerbangan kita di rantau ini. Adakah negara-negara jiran kita di mana kita beroperasi menerusi sistem penerbangan dan sebagainya mempunyai satu pendekatan yang dapat mengatasi masalah Y2K ini. Dan juga syarikat-syarikat yang kecil, yang sekarang ini menjadi sebagai kerangka (network) kepada syarikat-syarikat besar, vendor dan sebagainya. Adakah mereka ini juga mempunyai keupayaan untuk mengatasi masalah Y2K ini.

BSKL misalnya membuatkan satu kajian status Y2K ini dibuat sekarang ini, selepas itu tiap-tiap bulan bagi hendak menentukan syarikat-syarikat yang tersenarai di dalam BSKL diaudit secara operasinya untuk hendak mematuhi satu sistem di mana dapat mengatasi masalah Y2K ini. Jadi, kita minta Bursa Saham Kuala Lumpur dan syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Bursa Saham Kuala Lumpur memantau status prestasi mereka terhadap menyelesaikan masalah syarikat-syarikat yang berdaftar.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah penting dan juga saya ingin mengucapkan di sini setinggi-tinggi tahniah kepada Mesyuarat Menteri-menteri APEC baru-baru ini di Langkawi kerana at last, dengan izin, mereka sekarang ini mempunyai keyakinan dengan kita dan membawa kita menganggotai bersama-sama dengan Kumpulan Tujuh (G-7) negara-negara maju untuk meyelesaikan masalah perdagangan mata wang antarabangsa ini. Kita, seperti Tuan Yang di-Pertua ingat, pada tahun 1997 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad seorang

sahaja di Hong Kong yang menyeru negara-negara besar, seluruh dunia untuk mewujudkan satu kerangka perdagangan mata wang antarabangsa yang telus yang bertanggungjawab sehinggakan tidak dapat mengacau dan membunuh negara-negara yang baru membangun apabila mereka memperdagangkan ataupun memperjudikan mata wang negara-negara kecil seperti Malaysia, Thailand, Indonesia, Korea.

Jadi, apabila kita dijemput untuk menyertai keanggotaan G-7 di dalam kajian untuk mewujudkan satu sistem dengan izin, *The Architecture of International Financial System* ini merupakan satu lagi kemuncak kejayaan negara Malaysia ke arah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati unik sedikit negara Malaysia kerana Suruhanjaya Sekuriti pun mempunyai satu jawatankuasa bidang syariah untuk menentukan syarikat-syarikat mana yang boleh diperdagangkan menerusi ala Islam, dan kita dapati 500 lebih saham syarikat-syarikat di Bursa Saham Kuala Lumpur boleh diperdagangkan tanpa was-was kerana mematuhi kehendak agama kita, agama Islam. Jadi berasaskan kepada ini, ini merupakan satu kekuatan kepada kita, saya hendak minta, dahulu saya sudah minta tetapi tidak tengok lagi kejayaannya, supaya kerajaan menerusi Suruhanjaya Sekuriti dan Kementerian Kewangan menjaja, buat road show ke negara-negara di mana dana kewangan Islamnya begitu tinggi supaya dapat menggembelngkan dana itu ke arah memperdagangkan, menjual beli syarikat-syarikat yang menjual saham-saham yang diterima oleh Jawatankuasa Syariah sebagai halal didagangkan.

Kalau kita buat ini, saya rasa ini akan meningkatkan lagi dari segi kecairan dana kewangan di negara kita dan saya tidak nampak negara-negara lain yang membuat demikian secara besar-besaran dan juga dengan wujudnya Bank Islam, dengan munculnya Takaful Insurans di Labuan kita merasakan satu pendekatan khusus sepatutnya dibuat untuk menjalankan road show yang insentif bagi menjemput dana

kewangan Islam melabur di negara kita ini. Dan ini satu pendekatan yang saya rasa boleh mengatasi lagi masalah kita.

Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan sedemikian, saya juga mengharapkan pihak kerajaan memperluaskan dari segi perniagaan sekuriti Instrumen Hutang (Debt Instrument). Saya perhatikan apabila kita mengeluarkan bon Instrumen Hutang ini oleh syarikat-syarikat yang hendak menarik wang pelaburan, dua tiga bulan mungkin dia didagangkan kemudian terpengap dengan EPF, KWSP, dengan dana-dana yang lain, institusi yang lain tidak diniagakan. Jadi, ini mengurangkan aktiviti perdagangan, di Instrumen Hutang ini. Jadi, kalau kita hendak meningkatkan sistem kewangan yang lebih mempunyai kerangka pada tahap yang kuat, saya rasa bidang sekuriti, bidang hutang-hutang public debt ini sepatutnya dapat diniagakan dengan lebih meluas supaya ianya dapat meransangkan lagi sistem kewangan negara kita.

Saya juga ingin menyatakan di sini, kalau kita hendak bersaing dengan sistem kewangan antarabangsa, sistem perbankan kita patut diperkukuhkan lagi. Saya lihat ke arah itu telah pun dibuat di mana 13 bank yang mempunyai lesen ini .

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, bila menyebut dari segi globalisasi tadi bank ini adakah terfikir atau mencadangkan untuk mewujudkan global central bank di dalam dunia, di mana ia akan mengawal semua bank di dalam dunia ini seperti mana yang sekarang ini kita ada IMF dan World Bank, tetapi kita hendakkan global central bank dalam dunia di mana semua negara di dunia ini menjadi ahli kepada central global bank ini.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahukan pemantauan sistem kewangan antarabangsa yang lebih hebat, maka amat perlu kita mempunyai satu institusi yang boleh mengawasinya, kini kita mempunyai Bank Dunia, kita mempunyai IMF, kita mempunyai pula Bank International Settlement (BIS) di Eropah tetapi memang perlu satu institusi peringkat global mungkin menggabungkan semua institusi yang ada sekarang ini semata-mata mengawasi

international financing, hedging dan sebagainya, sekarang ini mereka buat ikut dia sahaja. Long Term Credit Management (LTCM) sebuah syarikat yang mempunyai modal berbayar RM3.5 bilion boleh hutang sampai RM200 bilion, jadi apabila wujudnya satu masalah besar di Rusia, lingkup LTCM, rizab bank Amerika terpaksa membiayainya, dia pun bailout juga, tetapi bila orang lain bailout tidak boleh, rizab bank New York Amerika bailout, LTCM, fasal banyak pemegang-pemegang saham terdiri daripada bank-bank yang besar, bank di Amerika, bank ini dan bank itu dalam LTCM, bank di Amerika. Bank di Amerika, di Eropah yang mana mempunyai saham, yang mempunyai deposit menerusi LTCM untuk mendagangkan, hedgingnya banyak sangat.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, kalau RM3.5 bilion, boleh hutang sampai RM200 bilion, ini dekat-dekat 80% dari segi hedging – mana boleh?

Tuan Yang di-Pertua, jadi banyak sangat hedging yang dibuat, jadi kalau wujud satu institusi antarabangsa mengawasi sistem ini, ini perlu, kalau kita memerlukan architecture of international finance system, dengan izin, kita memerlukan institusi pengawasan seperti yang dicadangkan dan disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki.

Jadi, perkara semacam ini akan dibincangkan oleh G7 di mana Malaysia sendiri akan menganggotainya, kita bersyukur dan pada masa yang sama, untuk hendak mengurangkan pengaruh Dollar sebagai satu mata wang perdagangan antarabangsa, kita terpaksa juga menentukan Euro memainkan peranan, perdagangan Malaysia dengan Euro sekarang sudah meningkat tetapi kegunaan Euro masih belum diperantarabangsakan lagi.

Pada masa yang sama seperti yang pernah saya sebutkan di Dewan yang mulia ini, Asia sendiri mesti mempunyai Dollarnya sendiri yang berpaksi kepada Yen, kepada Renminbi, Yuan, jadi kalau kini bypolar, ada tripolar system, sistem yang tiga paksi ini, Dollar, Euro, Asia maka barulah kita dapat menentukan tidak ada dominan, tidak ada mana-mana currency yang boleh menguasai perdagangan dunia, barulah kita mempunyai saksama perdagangan. Dari segi itu lebih saksama, lebih balance, dengan

izin, untuk menentukan tidak ada hedging yang begitu banyak menerusi satu-satu mata wang.

Tuan Yang di-Pertua, jadi perlu, sebab itulah menerusi APEC kita mahu sangat, Jepun, China dan sebagainya memainkan peranan yang lebih aktif kerana mereka ini adalah negara-negara besar di rantau ini dan kita memang bersetuju sekali kalau diwujudkan satu lagi mata wang Asia yang boleh bersaing dengan mata wang Eropah (Euro) dan juga mata wang dunia yang lain – Dollar, maka barulah wujud satu globalisasi yang saksama di mana negara-negara yang membangun di Asia dapat menumpang kejayaan perdagangan dunia. Saya menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Gapar bin Gurrohu.

5.08 ptg.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya kesempatan untuk turut menyampaikan pandangan saya terhadap Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh pada petang ini.

Pertama, marilah kita sama-sama merafakkan kesyukuran kita ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah kurnia dan izinNya maka ekonomi negara kita telah pulih dan kita juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad yang merupakan teraju utama, yang telah membawa negara kita keluar dari krisis ekonomi baru-baru ini melalui Majlis Tindakan Ekonomi yang telah dapat melahirkan satu pelan yang telah boleh membawa kita keluar daripada ranjau dan onak duri ekonomi ini.

Dulunya kita dikritik hebat oleh pemimpin-pemimpin dunia termasuklah daripada Bank Dunia tetapi hari ini kita turut berasa bangga di mana Presiden Bank Dunia sendiri mengakui bahawa pemulihan kita dan kita rasa kita sudah berada atau menuju kepada arus pembangunan semula dan dengan kejayaan ini, dengan pembangunan ekonomi ini dapatlah membolehkan kerajaan menyediakan asas yang lebih kukuh untuk memasuki alaf baru dan akan dapat memberi dan menyediakan sosio-ekonomi yang lebih baik dan lebih bermakna lagi.

Saya ingin merujuk kepada para 39 Ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berbunyi: “*Kerajaan akan memperhebatkan usaha bagi mencapai matlamat sektor perkhidmatan yang lebih moden.*” Dan pada para 49 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan: “*..akan meningkatkan kualiti hidup dan dalam hubungan ini tumpuan kepada penyediaan infrastruktur, pendidikan dan latihan, perumahan, kesihatan, belia, kaum wanita, keluarga, pembangunan masyarakat akan terus dipertingkatkan.*”

Di sini saya ingin menyampaikan beberapa pandangan bahawa dalam menangani beberapa perkara kita rasa terhutang budi kepada kerajaan, kepada rakyat keseluruhannya termasuklah pedagang-pedagang, pekerja-pekerja dan juga rakyat, walaupun berada dalam keadaan ekonomi yang sedemikian, kemelutnya dalam setahun lebih yang lalu tetapi dapat bersabar, berfikir dengan begitu rasional terhadap keadaan ini dan yang akhirnya kerajaan yang bertungkus lumus dapat mengembalikan keadaan ekonomi yang ada ini.

Kalau kita lihat dalam negara kita di mana bila berlaku krisis ekonomi ini, ada pihak yang benar-benar tertekan, sama ada pihak pengilangnya, pekerjanya, orang-orang kampung sudah mula terjejas, tetapi semua ini seolah-olah kita semua mengetahui bahawa keadaan ini ditimpakan kepada kita dan kita menaruh sepenuh keyakinan bahawa kerajaan kita mampu menangani dan keluar daripada krisis ini. Keyakinan inilah sebenarnya yang membuatkan kita berjaya dan oleh itu hari ini sudah terhasil atau terjelma atas kesabaran mereka ini. Kalaupun pada hari itu, kita tidak sabar, masing-masing mahu mencari jalan sendiri, jikalau keluar maka kita lihat akan lebih lagi kucar-kacir dari segi ekonomi kita ini.

Maka oleh itulah, hari ini kita ingin melihat bahawa kerajaan akan terus memberikan perkhidmatan yang lebih baik untuk rakyat jelata, kita dengar pelbagai usaha dibuat oleh kerajaan melalui pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat, tetapi malangnya kita melihat beberapa kementerian dan jabatan mengambil sikap setengah-setengahnya itu seperti ‘sudah terantuk baru hendak tengadah’.

Kita kecoh baru-baru ini tentang wabak JE dan juga Nipah, kalau kita ingat sebelum berlakunya peristiwa ini, kita terbaca di dada-dada akhbar, di televisyen, komen di majalah-majalah bahawa tahap pencemaran sungai-sungai kita dan udara kita sudah begitu teruk termasuklah di Negeri Sembilan masalah ternakan babi ini dua, tiga bulan dahulu telah diketengahkan, rasa kebimbangan masyarakat terhadap perkara yang berlaku ini, tetapi nampaknya semuanya mengambil ringan.

Kemudian apabila meletup peristiwa ini, maka semuanya seolah-olah boleh bahu-membahu menangani masalah ini. Kita bersyukur, kita berterima kasih dan terhutang budi kepada kakitangan kerajaan yang sudahpun membuat anjakan paradigma melalui beberapa program yang telah pun dibuat oleh kerajaan. Kita menumpang gembira apabila baru-baru ini ataupun dua, tiga hari yang lepas di mana beberapa orang kita di Geneva, dalam satu expo memenangi tujuh pingat termasuk empat pingat emas dan salah seorangnya menjadi johan ataupun yang terbaik. Seorang wanita kita menjuarai peringkat wanita. Jadi, ini membanggakan kita dan semalam seorang anak tempatan Johor, anak Malaysia membuat kejayaan daripada mengkaji tisu. Semua ini membanggakan kita kerana kita ingin gemilang tetapi di sebaliknya kita dengar, sahabat-sahabat saya telah menyentuh beberapa perkara termasuklah masalah-masalah kesihatan ini.

Sekarang kita cerita tentang JE dan sebagainya. Jangan lupa bahawa kita juga masih lagi dalam keadaan kalut dengan masalah Hepatitis B ini dan baru-baru ini dinyatakan di dalam akhbar bahawa sebanyak 70% rakyat Malaysia yang mengidap penyakit hati (liver) berpunca daripada Hepatitis B. Bayi-bayi yang baru lahir perlu mendapatkan imunisasi. Perkara ini telah dilakukan ataupun dibuat sejak tahun 1989. Begitu juga dengan keadaan AIDS kita, cukup membimbangkan. Seramai 28,541 orang pengidap AIDS yang dilaporkan pada tahun lepas dan seramai 13 orang setiap hari dijangkiti oleh HIV. Oleh itu kita berharap Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dapat bahu-membahu supaya apa yang telah berlaku ini tidak berulang kembali. Prevention is better than cure, dengan izin.

Sepatutnya kita perlu proaktif dalam perkara ini. Poster-poster, ceramah-ceramah perlu kita sebar luaskan, bukan sahaja di klinik-klinik, perlu ada di balai raya, di surau dan masjid atau di mana-mana sahaja tempat awam, di mana orang awam dapat pengetahuan tentang semua ini supaya mereka dapat mencegah daripada terlibat dengan keadaan-keadaan seumpama ini. Jadi, kita berharaplah keadaan ini tidak seperti kita kata ‘Sudah terantuk baru tengadah’ kerana ianya banyak merugikan kita kerana belanja yang banyak.

Begitu juga tentang masalah lalat. Saya dengar beberapa orang rakan saya menyebut tentang sampah-sarap. Ianya berlaku di kawasan majlis tempatan termasuk juga bandaraya. Yang Berhormat Puan Kamalia ada menyebutkan di kawasan beliau sendiri. Kita bercakap tentang masalah-masalah yang lebih gemilang, lebih indah tetapi sampah-sarap tidak selesai lagi. Di manakah salahnya?

Begitu juga kita dengar perkhidmatan kaunter kita ini juga kadang-kadang menimbulkan masalah. Saya ambil contoh misalnya, Jabatan Imigresen kita. Ia membuka kaunternya atau melayan pelanggan mengikut nombor, katalah antara nombor 1 hingga 50. Kalau habis nombor itu ia berhentikan perkhidmatan untuk melayan pelanggan. Cuba kita bayangkan ada orang-orang kampung, petani, nelayan atau buruh yang datang 20 atau 30 batu ke pejabat imigresen untuk berurusan, tiba-tiba sampai ke sana pukul 11.00 pagi atau pukul 12.00 tengah hari diberitahu bahawa kerja-kerja untuk membuat ini telah pun selesai, kena datang esok. Jadi, kita berharaplah kalau kita bercakap tentang customer first, pelanggan diutamakan, apakah jenis perkhidmatan yang kita beri, yang inilah mengecewakan kita. Kita berharap keadaan-keadaan seumpama ini dapat kita perbaiki dari masa ke semasa.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakamkan tahniah kepada Kementerian Pendidikan yang baru-baru ini memulakan sesi di IPTA dan IPTS dengan pelajar-pelajar baru, membawa mereka berjumpa dengan pemimpin dan mendengar amanat pemimpin. Antara yang diterangkan ialah tentang dasar-dasar kerajaan dan faedah-faedah untuk bangsa dan negara. Satu tajuk lagi diceritakan

tentang perjuangan bangsa supaya dapat kita semaiakan perasaan “Tak kenal maka tak cinta” dan kita berharap perjumpaan seumpama ini dikerapkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita maklum bahawa anak-anak kita ini masih mentah lagi. Di sekolah mereka ini banyak menumpukan perhatian kepada pelajaran untuk lulus peperiksaan. Kalaupun mereka belajar sejarah mungkin mereka tidak pelajari apa-apa daripada sejarah itu kerana sistem persekolahan kita masih lagi terikat dengan ‘exam oriented’ – untuk lulus dan dapat sijil. Jadi, oleh itu kita melihat kadang-kadang anak-anak kita tidak dapat menghargai erti sebuah kemerdekaan, erti perjuangan datuk nenek mereka sehingga membolehkan mereka dapat hidup dalam keadaan selesa, harmoni, tenang dan bahagia masa kini. Oleh itu sudah kena masanya kita meminta anak-anak ini membuka atau dibuka lembaran sejarah supaya mereka benar-benar dapat faham bagaimana kita meniti sejarah, susah senangnya datuk nenek kita atau emak bapa dia dahulu yang membangunkan kerajaan begitu gigih sekali.

Kalau kita hendak ceritalah orang-orang tua kita dahulu tidak ada pelajaran pun, tidak tahu pun politik, ekonomi jauh sekali, rendah tetapi mereka tahu satu iaitu bersatu untuk meningkatkan atau menjaga maruah bangsa dan negara. Dengan bersatulah kita dapat menumbangkan gagasan Malayan Union, dengan bersatulah kita dapat mencapai kemerdekaan dan atas kebijaksanaan pemimpin-pemimpin pelbagai bangsa yang ada dalam negara ini, kita duduk semeja berbincang sesama sendiri, kita dapat menyelesaikan banyak perkara. Kalau hendak kira bergaduh, kita ada banyak sebab untuk bergaduh – lain agama, lain budaya, lain bahasa tetapi semua ini kita tolak tepi. Tahukah anak-anak kita perjuangan ini, onak dan duri yang telah dilalui oleh bapa-bapa kita tanpa mendapat apa-apa pembelaan. Kadang-kadang tidak dapat menikmati kebahagiaan yang kita capai pada hari ini. Inilah yang tidak difahami oleh anak-anak kita, yang sekarang ini buka pintu sudah naik kereta ataupun bas sekolah atau naik basikal, tidak jumpa lagi yang berjalan “kaki ayam” ke sekolah.

Jadi, oleh itu kita kena fahamkan mereka erti sebuah kemerdekaan, ertinya perpaduan rakyat supaya mereka benar-benar faham, jangan kerana satu dua perkara salah atau kesilapan dibuat oleh pemimpin, maka kita bak kata pepatah “Kerana

uyamuk seekor, kelambu kita bakar”. Jadi, inilah yang kita harapkan supaya para pemimpin kita benar-benar dapat merapati anak-anak kita di peringkat pengajian tinggi ini kerana mereka ini the future leaders, bakal memimpin.

Satu perkara lagi yang saya lihat ialah kita banyak telah memperkatakan antara orang-orang agama dengan pemimpin. Kalau dalam Islam disebutkan ulama dan umarak. Ini menjadi satu agenda dalam pendidikan kita di mana kita berharap setiap pemimpin dapat menjiwai nilai-nilai yang dibawa oleh agama. Begitu juga alim ulama kita, kita mengharapkan dapat memahami segala sistem, segala perubahan yang berlaku dalam keadaan suasana negara pada masa ini.

Kalau kita lihat dalam keadaan ini sudah berlaku sedikit perpecahan dan perpecahan ini kita dapat dilihat ditarik kepada soal-soal politik. Sebenarnya kalau kita lihat sejak zaman dahulu lagi peringkat awal-awal kita hendak tubuh UMNO sudah berlaku. PAS ini misalnya wujud kalau kita semua dapat melihat wujudnya daripada Biro Agama UMNO itu sendiri yang akhirnya berpecah menjadi PAS. Kalau kita lihat betapa jujuranya UMNO itu sendiri melahirkan satu biro yang diharapkan dapat membantu menggerakkan UMNO itu sendiri. Tetapi barangkali conflict of ideas, pertentangan pendapat kerana satu dapat pendidikan daripada Timur Tengah dengan perspesi agama sedemikian rupa, kemudian satu lagi yang dapat didikan dikatakan daripada Barat dapat satu persepsi Islam sedemikian rupa. Pertembungan inilah yang sehingga akhir ini berhujah dikatakan melahirkan sekularisme dan sebagainya.

Kita lihat ini berlaku dan sehingga hari ini dan kita berharaplah sistem pendidikan kita ini dapat mengurangkan jurang ini supaya kita dapat lahirkan di mana pemimpin dan Islam dan juga nilai-nilai murni ini tidak dapat kita bezakan. Itu sebabnya kalau kita lihat hari ini kita hendak berkata orang UMNO ini bukan ulama tetapi jangan lupa para pemimpin kita sungguhpun bukan bergelar ulama mereka telah membangunkan Islam tanpa mengganggu-gugat bangsa-bangsa yang lain. Kita lihat walaupun kita tidak canang kerana kita tahu Islam itu indah, Islam itu cantik, Islam itu perpaduan, Islam itu yang akan membawa kita kejayaan dunia dan akhirat. Bukan Islam itu membawa kita perpecahan, bukan Islam itu membawa tumpah darah,

sebaliknya oleh itu kita berharap sangat kalau sistem pendidikan dari segi agama ini kita kurang beri tumpuan, kita berharap Kementerian Pendidikan dapat melihat-lihat anak-anak kita di sekolah Arab itu. Sekolah Arab ini dan sekolah-sekolah rakyat kita lihat kalau kita bandingkan dengan sekolah-sekolah kerajaan yang lain sekolah sains misalnya jauh daifnya. Mungkin ini sebabnya mereka berjauhan hati. Sebabnya kalau kita lihat sekolah Arab ini dia duduk dalam satu bangsal kadang-kadang, makannya tak betul, kita lihat baru-baru ini bila berlaku kebakaran kita juga menitikkan air mata. Itu adalah anak-anak kita.

Jadi oleh itu kalau ada satu sistem yang benar-benar kita mantapkan agamanya sudah tidak ada sekularisme lagi bahkan kita dapat mantapkan sistem pendidikan. Maka kita dapat lihat dalam zaman kita ini kita akan lahir manusia Malaysia yang faham erti agama itu dengan benar-benar erti kata dan membangunkan negara supaya ianya seimbang. Inilah selalu dalam doa kita sebutkan [*dalam bahasa arab*] kita mahu kejayaan dunia dan kita mahu kejayaan akhirat ini yang lebih kekal dan abadi. Kerana kita sebagai hamba Allah saya hendak lihat bagaimana indahnya konsep ini di mana kita lihat satu cerita kalau dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya hendak bawa satu cerita bagaimana satu ketika seorang panglima Islam Khalid Ibn Walid dalam satu peperangan yang hebat yang belum nampak kejayaannya Khalid Ibn Walid didatangi oleh seorang sahabat menghulurkan sepucuk surat dalam peperangan Khalid membuka surat itu, apakah isi surat itu? Pertama dinyatakan bahawa Khalifah Abu Bakar telah meninggal dunia dan yang kedua dalam itu menyebutkan Khalid dengan ini Umar yang baru dilantik menggantikan Saidina Abu Bakar melucutkan jawatan kamu dalam peperangan ini sebagai panglima. Khalid menggulung kertas ini dan terus berjuang sehinggalah tentera-tentera Islam berjaya. Akhirnya setelah berjaya mereka membuat sujud syukur kepada Tuhan atas kejayaan ini barulah diberitahu sahabat, “wahai sahabat-sahabat ada dua berita yang hendak saya sampaikan; pertama Khalifah kita Saidina Abu Bakar telah wafat, yang kedua saya dipekat menjadi panglima”. Jadi ada sahabat-sahabat yang tahu berkata kenapakah tidak dibaca surat itu lebih awal sebab kita tahu surat ini lebih awal. Apa jawab Khalid Ibn Walid

panglima Islam yang gagah perkasa ini, kata dia dalam perjuangan saya bukan jawatan yang penting, yang penting ialah saya berjuang kerana Allah tetapi bila datang surat ini saya tahu saya tidak ada pangkat itu tidak penting tetapi perjuangan ini mesti diteruskan. Setelah tamat saya serahkan kembali, saya bukan lagi panglima. Jadi diserahkan kepada sahabatnya untuk meneruskan perjuangan. Inilah yang kita mahu melihat the ideal, the beauty dalam kita berkhidmat bukan kerana ini sahaja tetapi yang lebih murni lagi kita akan dapat kejayaannya nanti. Buahnya kita akan tuai bila sampai waktu dan ketikanya. Kalau kita lihat segala-galanya hari ini konsep ini telah lari. Kita lebih banyak mementingkan keadaan diri kita, tidak mementingkan bangsa kita, negara kita, maka berlakulah pertembungan

Saya tertarik hati semasa sesi soal jawab kita di mana polis kita lihat polis mengakui bahawa ada di antara anggota-anggotanya sendiri diambil tindakan disiplin tanpa diketahui oleh orang ramai. Saya rasa ini satu perkara yang cukup baik selama ini imej polis ditunjukkan dengan keburukan itu sahaja. Kalau selalunya ditunjukkan keburukan yang tak buruk pun orang akan percaya jadi buruk. Benda yang baik ini kita tak tahu. Self prettyism ini kita lihat tak mudah orang hendak mengaku. Selalunya kita lihat orang-orang ini lebih pertahankan diri tak mahu mengaku kelemahannya. Jadi saya hendak mengambil kesempatan ini ucapkan tahniah atas kejayaan mengkritik diri sendiri dan juga memperbaikinya.

Pada kesempatan ini juga saya oleh kerana kita dalam suasana Hari Guru 16 Mei kita ini semua hadir pada hari ini adalah kerana bekas atau mendapat didikan daripada guru-guru kita, tak mungkin kita jadi apa yang kita jadi hari ini kalau tidak ada guru. Jadi oleh itu kita lihat peranan guru sekarang ini semakin mencabar oleh itu ada beberapa isu yang saya lihat guru-guru sedang perjuangankan ini perlu kerajaan memberikan perhatian. Pertama baru-baru ini pada penghujung tahun lepas ada satu siaran mengatakan guru-guru yang sudah lebih umur 40 tahun tak boleh jadi pengetua, tak boleh jadi guru besar. Saya rasa ini satu kerugian dari segi pendidikan sebab orang yang sudah berumur 40 tahun ini mungkin lebih sedikit dari segi umurnya tetapi jangan lupa kita kena akui bukan sahaja kelulusan, pengalaman dan juga nilai-nilai

murni boleh melahirkan seorang guru yang bijaksana. Tak mungkin tanpa pengalaman yang berharga guru-guru ini boleh menjadi seorang pendidik. Jadi dengan mengetepikan guru-guru yang 40 tahun ini saya rasa satu kesilapan sebab...

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan dan adakah benar apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi bahawa seorang itu apabila sampai umur 45 tahun tidak boleh jadi guru besar. Kalau betul itu adalah dasar ataupun satu peluang yang telah pun terlepas oleh guru. Biasanya guru-guru yang nak jadi guru besar mestilah umur meningkat sedikit, kalau 45 tahun itu masih muda lagi. Adakah cakap itu tersasul ataupun betul ke, saya hairan benar kalau benda ini berlaku, saya rasa perkara ini tak patut berlaku.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Haji Mohd. Zuki, saya hendak betulkan. Saya dapat fakta ini hari ini masa kita cerita-cerita guru ini melalui *Utusan Malaysia*, disebutkan bahawa guru-guru dalam perjuangannya minta supaya Kementerian Pendidikan menimbangkan jawatan-jawatan mereka yang telah lebih umur 40 tahun ini. Dan yang keduanya masalah cuti. Masalah cuti guru ini pelik sedikit

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat masih panjang?

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Sedikit sahaja lagi. Dia tidak dapat cuti untuk mengikut keperluan mereka Tuan Yang di-Pertua. Mereka terpaksa ikut cuti sekolah, yang adapun tujuh hari. Tujuh hari itu pula tertakluk dengan beberapa syarat. Oleh itulah rayuan mereka terikat dan tidak ada cuti dan cuti sekolah pun kadang-kadang mereka kena panggil. Kita berharaplah guru-guru ini dapat diberi peluang.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, saya nak minta laluan, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, adakah selepas ini berakhirnya perbahasan kita mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh ataupun diberi peluang sejam lagi esok untuk berbahas, sebabnya saya rasa ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berbahas .

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingin tahu berapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat hendak berucap - tiga orang lagi. Berapa masa dia - satu jam sudah cukup.

Saya ingat boleh sampai pukul 12.00 tengah hari esok, selepas itu kementerian-kementerian akan menjawab.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Tuan Yang di-Pertua saya hendak habiskan sedikit lagi kerana ada rakan-rakan yang hendak bercakap esok. Tentang cuti tujuh hari ini kita harap dapat dilonggarkan supaya guru-guru ini ada kesempatan mengambilnya dan dengan adanya cuti tujuh hari ini membolehkan guru-guru mendapat 'golden hand shake' kerana dia tidak pernah dapat kerana ketiadaan cuti seumpama ini. Jadi saya rasa antara perkara-perkara rungutan guru-guru ini dipertimbangkan kerana memandangkan perkhidmatan mereka. Sekian dengan ini saya menyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Teriam kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat Majlis mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.